JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

LAPORAN TAHUNAN 2023











KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN BHEUU 2023

Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) 1

Perutusan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) 3

Senarai Agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) 4

Pengurusan Tertinggi Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) 5

Pengurusan Tertinggi BHEUU 6

MAKLUMAT KORPORAT BHEUU

Sejarah BHEUU 8

Misi & Visi 10

Piagam Pelanggan 11

Objektif 12

Fungsi 13

Carta Organisasi BHEUU 14

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN SEKSYEN

Seksyen Dasar dan Penyelidikan 15

Seksyen Pembangunan 77

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia 106

Seksyen Kewangan 133


Seksyen Pengurusan Maklumat 140

Unit Komunikasi Korporat 197

Unit Integriti 209

Jabatan Bantuan Guaman 217

Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) 318



PERUTUSAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, tahun 2023 telah ditempuhi dengan cemerlang dan jayanya. Mengimbas kembali tahun 2023, tahun 2023 menyaksikan BHEUU, JPM berjaya mengharungi segala onak, segala liku dan segala cabaran. Cabaran utama UURI adalah memastikan semua perkara berkaitan perundangan yang ada terus diperhalusi, dirancang dan dilaksana dengan sebaiknya tanpa ada yang tercicir dalam rantaian tersebut. Seharusnya sinergi undang-undang dan reformasi institusi menjadi faktor utama dalam memastikan perubahan dalam sistem perundangan negara mencapai matlamatnya. Selaras dengan hasrat tersebut, BHEUU, JPM telah berusaha memastikan suasana perundangan ini mampu melahirkan sebuah masyarakat yang faham akan erti undang-undang yang ada termasuk menjaga kedaulatan negara.

Dengan berteraskan 6 nilai elemen Malaysia MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan dalam membangunkan sebuah masyarakat yang progresif dan berteraskan perlembagaan bakal memberi impak baru kepada dasar perundangan negara untuk melangkah ke hadapan bagi mengharungi cabaran dan perubahan yang bakal berlaku. Ruang dan peluang yang datang akan terus memikul bersama sebagai satu tanggungjawab, satu amanah, dan satu misi.

Harus diingat adalah merakyatkan undang-undang adalah tanggungjawab semua. Kita mahu undang-undang yang ada akan terus menjadi nadi dalam hidup masyarakat, menjadi pemangkin kepada lahirnya sebuah masyarakat yang maju, berdaya saing dan bersatu padu di bawah satu bendera Malaysia. Sistem undang-undang yang berteraskan nilai dan bersifat inklusif mampu melahirkan insan yang gemilang, mencintai masyarakat dan negara. Inilah ikrar BHEUU,JPM untuk terus memastikan pintu institusi pendidikan akan terbuka seluas-luasnya kepada semua.

Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama erat bersama Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) serta agensi lain di bawah kluster Undang-undang dan Reformasi Institusi terus komited dalam mengorak langkah merealisasikan hasrat untuk mewujudkan sistem perundangan yang bersepadu, efektif dan secara berterusan. Justeru perubahan pucuk pimpinan kerajaan Malaysia MADANI telah membawa semangat baru ke arah memartabatkan sistem perundangan negara melalui transformasi undang-undang dan reformasi institusi.

BHEUU JPM akan terus komited bagi memastikan undang-undang dan reformasi institusi ini akan terus terpelihara dan lebih berkualiti selaras dengan aspirasi yang didukung oleh Kerajaan. Pada masa yang sama, seluruh warga Undang-Undang dan Reformasi Institusi serta agensi-agensi berkaitan turut bersama-sama Kerajaan MADANI dalam membangunkan sebuah negara Malaysia yang mengecapi segala bentuk kemajuan dan kemodenan kejayaan inisiatif di bawah Aspirasi MALAYSIA MADANI.

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Setinggi tahniah dan syabas di atas kejayaan menerbitkan Laporan Tahunan BHEUU JPM Tahun 2023. Inilah laporan yang merekod segala perkembangan dan perubahan dalam sektor perundangan negara.

Tahniah juga diucapkan kepada warga kerja BHEUU JPM yang telah menyumbang tenaga, idea dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Laporan Tahunan ini merupakan laporan komprehensif yang boleh dijadikan rujukan atau panduan mengenai perkembangan sistem perundangan negara. Selain sebagai satu imbasan terbaik dalam menterjemah peranan BHEUU ianya juga dapat memastikan sistem undang-undang negara bergerak seriring dengan arus perubahan dunia tanpa sempadan ke arah pembangunan negara.

Segala usaha ini adalah bukti kerjasama seluruh warga kerja BHEUU dalam melaksanakan transformasi dari segala aspek pengurusan terbaik selari dengan visi misi BHEUU direalisasikan sepenuhnya. Usaha yang berterusan perlu dipertingkatkan bagi memastikan sistem perundangan negara terus menjadi nadi dan tonggak utama ke arah pembangunan negara.

YB DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

SENARAI AGENSI

DI BAWAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

1. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
2. Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI)
3. Jabatan Bantuan Guaman (JBG)
4. Lembaga Penasihat (LP)
5. Bahagian Perlindungan (BP)
6. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)
7. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
8. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
9. Pusat Timbangtara Antarabangsa Asia (AIAC)
10. Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)

PENGURUSAN TERTINGGI

BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

MENTERI




YB Dato' Sri Azalina Othman Said
(5 Disember 2022 hingga kini)

TIMBALAN MENTERI



YB Tuan Ramkarpal Singh
(12 Disember 2022 hingga 11 Disember 2023)



YB Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson
(12 Disember 2023 hingga kini)

KETUA PENGARAH BHEUU



Datuk Abd Shukor bin Mahmood
(17 Mei 2022 hingga 7 Februari 2023)



Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud
(22 Mac 2023 hingga kini)

KETUA PENGARAH MdI



Ybrs. Tuan M. Bakri bin Abd. Majid
(3 Januari 2023 hingga kini)

KETUA PENGARAH JBG



Dato' Wan Jeffry bin Kassim
(1 Mei 2021 hingga 2 Julai 2023)



Dato' Norazmi bin Mohd Narawi
(3 Julai 2023 hingga kini)

PENGURUSAN TERTINGGI

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

KETUA PENGARAH BHEUU



Datuk Abd Shukor bin Mahmood
(17 Mei 2022 hingga 7 Februari 2023)



Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud
(22 Mac 2023 hingga kini)

TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR DAN PEMBANGUNAN)



Encik Abdul Aziz bin Mohd Johdi
(27 Januari 2020 hingga 23 Mac 2023)



Puan Dr. Punitha a/p Silivarajoo
(23 Mac 2023 hingga kini)

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)




Puan Azlin binti Azizan
(8 Februari 2021 hingga kini)

PENGARAH SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN



Puan Intan Syahrina binti Zainal Abidin
(2 Mei 2023 hingga 14 Disember 2023)

PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN



Puan Khalilasalwa binti Salleh
(15 Ogos 2019 hingga 14 Jun 2023)



Encik Shaiful Azli bin Mahamad Nor
(15 Jun 2023 hingga kini)

PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT



Encik Zulkarnain bin Rohimi
(16 November 2020 hingga kini)

PENGARAH SEKSYEN KEWANGAN



Puan Hafeezah binti Abdul Halim
(21 Mac 2022 hingga kini)

PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



Puan Nik Shadira Binti Shamsuddin
(21 Mac 2023 hingga 28 Februari 2023)



Encik Hafidzri Fidyatulnaim Bin Hamzah
(15 Mei 2023 hingga kini)

PENASIHAT UNDANG-UNDANG



Puan Natasha binti Abdul Azis
(19 Disember 2022 hingga kini)

KETUA KOMUNIKASI KORPORAT



Puan Hasnida binti Samsudin
(1 Dis 2022 hingga 14 Mei 2023)



Puan Norizan binti Ibrahim
(19 Jun 2023 hingga kini)

KETUA UNIT INTEGRITI



Puan Norshakila a/p Yusof
(14 April 2023 hingga kini)

SEJARAH

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-undang Malaysia. Pada waktu itu, kluster bahagian ini adalah terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah dikeluarkan dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

PKPMP juga berpisah daripada pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP pula telah dipindahkan dan diletakkan dibawah pentadbiran BHEUU dan menjadi salah satu cawangan utama di Bahagian ini bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003 berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia Department of Insolvency (MdI).


Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan kekeliruan masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU juga merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklum balas Kementerian terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.

Mulai tahun 2021, fungsi BHEUU semakin meluas melangkaui senarai fungsi yang dijelaskan melalui Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2021 (P.U.(A) 383) berkuat kuasa 8 Oktober 2021. Selain menjalankan fungsi sedia ada, BHEUU dipertanggungjawabkan sebagai *lead agency* untuk penetapan dasar dan pentadbiran perundangan yang tidak berada di bawah fungsi mana-mana Kementerian/Jabatan secara jelas. BHEUU turut menjadi agensi peneraju bagi isu hak asasi manusia bersifat domestik dan maklum balas dan ulasan pihak antarabangsa berkaitan isu hak asasi manusia dan dasar perundangan negara.





VISI

Peneraju kepada kecekapan dan keberkesanan **pentadbiran sistem perundangan negara.**

MISI

Memperkasakan sistem perundangan negara demi kesejahteraan rakyat melalui **penyediaan prasarana serta dasar yang mampan dan efektif.**

PIAGAM PELANGGAN

1. Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh diterima.

2. Pemberitahuan kelulusan awal dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh semakan Pegawai Undang-undang (PUU) lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258 diterima.

3. Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima.

4. Penyaluran Waran Peruntukan Pembangunan (DE) dibuat kepada agensi pelaksana dalam tempoh lima (5) hari bekerja daripada tarikh permohonan sekiranya peruntukan mencukupi.

5. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer dengan kebolehcapaian 99 peratus.

OBJEKTIF

1. Merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan BHEUU, JBG, Mdl dan mahkamah mengikut piawaian yang ditetapkan.
2. Menguatkuasakan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
3. Mengoptimumkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di BHEUU, JBG, Mdl dan mahkamah.
4. Memperkasa ketelusan tadbir urus kewangan dan ICT.
   Memperkasa sumber manusia dan kecekapan pengurusan khidmat korporat.
5. Membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia yang lengkap dan komprehensif.
6. Menyelaras proses pengampunan bagi kes-kes rayuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan memantau status kes-kes pengampunan di negeri-negeri.
7. Menyelaras dan memantau penguatkuasaan akta-akta yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU.
   Mengurusetiakan :
   - a. Pelantikan anggota Jawatankuasa Pemilihan dan anggota SUHAKAM serta menyelaras penyediaan buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.
   - b. Pelantikan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).
   - c. Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL).
8. Mendaftar dan menguruskan penubuhan yayasan di seluruh negara.

FUNGSI

1. Pindaan, Pemansuhan dan Pembaharuan Undang-Undang (*Law Reform*).
2. Mengurus dan menyelaras pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk perkara berkaitan pendaftaran dan pemantauan pemerbadanan pemegang amanah.
3. Perancangan dan pembangunan projek mahkamah, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI).
4. Agensi fokal kepada penyelarasan urusan Hak Asasi Manusia dan SUHAKAM.
5. Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].
6. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749].
7. Menyelaras pelantikan Penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak.
8. Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
9. Memantau kedudukan urusan pengampunan di tiap-tiap negeri.
10. Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC).
11. Menyelaras pengurusan sumber manusia dan sistem maklumat Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI).

CARTA ORGANISASI

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID



TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

YB TUAN RAMKARPAL SINGH



KETUA PENGARAH BHEUU
(GRED UTAMA A)

DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD



TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)
(PTD M54)

AZLIN BINTI AZIZAN



PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT
(PTM F52)

ZULKARNAIN BIN ROHIMI



PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
(PTD M52)

HAFIDZRI FIDYATULNAIM BIN HAMZAH



PENGARAH SEKSYEN KEWANGAN
(PTD M52)

HAFEEZAH BINTI ABDUL HALIM



TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR & PEMBANGUNAN)
(GRED UTAMA C)

DR. PUNITHA SILIVARAJOO



PENGARAH SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN
(PTD M54)

INTAN SYAHRINA BINTI ZAINAL ABIDIN



PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN
(PTD M54)

SHAIFUL AZLI BIN MAHAMAD NOR



PENASIHAT UNDANG-UNDANG
(L48)

NATASHA BINTI ABDUL AZIS



KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
(S48)

NORIZAN BINTI IBRAHIM



KETUA UNIT INTEGRITI
(PTD M44)

NORSHAKILA A/P YUSOF



SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN

SESI LIBAT URUS CADANGAN PENGGUBALAN AKTA PEMBELAAN AWAM PADA 24 FEBRUARI 2023 DI PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA (AIAC), KUALA LUMPUR

Pada 24 Februari 2023, semasa ucapan pembentangan Belanjawan 2023, YAB Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan bantuan guaman bagi kes jenayah supaya rakyat miskin atau golongan yang memerlukan mendapat manfaat akses kepada keadilan yang lebih baik dan berkesan.

Susulan itu, satu Program Libat Urus Hala Tuju Perkhidmatan Bantuan Guaman Bagi Kes Jenayah di Malaysia telah diadakan pada 11-12 April 2023 dan dihadiri seramai 80 peserta mewakili Kementerian/ Jabatan Persekutuan, Badan-Badan Peguam, Pertubuhan Masyarakat Madani (CSO), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Ahli-Ahli Akademik dalam bidang undang-undang telah menghadiri program yang bertujuan untuk berkongsi input, maklum balas dan kepakaran.

Seterusnya, pada 11 Mei 2023 yang lalu, satu sesi perkongsian ilmu telah diadakan bersama Bekas Duta Besar Amerika Syarikat ke East Timor yang juga merupakan Bekas Penasihat Am Imigresen dan Naturalisasi Amerika Syarikat, Mr. Grover Joseph Rees bersama Hakim James Park Taylor yang berkhidmat di Pejabat Pembelaan Suku Gabungan Salish dan Kootenai di Montana. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan input serta pandangan berhubung pewujudan Pejabat Pembelaan Awam di Amerika Syarikat dalam menawarkan perkhidmatan bantuan guaman bagi kes-kes jenayah.

Kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang- Undang dan Reformasi Institusi) bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Akta Pembelaan Awam (JAPA) dengan keanggotaannya terdiri daripada kalangan ahli akademik dalam bidang perundangan.




Dato' Sri Khairul Dzaimee Bin Daud, Ketua Pengarah BHEUU, Jabatan Perdana Menteri Semasa Sesi Libat Urus Cadangan Penggubalan Akta Pembelaan Awam

PEMBAHARUAN *AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT MALAYSIA AND THE ASIAN-AFRICAN LEGAL CONSULTATIVE ORGANIZATION RELATING TO THE ASIAN INTERNATIONAL ARBITRATION CENTRE PADA* 15 MAC 2023 DI PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA

Malaysia telah menyertai AALCO melalui *Agreement Between The Government Of Malaysia And The AALCO Relating To The Regional Centre For Arbitration In Kuala Lumpur* (*Host Country Agreement* – HCA) pada tahun 1970. Melalui HCA ini, sebuah Pusat Timbang Tara telah ditubuhkan pada tahun 1978 dengan nama *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* (KLRCA) yang merupakan pusat timbang tara serantau yang pertama seumpama dengannya bernaung di bawah AALCO di mana Malaysia telah diberikan penghormatan untuk menjadi negara tuan rumah.

KLRCA kemudiannya dijenamakan semula pada tahun 2018 kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (*Asian International Arbitration Centre* – AIAC) sehingga kini. HCA terkini telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan AALCO pada 15 Mac 2023 berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun sehingga 14 Mac 2028. Pembaharuan perjanjian ini secara tidak langsung akan meletakkan Malaysia kekal menjadi destinasi Alternative Dispute Resolution (ADR) di dalam dan luar negara di rantau Asia melalui AIAC sebagai service provider kepada pihak-pihak yang mempunyai pertikaian yang ingin diselesaikan secara baik (*amicable*) dan menang-menang (*win-win*) di antara kedua-dua pihak yang bertikai.

HCA terkini telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan AALCO pada 15 Mac 2023 berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun sehingga 14 Mac 2028. Pembaharuan perjanjian ini secara tidak langsung akan meletakkan Malaysia kekal menjadi destinasi *Alternative Dispute Resolution* (ADR) di dalam dan luar negara di rantau Asia melalui AIAC sebagai service provider kepada pihak-pihak yang mempunyai pertikaian yang ingin diselesaikan secara baik (*amicable*) dan menang-menang (*win-win*) di antara kedua-dua pihak yang bertikai.



AGREEMENT BETWEEN

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

THE ASIAN-AFRICAN LEGAL CONSULTATIVE ORGANIZATION

RELATING TO THE

ASIAN INTERNATIONAL ARBITRATION CENTRE IN KUALA LUMPUR

Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan *The Asian-African Legal Consultative Organization Relating to the Asian International Arbitration Centre* di Kuala Lumpur

PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2023 DAN RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2023 BERKENAAN KESALAHAN MENGHENDAP *(STALKING)* PADA 16 MAC 2023 DI DEWAN RAKYAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh telah membentangkan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat pada 16 Mac 2023 dan Dewan Negara pada 6 April 2023. Kedua-dua Rang Undang-Undang berkenaan telah diluluskan oleh kedua-dua dengan sokongan sebulat suara daripada kesemua pembahas tanpa sebarang pindaan.

Pindaan ini melibatkan perbuatan menjejaki ("*tracking*") seseorang melalui apa jua cara ("*by any means*") boleh menjadi kesalahan menghendap. Penambahbaikan ini khusus bagi menangani kes-kes di mana seseorang dijejaki tanpa elemen secara fizikal oleh mana-mana orang dengan menggunakan apa-apa peralatan ("*device*") atau apa-apa kaedah lain contohnya kamera tersembunyi atau GPS tracker bagi tujuan menghendap dan si pelaku juga tidak berada berdekatan dengan mangsa ketika melakukan perbuatan tersebut.

Dengan kelulusan kedua-dua Rang Undang-undang tersebut, perlakuan menghendap (*stalking*) akan menjadi satu kesalahan jenayah yang membolehkan pelaku disiasat dan dikenakan hukuman di bawah Kanun Keseksaan. Manakala pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah telah memberikan mahkamah kuasa, atas permohonan, untuk mengeluarkan suatu perintah perlindungan terhadap seseorang yang sedang disiasat atau dituduh dengan kesalahan menghendap yang bertujuan untuk melindungi mangsa perlakuan menghendap tersebut. Kedua-dua pindaan ini telah diwartakan pada 5 Mei 2023 dan dikuatkuasakan pada 31 Mei 2023.





YB Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh semasa sesi pembentangan RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023 dan RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Turut berada di dalam gambar adalah pegawai-pegawai BHEUU, Jabatan Peguam Negara dan wakil NGO yang terlibat.

PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK (PINDAAN) 2023 DAN RUU KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK (PINDAAN) 2023 PADA 27 MAC 2023, 29 MAC 2023 & 6 APRIL 2023 DI DEWAN RAKYAT & DEWAN NEGARA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), YB Azalina Othman Said telah membentangkan Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat pada 27 Mac 2023 bagi Bacaan Kali Pertama dan 29 Mac 2023 bagi Bacaan Kali Kedua dan Ketiga. Seterusnya kedua-dua RUU ini telah dibacakan bagi Kali Kedua dan Kali Ketiga di Dewan Negara pada 6 April 2023 dan telah diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Pindaan-pindaan ini termasuk penggantian terminologi 'pornografi kanak-kanak' dengan 'bahan penganiayaan seksual kanak-kanak', mewujudkan peruntukan bagi kesalahan persembahan seksual oleh kanak-kanak dan kesalahan pemerasan seksual kanak- kanak, pembayaran pampasan bagi mangsa kanak-kanak, menaikkan had umur saksi kanak-kanak, memberi kuasa kepada Mahkamah untuk melarang soalan-soalan tidak wajar *(improper questions)* kepada saksi kanak-kanak serta memperuntukkan mengenai pendengaran khas bagi saksi kanak-kanak untuk memberikan keterangan yang dirakam terlebih dahulu.

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 [Akta A1687] dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 [Akta A1688] telah mendapat tandatangan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong pada 15 Jun 2023 dan diwartakan pada 21 Jun 2023. Kedua-dua Akta ini telah berkuatkuasa pada 11 Julai 2023.





Gambar-gambar semasa pembentangan dan sesi perbahasan RUU Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 dan RUU Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) (NO. 2) 2023, RUU KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) (NO. 2) 2023 DAN RUU KESIHATAN MENTAL (PINDAAN) 2023 PADA 4 April 2023 & 23 Mei 2023 DI DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA

Rang Undang-Undang (RUU) Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023, Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 dan Rang Undang-Undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 telah dibacakan Kali Pertama di Dewan Rakyat pada 04 April 2023. Manakala Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga di Dewan Rakyat telah selesai diadakan pada 23 Mei 2023. Manakala Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga di Dewan Negara telah selesai diadakan dan diluluskan pada 21 Jun 2023.

Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023 ini digubal bagi memansuhkan Seksyen 309 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan percubaan membunuh diri di Malaysia. Manakala Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 digubal bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] susulan daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 305 dan seksyen 306 Kanun Keseksaan serta pemotongan seksyen 309 Kanun Keseksaan.

Manakala Akta Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 adalah bertujuan untuk mewujudkan “pegawai intervensi krisis” di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615] yang bertanggungjawab untuk menangkap untuk menangkap mana-mana orang yang bercelaru mental dan seterusnya dihantar kepada fasiliti kesihatan bagi menjalani pemeriksaan lanjut. Pindaan ini merupakan *post-decriminalisation of suicide action* di mana inidividu yang didapati mempunyai kecelaruan mental akan dirujuk kepada pakar perubatan bagi tujuan pemulihan dengan sewajarnya.







Gambar semasa pembentangan dan sesi perbahasan RUU Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2023, RUU Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2023 dan RUU Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

PELANCARAN LAMAN WEB RASMI MALAYSIA-SULUCASE.GOV.MY PADA 12 APRIL 2023 DI KUALA LUMPUR ANJURAN BERSAMA BHEUU, KEMENTERIAN LUAR NEGERI DAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL.

Dakwaan "Final Award" yang diperolehi oleh Dr Gonzalo Stampa pada 28 Februari 2022 telah menarik perhatian global berikutan pertikaian undang-undang antarabangsa yang berterusan antara Kerajaan Malaysia dan beberapa warga Filipina yang mengaku sebagai waris Kesultanan Sulu. Pertikaian itu bertitik tolak daripada Perjanjian 1878 di antara Sultan Jamalul Kiram II, Alfred Dent dan Baron von Overbeck. Kerajaan Malaysia berpendirian menolak “Final Award” tersebut dengan tidak mengiktiraf kesahihannya dan kini dalam usaha memastikan ianya dibatalkan melalui tindakan undang-undang di negara-negara Eropah.

Sehubungan itu, Kerajaan telah menubuhkan satu Sekretariat Khas bagi menangani tuntutan ini dan Malaysia akan terus mencabar tindakan penuntut-penuntut ini di mana-mana bidang kuasa sedia ada atau yang berpotensi di masa akan datang bagi mempertahankan kedaulatan, keselamatan dan kepentingan Malaysia. Selain tindakan perundangan, Kerajaan juga sedang mengambil tindakan melalui media dan hubungan diplomatic.

Pada 12 April 2023, Kerajaan melancarkan laman sesawang rasmi Malaysia iaitu Malaysia-sulucase.gov.my sebagai sebuah repositori maya bagi semua maklumat berkaitan kes tuntutan pihak yang mengaku sebagai waris Sultan Jamalul Kiram II (Sultan Sulu) terhadap Malaysia.

Laman sesawang Malaysia-SuluCase.gov.my adalah satu langkah Kerajaan untuk memberikan naratif sejarah dan kronologi kes perundangan di pelbagai bidang kuasa yang betul dan sahih, menangkis tohmahan penuntut tersebut serta bagi membolehkan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa mengikuti perkembangan kes ini secara telus dan benar.





Pelancaran Laman Web 'malaysia-sulucase.gov.my'

SESI LIBAT URUS STATUS ISU TUNTUTAN PIHAK MENDAKWA WARIS KESULTANAN SULU BERSAMA AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN WAKIL-WAKIL JABATAN KERAJAAN DI SABAH PADA 5 MEI 2023 DI HOTEL PACIFIC SUTERA, SABAH

Pada 5 Mei 2023, satu sesi libat urus bersama 40 ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah serta agensi-agensi Kerajaan Sabah telah diadakan di Hotel Pacific Sutera, Sabah. Sesi ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM). Matlamat utama sesi libat urus ini adalah untuk berkongsi perkembangan terkini isu tuntutan tersebut bersama ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah dan wakil-wakil Kerajaan. Sesi libat urus dimulakan dengan taklimat berkaitan latar belakang dan sejarah isu tuntutan ini serta pemakluman status terkini mengenai isu tuntutan yang sedang berlangsung di empat bidang kuasa *(jurisdiction)* iaitu negara-negara Sepanyol, Perancis, Luxembourg dan Belanda kepada para hadirin oleh wakil Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM).

Pelbagai persoalan dan pandangan berkaitan sejarah dan latar belakang kes ini telah dikupas serta aspek perundangan dan strategi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Barisan panel yang terdiri dari Ketua Pengarah BHEUU, JPM, wakil Jabatan Peguam Negara, Peguam Besar Sabah dan dua (2) orang ahli Sekretariat Khas telah memberi penjelasan serta pencerahan terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan. Kebimbangan utama Kerajaan Negeri Sabah berhubung isu tuntutan ini adalah melibatkan aspek keselamatan rakyat di Sabah khususnya di kawasan yang terkesan seperti di Tanduo dan Lahad Datu, Sabah.







Gambar Sesi Libat Urus dalam kalangan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan wakil-wakil Jabatan Kerajaan di Sabah

SESI KOLOKIUM TIMBANG TARA ANTARABANGSA 2023:KEDAULATAN DAN KEKEBALAN NEGARA DALAM TIMBANG TARA KOMERSIL ANTARABANGSA PADA 9 MEI 2023 DI PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA (AIAC)

Sesi kolokium timbang tara antarabangsa 2023 turut diadakan pada 9 Mei 2023 di AIAC, Kuala Lumpur. Kolokium timbang tara antarabangsa telah diadakan untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan kes tuntutan ini. Sesi kolokium ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) dan dihadiri oleh anggota Sekretariat Khas serta pensyarah undang-undang tempatan dan luar negara. Sesi kolokium ini telah dihadiri oleh seramai 250 orang secara fizikal dan lebih kurang 100 orang secara maya menerusi siaran langsung di Facebook AIAC. Penganjuran kolokium timbang tara antarabangsa ini adalah bertujuan untuk meneroka beberapa perkara utama iaitu:

a. Perspektif sejarah berkaitan perjanjian 1878 dan isu-isu berkaitan;
b. implikasi Konvensyen New York 1958 dan kekebalan kedaulatan (*sovereign immunity*); dan
c. proses dan prosedur timbang tara berkenaan kes ini termasuk penyalahgunaan proses timbang tara.

Sesi pertama iaitu *"A Tale Through Time: Navigating the Historical Antecedents of the purported Sulu Arbitration*" tertumpu kepada peristiwa sejarah yang membawa kepada Tuntutan yang dibuat oleh Penuntut, kefahaman mengenai kepentingan hak self-determination yang telah dilaksanakan oleh rakyat Sabah pada tahun 1962 serta perbincangan mengenai hubungan antara pembentukan Persekutuan Malaysia dan isu kedaulatan Borneo Utara/Sabah.

Sesi Kedua iaitu "*The Effects of New York Convention and Sovereign Immunity*" membincangkan mengenai pengiktirafan dan kebolehkuatkuasaan Anugerah Timbang Tara (*Arbitral Award*) di bawah Konvensyen New York 1958 serta membincangkan keistimewaan timbang tara yang boleh menimbulkan penyalahgunaan proses.

Seterusnya, Sesi Ketiga bertajuk "*Abuse of Arbitral Processes*" membincangkan mengenai prinsip dan perlindungan yang baik bagi proses dan prosiding timbang tara

serta bagi meneroka kemungkinan kesan daripada sebarang penyalahgunaan proses timbang tara dan pelanggaran professional kelakuan oleh peguam dan penimbang tara. Selain daripada itu, sesi ini juga meneliti prosedur dalam proses pengiktirafan dan penguatkuasaan anugerah timbang tara.







Gambar Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan Dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersil Antarabangsa di Kuala Lumpur

KEPUTUSAN MAHKAMAH RAYUAN PERANCIS PADA 6 JUN 2023 BERHUBUNG ISU TUNTUTAN WARGA FILIPINA YANG MENGAKU SEBAGAI WARIS SULTAN JAMALUL KIRAM II (SULTAN SULU) TERHADAP MALAYSIA PADA 6 JUN 2023 DI MAHKAMAH RAYUAN PERANCIS

Keputusan Mahkamah Rayuan Perancis telah diperolehi pada 6 Jun 2023 yang mana intipati keputusan adalah Mahkamah Rayuan Perancis telah membuat keputusan yang memihak kepada Malaysia dengan membatalkan Perintah Exequatur yang dikeluarkan oleh Mahkamah Paris pada 29 September 2021 yang mengiktiraf "Preliminary Award" bertarikh 25 Mei 2020 oleh Dr Gonzalo Stampa.

Kemenangan yang diperolehi oleh Malaysia di Mahkamah Rayuan Perancis membuktikan bahawa strategi ofensif yang melibatkan pelbagai agensi yang dilaksanakan sekarang adalah berkesan. Walau pun Kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan yang tinggi bagi menangani tuntutan ini, kini terbukti bahawa ia merupakan satu usaha yang membuahkan hasil demi keselamatan dan kedaulatan tanah air.

Keputusan Mahkamah Rayuan Belanda 27 Jun 2023

Pada 27 Jun 2023, YAB Perdana Menteri mengumumkan keputusan Mahkamah Rayuan Belanda untuk menolak permohonan daripada Pihak Penuntut yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu untuk pengiktirafan dan penguatkuasaan Final Award dl Belanda yang dikeluarkan secara tidak sah oleh Dr. Gonzalo Stampa pada 28 Februari 2022 di Paris.

Final Award itu dikeluarkan hasil daripada proses timbang tara tidak sah yang dikemukakan oleh Pihak Penuntut yang mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu yang tidak lagi wujud.

Keputusan Mahkamah Rayuan Belanda secara jelas dibuat berdasarkan tiga (3) alasan penghakiman berikut:

(i) Pengeluaran Final Award adalah tidak sah berikutan pelantikan Dr. Gonzalo

Stampa sebagai penimbang tara oleh Mahkamah Sepanyol sebelum ini sudah dibatalkan oleh Mahkamah Sepanyol, sekaligus membatalkan semua asas tindakannya sejurus itu. Oleh itu, tiada pengiktirafan dan penguatkuasaan bagi Final Award boleh dilaksanakan;

(ii) Selain itu, mahkamah juga memutuskan bahawa Perjanjian 1878 tidak mempunyai klausa timbang tara yang sah memandangkan klausa yang merujuk kepada Konsul General Borneo untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian tidak boleh disifatkan sebagai satu klausa timbang tara; dan

(iii) Mahkamah Rayuan Belanda juga mendapati bahawa Award tersebut tidak dapat diiktiraf dan dikuatkuasakan di Belanda berikutan penangguhan pelaksanaan Final Award di Paris.

Keputusan ini mengesahkan pendirian Malaysia bahawa keseluruhan proses timbang tara, termasuk Final Award yang dikeîuarkan adalah tidak sah. Oleh itu, Pihak Penuntut tidak mempunyai asas perundangan untuk merampas aset Malaysia di Belanda. Penghakiman bersejarah ini juga merupakan petunjuk bahawa apa-apa usaha lanjutan oleh Pihak Penuntut dan pembiaya mereka untuk menguatkuasakan Final Award ini di bidang kuasa lain adalah sia - sia.

Keputusan Mahkamah Rayuan Belanda ini mengesahkan pendirian Malaysia bahawa timbang tara komersial yang telah dilaksanakan terhadap Malaysia oleh Pıhak Penuntut yang berpotensi menggugat integriti sistem timbang tara antarabangsa secara keseluruhan, kini telah dijamin melalui keputusan ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang perlu, termasuk memperolehi pembayaran kos daripada Pihak Penuntut, rentetan keputusan Mahkamah Rayuan Paris pada 6 Jun 2023 yang mengekalkan penentangan Malaysia terhadap “Penghakiman Awal" Dr. Stampa terhadap bidang kuasa.

Kemenangan Malaysia serta usaha berterusan ini membuktikan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap aspek kedaulatan dan keselamatan serta tidak akan berhenti berusaha untuk melindungi dan memelihara kepentingan serta kedaulatan

Malaysia pada setiap masa dan akan terus mengambil segala tindakan yang perlu bagi menghentikan tuntutan Sultan Sulu dengan menggunakan segala kuasa, hak dan sumber yang ada.

PENGANJURAN SESI KOLOKIUM TIMBANG TARA ANTARABANGSA 2023: KEDAULATAN DAN KEKEBALAN NEGARA DALAM TIMBANG TARA KOMERSIAL PADA 4 JULAI 2023 DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA SABAH, KOTA KINABALU,SABAH

Sesi Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan Dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersial telah diadakan di Sabah International Convention Centre pada 4 Julai 2023.

Rakan kolaborasi BHEUU dalam penganjuran program ini ialah AIAC, Institut Kajian Pembangunan (IDS) Sabah (Institut Penyelidikan Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah) dan Pertubuhan Undang – Undang Sabah (SLS). Rakan kolaborasi berperanan dalam membantu persediaan program termasuklah penetapan agenda, jemputan, penyelarasan dan kemudahan program serta penyediaan laporan khas rapporteur.

Sesi kolokium ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah yang turut menyampaikan ucaptamanya manakala ucapan pembukaan disampaikan oleh YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) secara atas talian. Sesi ini turut dihadiri oleh, YB Senator Tan Sri Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Yang Di-Pertua Dewan Negara, anggota Sekretariat Khas dan tetamu-tetamu jemputan dari agensi-agensi di peringkat Negeri Sabah. Penutup kolokium pula telah disempurnakan oleh YB Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Aman @ Haniff Amman, Ahli Sekretariat Khas.

Sesi kolokium ini turut dihadiri oleh peserta yang dianggarkan seramai 707 orang yang terdiri daripada pegawai – pegawai agensi Kerajaan (237 peserta), pengamal undang – undang (320 peserta), ahli akademik serta pelajar (68 peserta), ahli politik (28 peserta), sektor swasta (46 peserta) serta pengamal media (8 peserta). Program ini juga disiarkan secara maya menerusi siaran langsung di Facebook AIAC dan BHEUU.

Sesi pertama iaitu **Session 1: *The Sulu Case: Discovering the Missing Puzzle Pieces*.**

Sesi ini tertumpu kepada objektif berikut:

(i) Untuk melihat perkembangan sejarah Borneo Utara dalam tempoh 300 tahun dan kedaulatan wilayahnya (*To discover the 300 years of antiquity documenting North Borneo's historical development and the territorial sovereignty*);

(ii) Untuk meneliti percanggahan naratif sejarah yang membawa kepada isu tuntutan ini (*To examine the conflicting historical narratives leading up to the present dispute with the purported heirs of the Sulu Sultanate*);

(iii) Untuk memahami keperluan hak menentukan sendiri (*self-determination*) oleh rakyat Sabah dan Referendum Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962 (*To understand the significance of the right to self-determination exercised by the people of Sabah and the Cobbold Commission Referendum in 1962*); dan

(iv) Untuk membincangkan hubungan antara pembentukan Malaysia dengan isu kedaulatan Borneo Utara/Sabah (*To discuss the relationship between the formation of the Federation of Malaysia and the sovereignty issues concerning North Borneo/Sabah*).

Sesi kedua iaitu **Session 2: *The Sulu Case: Time to Preserve Sovereign Immunity?***

Sesi ini tertumpu kepada objektif berikut:

(i) Untuk membincangkan sama ada doktrin kekebalan kedaulatan (*sovereign immunity*) adalah relevan dalam isu tuntutan ini (*To discuss the relevancy of the doctrine of sovereign immunity in the Sulu case*);

(ii) Untuk memahami kaitan antara prosiding timbang tara Sulu dan peranan undang – undang adat antarabangsa tentang kekebalan negara (*To understand the intertwined relationship between the purported Sulu arbitral proceedings and the rule of customary international law on state immunity*);

(iii) Untuk meneliti kebolehlaksanaan proses timbang tara berhubung isu kedaulatan wilayah dalam kes Sulu (*To examine the arbitrability of the territorial sovereignty disputes vis-à-vis the Sulu case*); dan

(iv) Untuk memahami manfaat daripada kodifikasi perundangan berkaitan kekebalan kedaulatan domestik (*To understand the benefits flowing from the codification of domestic sovereign immunity legislation*).

Sesi ketiga iaitu **Session 3: *The Sulu Case: Its Effects on the New York Convention and the Global Arbitral System*.**

Sesi ini tertumpu kepada objektif berikut:

(i) Untuk membincangkan pengiktirafan serta penguatkuasaan Final Award di bawah Konvensyen New York Tahun 1958 serta keputusan Mahkamah Rayuan Perancis pada 6 Jun 2023 dan Mahkamah Rayuan The Hague pada 27 Jun 2023 (*To discuss the recognition and enforceability of the purported Final Award under the New York Convention 1958 vis-à-vis the Paris Court of Appeal's ruling on 6th June 2023 and The Hague Court of Appeal's ruling on 27th Jun 2023*);

(ii) Untuk memahami prinsip – prinsip yang bersesuaian serta perlindungan prosiding dan proses timbang tara (*To understand the good principles and protections of arbitration processes and proceedings*); dan

(iii) Untuk membincangkan bagaimana pengurusan timbang tara Sulu boleh membawa kepada penyalahgunaan prosesnya serta impaknya ke atas sistem timbang tara di peringkat global *(To discuss the peculiarities of Sulu arbitration that may give rise to an abuse of process and their corresponding ramifications on the globally respected arbitration system*).











Lampiran Pelaksanaan Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan Dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersil Antarabangsa Di Sabah International Convention Centre

PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711] DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH (JKKMAR) SIRI 17 BILANGAN 1 TAHUN 2023 PADA 6 JULAI 2023 DI PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan Kertas Cadangan Pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 17 Bilangan 1 Tahun 2023 pada 6 Julai 2023 bertempat di Pejabat Perdana Menteri. Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan kertas cadangan BHEUU telah dibentangkan oleh YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan).

Pembentangan kertas cadangan tersebut adalah merupakan langkah penting yang diambil bagi memastikan pihak-pihak berkepentingan dimaklumkan dan memahami cadangan pindaan Akta 711 dan seterusnya bagi menjamin sokongan penuh terhadap cadangan pindaan yang telah dibentangkan.

BHEUU JPM sedang melaksanakan langkah yang seterusnya bagi memastikan pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang terlibat di dalam Akta 711 dapat direalisasikan.



YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU JPM bersama pegawai-pegawai yang terlibat dalam sesi pembentangan dalam mesyuarat JKKMAR.

SESI LIBAT URUS BAGI PINDAAN AKTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999 [AKTA 597] PADA 11 JULAI 2023 DI PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA KUALA LUMPUR

Inisiatif untuk menubuhkan sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Institution – NHRI) di Malaysia telah bermula dengan penyertaan aktif Malaysia dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Commission on Human Rights – UNCHR) dari 1993 hingga 1995 apabila Malaysia telah dipilih untuk menganggotai Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Selanjutnya, Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah diwartakan pada 9 September 1999 dan seterusnya SUHAKAM telah ditubuhkan secara rasmi. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] telah dipinda sebanyak dua kali pada tahun 2009 dan ia bertujuan untuk mengukuhkan SUHAKAM khususnya yang berkaitan dengan proses pemilihan dan pelantikan Pesuruhjaya SUHAKAM serta fungsi dan kuasa SUHAKAM.

Selepas lebih dua (2) dekad penubuhannya, pindaan kepada Akta 597 amat diperlukan dalam membuktikan komitmen Kerajaan bahawa SUHAKAM merupakan sebuah organisasi yang progresif dan kekal relevan. Perkara ini selanjutnya telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 23 Ogos 2023 yang antara lain telah bersetuju dengan penetapan dasar bagi Akta 597 bagi mengukuhkan SUHAKAM sebagai sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan.

Selain itu, sebagai komitmen Kerajaan terhadap pemerkasaan hak asasi kanak-kanak di Malaysia, seorang Pesuruhjaya kanak-kanak Malaysia telah dilantik di bawah Akta 597 pada bulan Ogos 2019 yang bertanggungjawab untuk melindungi serta mempromosi hak asasi bagi 9.19 juta kanak-kanak di Malaysia. Perkara ini juga adalah selaras dengan perkara yang termaktub dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (Convention on the Rights of the Child 1989 – CRC).

Gerak kerja yang berkaitan terhadap cadangan pindaan Akta 597 ini telah bermula dari tahun 2020 bersama-sama BHEUU, JPM dengan Jabatan Peguam Negara (AGC). Bagi tahun 2023, satu perbincangan susulan bagi pindaan Akta 597 dengan pihak SUHAKAM telah diadakan pada 20 April 2023. Susulan daripada sesi perbincangan tersebut, pihak SUHAKAM telah mengemukakan draf terkini bagi cadangan pindaan Akta 597. Selanjutnya satu sesi perbincangan telah diadakan pada 20 Jun 2023 untuk mendapatkan maklum balas tambahan serta justifikasi daripada pihak SUHAKAM terhadap semua cadangan pindaan yang telah dikemukakan kepada BHEUU, JPM. Sesi libat urus turut diadakan pada 11-12 Julai 2023 di AIAC bersama semua pihak berkepentingan (multi-stakeholders) melibatkan Kementerian/ Jabatan/ agensi Kerajaan/ NGO dan CSO.



Sesi Libat Urus dengan Kementerian/ Jabatan/ Agensi berkaitan dengan cadangan pindaan Akta 59



Sesi Libat Urus yang Dipengerusikan Secara Bersama oleh Mantan Pengerusi SUHAKAM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Rahmat bin Mohamad



Sesi Libat Urus dengan Kementerian/ Jabatan/ Agensi berkaitan dengan cadangan pindaan Akta 597

PELAKSANAAN AKTA PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI 2023 [AKTA 846] PADA 4 JULAI 2023

Kerajaan Malaysia telah memansuhkan hukuman mati mandatori pada Julai 2023. Keputusan ini dibuat mengambil kira Laporan Kajian Hukuman Gantian bagi Hukuman Mati Mandatori yang disediakan oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan pada tahun 2019. Syor itu termasuk hukuman gantian bagi 11 kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori, satu (1) kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] dan 22 kesalahan yang membawa hukuman mati mengikut budi bicara Mahkamah. Hukuman gantian yang disyorkan membenarkan budi bicara dan/atau sebatan Mahkamah.

Akta 846 telah berkuat kuasa mulai 4 Julai 2023



YB Timbalan Menteri selepas RUU diluluskan di Parlimen







YB Timbalan Menteri semasa sesi Parlimen

AKTA SEMAKAN HUKUMAN MATI DAN PEMENJARAAN SEPANJANG HAYAT (BIDANG KUASA SEMENTARA MAHKAMAH PERSEKUTUAN) 2023 [AKTA 847] PADA 12 SEPTEMBER 2023

Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023 [Akta 847] telah berkuat kuasa pada 12 September 2023. Subseksyen 2(1) dan 4(1) Akta 847 sebagaimana di atas masing-masing memperuntukkan bidang kuasa sementara (*temporary jurisdiction*) kepada Mahkamah Persekutuan untuk menyemak semula–

(i) hukuman mati mandatori yang telah diputuskan oleh Mahkamah di bawah Akta 574, Akta 206, Akta 37, Akta 234, Akta 365 dan mana-mana permohonan rayuan pengampunan yang telah ditolak oleh Lembaga Pengampunan; dan

(ii) hukuman pemenjaraan sepanjang hayat

Proses pemfailan akan dijalankan secara berperingkat manakala keutamaan diberikan mengikut umur, keadaan kesihatan, tempoh pemenjaraan atau sebarang pertimbangan lain. Bagi tujuan memfailkan permohonan semakan di Mahkamah Persekutuan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) telah menyediakan templat standard untuk Notis Usul dan afidavit sokongan.

Jabatan Penjara Malaysia membantu banduan dengan menyediakan Notis Usul dan afidavit sokongan dan dokumen tersebut hendaklah difailkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kuat kuasa Akta 847. Memfailkan Notis Usul boleh dilakukan dengan memfailkan Notis Usul dengan afidavit atau tanpa afidavit kepada Mahkamah. Pemohon juga dibenarkan memfailkan sebarang afidavit tambahan selepas pemfailan Notis Usul, jika perlu.

Pada masa yang sama, banduan juga perlu memilih sama ada untuk mendapatkan khidmat guaman oleh peguam yang dilantik oleh mahkamah (*Court-Assigned Counsel*) atau peguam yang dilantik oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) atau peguam lain pilihannya.

Bagi tujuan penyelarasan rekod banduan, dokumen seperti Notis Usul, Afidavit, Borang Jurat, Waran dan Perintah akan disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Akta ini telah dikuatkuasakan mulai 12 September 2023.Pindaan perundangan yang melibatkan dasar hukuman dan hukuman alternatif terhadap hukuman mati mandatori jelas merupakan perubahan positif kepada sistem keadilan jenayah di Malaysia. Ia merupakan kaedah yang lebih holistik untuk individu mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Di samping itu, pelaksanaan dasar hukuman alternatif ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pembaharuan institusi dan memastikan kebajikan masyarakat umum sememangnya menjadi keutamaan.





Sesi Libat Urus Bersama Jabatan Penjara Malaysia dan Kedutaan Asing bagi Pelaksanaan Semakan Akta 847 pada 18 Julai 2023.





Sesi Taklimat YBTM Berkenaan Pelaksanaan Proses Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat pada 11 Julai 2023 di AIAC





Kunjungan Hormat oleh perwakilan International Commision Agaisnt Death the Death Penalty pada 14 September 2023.

SESI LIBAT URUS BAGI CADANGAN PENGGUBALAN AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT PADA 14 SEPTEMBER 2023

Hak kebebasan maklumat tidak diperuntukkan secara eksplisit dalam Perlembagaan Persekutuan, malah tiada Akta atau perundangan khas yang menjamin hak untuk mendapatkan maklumat daripada Kerajaan, kecuali di Selangor menerusi Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011 [Enakmen 8/2011] yang berkuatkuasa pada 5 Mac 2013 dan Pulau Pinang menerusi Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16/2010] yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2015. Kedua-dua Enakmen ini membenarkan akses orang awam terhadap dokumen Kerajaan Negeri kecuali maklumat yang diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

BHEUU telah diberikan mandat oleh Kerajaan untuk menjalankan kajian terperinci dan mengesyorkan ketetapan dasar untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Selain itu, kajian mengenai cadangan penggubalan Akta Kebebasan ini diletakkan di dalam Pelan Anti Rasuah Kebangsaan (NACP) 2019-2023 dan BHEUU telah diberikan mandat untuk melaporkan status pelaksanaan kajian ini dari semasa ke semasa.

Bagi cadangan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat ini, matlamat utama Kerajaan adalah untuk memastikan orang awam mendapat akses kepada permohonan maklumat sahih yang lebih terbuka dan telus daripada pihak Kerajaan dan secara tidak langsung membantu rakyat untuk terlibat secara tidak langsung dalam sebarang pembuatan dasar negara.

Sejak tahun 2019 hingga 2023, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah melaksanakan sebanyak 24 sesi libat urus, mesyuarat dan perbincangan yang melibatkan pelbagai Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan, ahli akademik, badan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat madani (CSO) melalui *Center for Independent Journalism* (CIJ) dan pihak berkepentingan lain termasuk perkongsian wakil daripada Pejabat Pesuruhjaya Maklumat daripada negara luar seperti Sri Lanka, Indonesia, India, Afghanistan, Scotland dan United Kingdom sebagai platform terbaik

bagi mendengar perkongsian pengalaman daripada pakar-pakar dari negara luar mengenai inisiatif pelaksanaan kebebasan maklumat, isu-isu berbangkit serta persoalan dasar yang wajar diberi perhatian. Bagi tahun 2023, sesi libat urus adalah seperti berikut:

Bil.	Libat Urus / Mesyuarat / Bengkel	Tarikh
1	Pembukaan Kaunter dan Sesi Penerangan Pelaksanaan Soal Selidik Awam Mengenai Akta Kebebasan Maklumat bersempena Perhimpunan Agung UMNO 2022 di PWTC	11-13 Januari 2023
2	Sesi Perbincangan mengenai *Way Forward Right to Information Plan in 2023* bersama pihak CIJ dan Pelaksanaan Cadangan Melaksanakan Kajian Keberkesanan Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor dan Pulau Pinang	18 Januari 2023
3	Pelaksanaan Soal Selidik Awam Mengenai Cadangan Gubalan Akta Kebebasan Maklumat	31 Januari – 16 Februari 2023
4	Program Libat Urus Inisiatif Ke Arah Kebebasan Maklumat Bersama Agensi Penguatkuasaan, Keselamatan dan Pertahanan di Bangi Resort Hotel	20 Februari 2023

Cadangan bagi penggubalan Akta ini telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Tata Kelola Nasional (JKKTN) pada 14 September 2023. Mesyuarat secara prinsipnya telah bersetuju dengan cadangan yang dibuat dengan mengambil kira pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan perundangan lain yang berkuatkuasa.

Sehubungan itu, sesi libat urus akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat serta pandangan lanjut berhubung ketetapan dasar bagi penggubalan Akta tersebut.



Infografik Sesi Libat Urus Cadangan Penggubalan Akta Kebebasan Maklumat

MAJLIS PRA-PELANCARAN (SOFT LAUNCH) SESI KOLOKIUM TIMBANG TARA ANTARABANGSA 2023: KEDAULATAN DAN KEKEBALAN NEGARA DALAM TIMBANG TARA KOMERSIAL DI UNITED KINGDOM PADA 20 SEPTEMBER 2023 DI SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA LONDON, UNITED KINGDOM

Majlis Pelancaran (Soft Launch) Sesi Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan dan Kekebalan Negara dalam Timbang Tara Komersial Antarabangsa telah diadakan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia London, United Kingdom pada 20 September 2023 dan telah disempurnakan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang- Undang dan Reformasi Institusi).

Majlis pelancaran ini telah dihadiri oleh seramai 60 orang warganegara Malaysia dalam kalangan diaspora, wakil media serta pelajar Malaysia di United Kingdom.

Majlis ini telah dimulakan dengan ucaptama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan disusuli dengan pelancaran Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan Dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersial Antarabangsa oleh YB Menteri. Majlis kemudiannya disusuli dengan penyampaian taklimat oleh YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, BHEUU JPM berkaitan latarbelakang kes Sulu. Seterusnya, taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Profesor Madya A Rahman Tang Abdullah dari Universiti Malaysia Sabah, Malaysia berkaitan kes Sulu dari perspektif sejarah.



Majlis Pra-Pelancaran Sesi Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan dan Kekebalan Negara dalam Timbang Tara Komersial di United Kingdom

SESI MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA SCHOOL OF ORIENTAL AND AFRICAN STUDIES (SOAS) ARBITRATION & DISPUTE RESOLUTION CENTRE (SADRC), UNIVERSITY OF LONDON DENGAN PUSAT TIMBANG TARA ANTARABANGSA ASIA (AIAC) PADA 21 SEPTEMBER 2023 DI SOAS UNIVERSITY OF LONDON, UNITED KINGDOM

Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara *School of Oriental and African Studies (SOAS) Arbitration & Dispute Resolution Centre (SADRC), University of London* dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC) telah diadakan pada 21 September 2023 di SOAS University of London, United Kingdom.

Bagi pihak AIAC, MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Datuk Sundra Rajoo (Pengarah AIAC) dan Encik Danesh Chandran (Penolong Pengarah AIAC) dengan Profesor Joanna Newman MBE FRSA yang merupakan Provos SOAS University of London serta Profesor Martin W Lau mewakili SADRC. Majlis ini telah disaksikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) serta TYT Dato' Zakri bin Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom. Puan Holly O'Callaghan, *Head of Legal Services Trade and Promotion*, Kementerian Keadilan United Kingdom (UK Ministry of Justice) juga turut menghadiri majlis ini bagi pihak Kementerian Kehakiman UK.

MOU ini juga bersejarah memandangkan julung-julung kali AIAC menandatangani dengan sebuah institusi pengajian tinggi di UK. MoU ini dimeterai bagi kerjasama mempromosikan penyelidikan dan penyelesaian pertikaian selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Kedua-dua institusi juga kekal komited untuk meneroka rangkaian perkongsian yang lebih luas dalam membangunkan timbang tara dan penyelesaian pertikaian alternatif di rantau Asia, Afrika dan Timur Tengah.

Sebagai hala tuju, kerjasama ini akan merangkumi langkah-langkah untuk menggalakkan, meningkatkan dan mempromosikan bidang kerjasama termasuk kursus dan latihan bersama, program penyelidikan bersama, sumbangan kepakaran seperti penyelidik, ahli panel, penceramah dan pensyarah jemputan, penerbitan jurnal akademik, buku dan surat berita, program latihan pelajar serta penganjuran

persidangan bengkel, seminar dan forum secara bersama. Selain itu, kedua-dua pusat juga komited untuk turut mempromosikan timbang tara Islam (*Islamic arbitration*), timbang tara sukan (*sports arbitration*), mediasi (*mediation*), adjudikasi (*adjudication*), dan penyelesaian pertikaian nama domain (*domain name dispute resolution*) sebagai kaedah penyelesaian pertikaian alternatif.

Di samping itu, jalinan kerjasama ini dapat mengeratkan hubungan serta komitmen di antara Malaysia dan UK yang sememangnya mempunyai sejarah kerjasama yang berterusan. HE Ailsa Terry CMG, *British High Commissioner to Malaysia*, turut mengalu- alukan MoU ini melalui kenyataan beliau dan berkata "*The partnership is another example of the strong UK-Malaysia collaboration on legal and justice matters. These ties form an important part of the growing, modern partnership between the UK and Malaysia*."





Gambar semasa Sesi Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Di Antara School Of Oriental And African Studies (SOAS) Arbitration & Dispute Resolution Centre (SADRC), University of London Dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC)

PENGANJURAN KOLOKIUM TIMBANG TARA ANTARABANGSA 2023: KEDAULATAN DAN KEKEBALAN NEGARA DALAM TIMBANG TARA KOMERSIAL PADA 25 SEPTEMBER 2023 DI LONDON, UNITED KINGDOM

Penganjuran sesi kolokium timbang tara edisi antarabangsa ini adalah bertujuan untuk meneroka dua fokus utama iaitu implikasi Konvensyen New York dan imuniti berdaulat serta proses dan keunikan prosedur timbang tara. Rakan kolaborasi BHEUU JPM dalam penganjuran program ini ialah AIAC, *SOAS University of London dan International Dispute Research Center, London, United Kingdom (IDRC)*. Rakan kolaborasi berperanan dalam membantu persediaan program termasuklah penetapan agenda, jemputan, penyelarasan dan kemudahan program serta penyediaan laporan khas rapporteur.

Sesi kolokium edisi antarabangsa ini telah dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Kolokium ini turut dihadir oleh YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri, TYT Dato' Zakri Jaafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, anggota Sekretariat Khas, Wakil dari Kementerian Keadilan United Kingdom (*Ministry of Justice*) Puan Holly O'Callaghan, Wakil kedutaan Singapura di United Kingdom dan tetamu-tetamu jemputan dari agensi- agensi di Malaysia. Penutup sesi kolokium pula telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Luar Negeri.

Sesi kolokium tersebut telah dihadiri seramai sekitar 150 orang yang terdiri daripada pengamal undang-undang, penimbang tara antarabangsa, ahli akademik dan pelajar- pelajar di United Kingdom. Program ini juga dihadiri secara maya (atas talian) menerusi aplikasi Zoom yang telah mendapat pendaftaran seramai 225 orang. Sesi kolokium ini juga mendapat liputan luas dalam media tempatan dan perhatian media yang berpusat di London, UK. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) juga telah ditemuramah oleh Global Legal Post dan Commercial Dispute Resolution Magazine, Global Legal Group.

Sesi pertama iaitu **Session 1: *International Arbitration and State Sovereignty*.**

Sesi Pertama telah membincangkan elemen-elemen asas dalam mekanisma timbang tara antarabangsa, khususnya peranan penimbang tara dalam menjalankan fungsi mereka untuk menegakkan keadilan dan juga peranan mahkamah dalam prosiding timbang tara yang melibatkan Negara-Negara berdaulat.

Melalui perkongsian pandangan bagi Sesi Pertama tersebut, dapat diperhatikan bahawa isu-isu berkaitan pemakaian prinsip kekebalan berdaulat sesebuh negara, prinsip ketelusan dalam proses timbang tara terutamanya mengenai obligasi untuk memaklumkan sebarang hubungan antara pihak yang terlibat dan penimbang tara, serta peranan mahkamah dalam pelantikan dan pembatalan pelantikan penimbang tara, adalah penting bagi memastikan penyalahgunaan proses timbang tara dapat dielakkan.

Sesi kedua iaitu **Session 2: Regulating Third-Party Funding in International Arbitration and A Review of R (on the application of PACCAR Inc and others) (Appellants) v. Competition Appeal Tribunal and others (Respondents) [2023] UKSC 28: Its Impacts and the Way Forward.**

Sesi kedua adalah tertumpu kepada perbincangan mengenai pembiayaan litigasi oleh pihak ketiga (third-party funding) dan impak kes Mahkamah Agung United Kingdom, R (on the application of PACCAR Inc and Others) (Appellants) v. Competition Appeal Tribunal and Others (Respondents) [2023] UKSC 28 (“kes PACCAR”) kepada industri pembiayaan litigasi.

Ahli-ahli panel bagi sesi kedua telah memberikan penerangan mengenai konsep pembiayaan litigasi oleh pihak ketiga dan gambaran mengenai struktur lazim pembiayaan tersebut. Sesi diteruskan dengan analisa kes PACCAR di mana Mahkamah Agung United Kingdom telah memutuskan bahawa perjanjian pembiayaan litigasi (litigation funding agreement) yang memperuntukkan bahawa pembiaya mendapat pulangan berdasarkan ganti rugi (damages-based funder

remuneration) yang diperoleh dalam sesuatu pertikaian adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan.

Lanjutan daripada perbincangan mengenai kes PACCAR tersebut, sesi kedua telah merumuskan bahawa terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil bagi mengawal selia pembiayaan litigasi oleh pihak ketiga bagi memastikan ia diamalkan dengan lebih telus dan tidak disalahguna oleh mana-mana pihak.

Sesi ketiga iaitu ***Session 3: Impact of Investment Claims on States and Investors.***

Sesi Ketiga iaitu sesi terakhir telah secara umumnya membincangkan mengenai kesan tuntutan pelaburan terhadap hubungan antara pelabur dan negara-negara asing, kesan tuntutan pelaburan terhadap pembangunan ekonomi sesebuah negara serta daya maju komersial oleh pelabur asing. Selain itu, panel juga telah menyentuh berkenaan tatacara terbaik bagi negara-negara untuk mengendalikan pertikaian timbang tara antarabangsa serta bagaimana tuntutan pelaburan boleh diurus dengan lebih baik oleh negara-negara yang berdepan dengan tuntutan pelaburan tersebut, termasuk cadangan penubuhan suatu pusat bertujuan khusus untuk memberi nasihat berkenaan isu undang-undang pelaburan antarabangsa.



Ucapan Perasmian oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang – Undang dan Reformasi Institusi)



Peserta Memberikan Tumpuan Semasa Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan Dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersial

PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN DALAM PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA (*NATIONAL ACTION PLAN FOR BUSINESS AND HUMAN RIGHTS* – NAPBHR) PADA 25 OKTOBER 2023 DI PARKROYAL COLLECTION, KUALA LUMPUR

Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia adalah merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Malaysia dalam melindungi, menghormati dan mengatasi pelanggaran hak asasi manusia yang secara khususnya disebabkan oleh aktiviti-aktiviti perniagaan. Sehingga kini, pelbagai langkah dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan bersama-sama *United Nation Development Programme* (UNDP) dan SUHAKAM dalam memastikan pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan (NAP) ini akan dapat dilaksanakan selaras dengan hasrat Kerajaan dan selari dengan keperluan semua pemegang taruh (*stakeholders*).

Proses penyediaan Laporan *National Baseline Assessment* (NBA) telah dimulakan sejak tahun 2022 dan Laporan Akhir NBA ini adalah merupakan satu dokumen yang penting dalam proses seterusnya iaitu proses pembangunan NAP.



Buat masa ini, BHEUU sedang dalam proses penyediaan *Zero Draft* bagi NAP berkenaan. Bagi tujuan tersebut, beberapa sesi libat urus akan dilaksanakan dengan pihak-pihak berkepentingan oleh Jawatankuasa Kerja yang akan dilantik supaya pembangunan NAP ini dapat dilaksanakan secara holistik.

Proses dan gerak kerja ini telah dimaklumkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) semasa program *Unveiling Insights and Actions: Malaysia's Baseline Assessment on Business and Human Rights* pada 25 Oktober 2023 (Khamis) yang dianjurkan secara bersama antara BHEUU JPM, *United Nations Development Programme* Malaysia serta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

PERSIDANGAN PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA PADA 25 OKTOBER 2023 DI HOTEL PARKROYAL COLLECTION, KUALA LUMPUR

Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia adalah merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Malaysia dalam melindungi, menghormati dan mengatasi pelanggaran hak asasi manusia yang secara khususnya disebabkan oleh aktiviti-aktiviti perniagaan. Sehingga kini, pelbagai langkah dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan bersama-sama *United Nations Development Programme* (UNDP) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam memastikan pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan (NAP) ini akan dapat dilaksanakan selaras dengan hasrat Kerajaan dan selari dengan keperluan semua pemegang taruh (*stakeholders*).

Proses penyediaan Laporan *National Baseline Assessment* (NBA) telah dimulakan sejak tahun 2022 dan Laporan Akhir NBA ini adalah merupakan satu dokumen yang penting dalam proses seterusnya iaitu proses pembangunan NAP. Laporan NBA ini telah diedarkan kepada Kementerian/ Jabatan/ Agensi berkaitan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan isu-isu yang dinyatakan dalam Laporan tersebut.



Peserta Program yang Terdiri daripada Agensi Kerajaan, Kedutaan, Badan Korporat dan CSO/ NGO Memberi Tumpuan Semasa Program Berlangsung

SESI LIBAT URUS YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) BERSAMA AHLI DEWAN RAKYAT DAN AHLI DEWAN NEGARA MENGENAI RUU SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (PINDAAN) 2023 PADA 27 NOVEMBER 2023 DI PARLIMEN MALAYSIA

Sesi Libat Urus YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Bersama Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara Mengenai RUU Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 telah dibuat pada 27 November 2023 di Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur dan telah dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi).

Sesi libat urus ini telah dihadiri oleh seramai 120 orang Ahli Parlimen yang terdiri dari dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, pegawai-pegawai Kerajaan serta wakil media.

Majlis ini telah dimulakan dengan ucaptama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) dan disusuli dengan pembentangan mengenai RUU Pindaan Akta SUHAKAM 1999 oleh YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU JPM. Majlis kemudiannya disusuli dengan sesi pertanyaan berkenaan pindaan-pindaan yang dicadangkan. Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen juga telah berjaya dijawab sepenuhnya melalui penjelasan daripada wakil daripada BHEUU JPM, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan SUHAKAM.

Bacaan Pertama Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 (“RUU”) pada 27 November 2023 oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Seterusnya, bacaan kedua, sesi perbahasan, penggulungan serta Bacaan Ketiga RUU ini telah dilaksanakan pada 29 November 2023 di Parlimen Malaysia bagi mendapat kelulusan di peringkat Dewan Rakyat untuk RUU SUHAKAM (Pindaan) 2023. RUU ini dijangka akan dibentangkan di Dewan Negara pada Mesyuarat Pertama, Parlimen Kelima Belas 2024 untuk mendapatkan kelulusan Dewan Negara dan seterusnya RUU ini akan diwartakan selepas ia mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong.



Ahli Parlimen Memberikan Tumpuan Semasa Sesi Pembentangan oleh BHEUU



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Sedang Berbincang dengan Anggota SUHAKAM Mengenai Peruntukan dalam RUU

BACAAN RUU SUHAKAM (PINDAAN) 2023 PADA 29 NOVEMBER 2023 DI PARLIMEN MALAYSIA

Bacaan Pertama Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 ("RUU") pada 27 November 2023 oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi). Seterusnya, bacaan kedua, sesi perbahasan, penggulungan serta Bacaan Ketiga RUU ini telah dilaksanakan pada 29 November 2023 di Parlimen Malaysia bagi mendapat kelulusan di peringkat Dewan Rakyat untuk RUU SUHAKAM (Pindaan) 2023.

Pindaan yang telah dilaksanakan adalah merupakan inisiatif dalam membuktikan komitmen Kerajaan bahawa SUHAKAM merupakan sebuah organisasi yang progresif dan kekal relevan. Gerak kerja yang berkaitan terhadap cadangan pindaan Akta SUHAKAM ini telah bermula dari tahun 2020 bersama-sama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC). Pelbagai sesi libat urus telah diadakan dengan semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) bagi meneliti semua cadangan pindaan yang telah dikemukakan oleh SUHAKAM.

Antara pindaan yang dicadangkan adalah berkenaan dengan:

i. pengukuhan fungsi dan kuasa SUHAKAM, kuasa melawat tempat tahanan tanpa kelewatan yang tidak munasabah;
ii. Penambahbaikan Mekanisme Pelantikan Anggota SUHAKAM;
iii. Kuasa untuk Memanggil Seseorang ke Mesyuarat bagi Tujuan Penyiasatan;
iv. Penambahbaikan Prosedur Semasa Inkuiri dan Kesan Kegagalan untuk Mematuhi Notis yang Dikeluarkan oleh Suruhanjaya;
v. Obligasi bagi Agensi/ Individu Berkaitan Dalam Memberikan Maklum balas Mengenai Isu Pelanggaran Hak Asasi Manusia yang Dilaporkan;
vi. Pewujudan Proses Rundingan dengan SUHAKAM Sebelum Peraturan-Peraturan Dibuat;
vii. Pengisian Pengosongan Jawatan Anggota Suruhanjaya, Pewujudan Tribunal Penyiasatan bagi Anggota Suruhanjaya;

viii. Kelulusan Awal daripada Suruhanjaya Diperolehi bagi Penerimaan Dana Asing;

ix. Pembentangan dan Perbahasan Laporan Tahunan dan Laporan Khas di Parlimen; dan

x. Perkara Melibatkan Pertindihan Proses Penyiasatan Sekiranya Suruhanjaya Kanak-kanak Malaysia Ditubuhkan.

RUU ini dijangka akan dibentangkan di Dewan Negara pada Mesyuarat Pertama, Parlimen Kelima Belas 2024 untuk mendapatkan kelulusan Dewan Negara dan seterusnya RUU ini akan diwartakan selepas ia mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong. Setelah pindaan ini dikuatkuasakan, ia akan mengukuhkan lagi fungsi dan peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sebagai satu badan bebas dalam melindungi dan mempromosikan hak asasi manusia di Malaysia. Selain itu, cadangan pindaan Akta 597 ini akan turut melibatkan pemerkasaan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (*Office of the Children's Commissioner* – OCC) melalui pelantikan seorang (1) Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak dan dua (2) orang Pesuruhjaya Kanak-Kanak serta dua (2) kuasa tambahan Suruhanjaya ini untuk lebih memantapkan pemeliharaan hak asasi golongan kanak-kanak di Malaysia secara khususnya.



Gambar yang Diambil Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Setelah Selesai Bacaan Kedua, Perbahasan, Penggulungan dan Bacaan Ketiga di Dewan Rakyat

FORUM *HUMAN RIGHTS DAY* TAHUN 2023 BERTEMAKAN UDHR7*: MALAYSIA'S JOURNEY IN ADVANCING THE HUMAN RIGHTS AGENDA THROUGH THE UNIVERSAL PERIODIC REVIEW* PADA 12 DISEMBER 2023 DI HOTEL ROYALE CHULAN KUALA LUMPUR

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM), Kementerian Luar Negeri (KLN), Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah memperingati Hari Hak Asasi Manusia dan ulang tahun ke-75 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR75) melalui penganjuran satu Forum bertemakan "*Malaysia's Journey in Advancing the Human Rights Agenda through the Universal Periodic Review*" pada 12 Disember 2023. Forum ini diadakan sebagai acara tahunan bertujuan untuk menonjolkan kemajuan Malaysia dalam mempromosikan dan melindungi hak asasi manusia. Selain itu, penganjuran program ini juga bermatlamat sebagai wadah peningkatan kolaborasi strategik dengan semua pihak yang berkepentingan dalam memacu Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Majlis pelancaran ini telah dihadiri oleh lebih daripada 150 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, badan antarabangsa, diplomat dan wakil-wakil badan bukan kerajaan di Hotel Royal Chulan di Kuala Lumpur.

Majlis ini telah dimulakan dengan ucaptama daripada wakil SUHAKAM dan disusuli dengan pesanan video daripada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), António Guterres. Program ini diteruskan lagi dengan perutusan rasmi oleh YB Timbalan Menteri Luar Negeri, persembahan pantomim oleh pelajar daripada Universiti Kebangsaan Malaysia serta beberapa perbincangan panel berkenaan UPR di Malaysia.

Sebagai salah satu pengisian forum berkenaan, satu sesi perbincangan panel secara hibrid yang terdiri daripada Puan Sharon Ho, Setiausaha Bahagian Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan KLN; Encik Kiu Jia Yaw, Pengerusi Bersama Malaysia CSO-SDG Alliance; YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU JPM; YBhg. Datin Izzatul Shima Md Thahir, Timbalan Ketua

Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita; YBrs. Dr. Farah Nini Binti Dusuki, Pesuruhjaya Kanak-Kanak, SUHAKAM; dan Puan Reem Alsalem, Pelapor Khas PBB Mengenai Keganasan Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak Perempuan dan moderator, Puan Nurhalida Binti Mohamed Khalil, Pensyarah Kanan dari Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya telah membincangkan pelbagai isu-isu semasa termasuk isu-isu berkaitan hak kanak-kanak, hak wanita dan perlindungan wanita terhadap keganasan, pengukuhan institusi hak asasi manusia di Malaysia serta komitmen Kerajaan terhadap pelaporan UPR dan SDG.

Hari Hak Asasi Manusia disambut setiap tahun pada 10 Disember untuk memperingati penerima gunaan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Gambar yang telah diambil ketika *Human Rights Day* Forum



Reruai Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri







SEKSYEN PEMBANGUNAN

LAWATAN KERJA YB DATO’ SRI AZALINA OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) KE KOMPLEKS MAHKAMAH PULAU PINANG

TARIKH : 18 FEBRUARI 2023 (SABTU)
MASA : 9.00 PAGI

YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) telah mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Mahkamah Pulau Pinang untuk meninjau perkembangan kemajuan kerja-kerja menaik taraf dan memulihara bangunan Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) bergambar kenangan bersama Pegawai Kanan Kerajaan semasa lawatan ke



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) meninjau kemajuan semasa kerja-kerja menaik taraf dan pemuliharaan bangunan di sekitar Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) meninjau kemajuan semasa kerja-kerja menaik taraf dan pemuliharaan bangunan di sekitar Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

LAWATAN KERJA YBHG. DATUK AWANG ALIK BIN JEMAN, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN), JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) KE MAHKAMAH MAJISTRET MARANG DAN TAPAK CADANGAN PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU MARANG, TERENGGANU

TARIKH : 8 MAC 2023 (RABU)
MASA : 9.30 PAGI

Lawatan Kerja YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan Dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Mahkamah Majistret Marang untuk melihat tapak cadangan pembinaan Mahkamah Baharu Marang, Terengganu.

Lawatan kerja turut sertai oleh Tuan Mohd Azhar bin Othman Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu, Puan Khalilasalwa binti Salleh, Pengarah (Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan Encik Ab Rahim bin Mohd@ Mokhtar, Jurutera Awam Penguasa Kanan, Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB), Jabatan Kerja Raya (JKR).



YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri bergambar kenangan bersama Pegawai Kanan Kerajaan semasa lawatan ke Mahkamah Majistret Marang



YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri meninjau di sekitar kawasan Mahkamah Majistret Marang, Terengganu



YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri meninjau di sekitar kawasan Mahkamah Majistret Marang, Terengganu

SESI PEMBENTANGAN REKA BENTUK KONSEP KOMPLEKS MAHKAMAH JOHOR BAHRU, JOHOR KEPADA YAA KETUA HAKIM NEGARA

TARIKH: **28 MAC 2023 (SELASA)**
MASA: **3.00 PETANG**

Sesi Perbentangan Reka Bentuk Konsep Kompleks Mahkamah Johor Bahru, Johor kepada Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara telah diadakan di Dewan Bankuet, Aras 1, Istana Kehakiman, Putrajaya. Delegasi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) diketuai oleh YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo.



Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara bergambar bersama Pegawai Kanan Kerajaan semasa Sesi Perbentangan Reka Bentuk Konsep Kompleks Mahkamah Johor Bahru, Johor

LAWATAN KERJA YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) KE TAPAK PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU PENGERANG, JOHOR

TARIKH : 2 JUN 2023 (JUMAAT)
MASA : 9.00 PAGI

Lawatan Kerja YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke tapak pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor untuk melihat kemajuan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di tapak pembinaan.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) bergambar kenangan bersama delegasi lawatan kerja di tapak pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) meninjau kemajuan semasa kerja-kerja di tapak bagi pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) meninjau kemajuan semasa kerja-kerja di tapak bagi pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN SISTEM PENYAMAN UDARA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS MAHKAMAH PULAU PINANG (BANGUNAN SRI PINANG)

TARIKH : 21 JULAI 2023 (JUMAAT)
MASA : 10.00 PAGI

Majlis ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Bangunan Sri Pinang dengan dihadiri wakil Agensi Pelanggan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, JPM, wakil Mahkamah Pulau Pinang, Wakil Agensi Pelaksana, Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB), Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang & Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Pulau Pinang.

Majlis Penyerahan Projek melibatkan tiga penjuru iaitu penyerahan dokumen CPC daripada JKR oleh Tuan Ir. Mohd Faizul bin Mahdzan, Ketua Jurutera Mekanikal kepada BHEUU, Tuan Shaiful Azli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan) yang mewakili Ketua Pengarah BHEUU dan seterusnya kepada YBhg. Dato' Hj. Mohd Nasir bin Nordin, Pengarah Mahkamah Pulau Pinang.



Sesi bergambar Pegawai-Pegawai Kanan semasa Majlis Penyerahan Projek Kerja-Kerja Pembaikan dan Penggantian Sistem Penyaman Udara di Kompleks Mahkamah Pulau Pinang



Encik Shaiful AZli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), BHEUU menerima Dokumen 'As-built' yang diserahkan oleh wakil pihak Jabatan Kerja Raya



Encik Shaiful Azli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), BHEUU di bawa meninjau kerja-kerja pembaikan dan penggantian sistem penyaman udara dan kerja-kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Pulau Pinang (Bangunan Sri Pinang)

LAWATAN KERJA YB DATO’ SRI AZALINA OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) KE KOMPLEKS MAHKAMAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

TARIKH : 31 JULAI 2023 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI

Lawatan Kerja YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan untuk melihat kemajuan kerja-kerja naik taraf dan pemuliharaan bangunan dan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak (JSKK) di Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan.

Lawatan kerja turut sertai oleh Dato’ Hasbi binti Hasan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan YBrs. Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) bergambar bersama delegasi lawatan



Sesi taklimat kerja-kerja menaik taraf dan pemuliharaan bangunan Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan



Sesi taklimat kerja-kerja menaik taraf dan pemuliharaan bangunan Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dibawa meninjau kemajuan semasa kerja-kerja menaik taraf dan pemuliharaan di sekitar bangunan Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan

LAWATAN KERJA YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) KE KOMPLEKS MAHKAMAH SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH : 31 JULAI 2023 (ISNIN)
MASA : 3.00 PETANG

Lawatan Kerja YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor untuk melihat kemajuan kerja-kerja naik taraf dan pemuliharaan bangunan dan Mahkamah Komersial di Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor.

Lawatan kerja ini turut disertai YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang; YBrs. Tuan Zamri bin Bakar, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; YBhg. Dato' Anita binti Harun, Pengarah Mahkamah Negeri Selangor dan YBhg. Dato' Norazmi bin Mohd Narawi, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) bergambar bersama delegasi lawatan



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) bergambar bersama YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang; YBrs. Tuan Zamri bin Bakar, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; YBhg. Dato' Anita binti Harun, Pengarah Mahkamah Negeri Selangor



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dibawa meninjau kemajuan semasa kerja-kerja menaik taraf dan pemuliharaan di sekitar bangunan Kompleks Mahkamah Shah Alam, Selangor

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN PEMASANGAN SISTEM ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS MAHKAMAH BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

TARIKH : 7 OGOS 2023 (ISNIN)
MASA : 2.30 PETANG

Majlis Penyerahan Projek Kerja-Kerja Menaik taraf dan Pemasangan Sistem Elektrik serta kerja-kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Butterworth, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh wakil Mahkamah Negeri Pulau Pinang dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang.



Sesi menandatangani Dokumen Penyerahan bagi Kerja-kerja Menaik taraf dan Pemasangan Sistem Elektrik serta kerja-kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Butterworth, Pulau Pinang



Encik Shaiful AZli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), BHEUU menerima Dokumen 'As-built' yang diserahkan oleh wakil pihak Jabatan Kerja Raya



Encik Shaiful AZli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di bawa meninjau kerja-kerja menaik taraf yang telah selesai di sekitar Kompleks Mahkamah Butterworth, Pulau Pinang

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KERJA-KERJA PENGGANTIAN SISTEM PENYAMAN UDARA JENIS AIR *COOLED CHILLER* DAN LAIN-LAIN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS MAHKAMAH KUCHING, SARAWAK

TARIKH : 22 OGOS 2023 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI

Majlis Penyerahan Projek Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penyaman Udara Jenis Air *Cooled Chiller* dan lain-lain kerja-kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh Tuan Steve Ritikos, Pengarah Mahkamah Negeri Sarawak, wakil Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB), Jabatan Kerja Raya dan Pasukan Projek Khas Negeri Sarawak.



Encik Shaiful AZli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), BHEUU menerima '*Coffee Table Book*' yang diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya



Sesi menandatangani Dokumen Penyerahan bagi kerja-kerja penggantian sistem penyaman udara jenis air *cooled chiller* dan lain-lain kerja-kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak



Majlis penyerahan projek kerja-kerja penggantian sistem penyaman udara jenis air *cooled chiller* dan lain-lain kerja-kerja berkaitan

LAWATAN KERJA YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI) KE TAPAK PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU AMPANG, SELANGOR

TARIKH : 28 OGOS 2023 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI

Lawatan Kerja YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke tapak pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Johor untuk melihat kemajuan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di tapak pembinaan.

Lawatan kerja ini turut disertai YBhg. Dato' Hasbi binti Hasan, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; YBhg. Dato Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dan YBhg. Datuk Almalena Sharmila binti Dato' Dr. Johan, Ketua Bahagian Penasihat.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) bergambar bersama delegasi lawatan kerja



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) semasa sesi taklimat status semasa pelaksanaan kerja-kerja pembinaan Projek Kompleks Mahkamah Baharu Ampang, Selangor yang disampaikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)



YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dibawa meninjau kemajuan semasa kerja-kerja di tapak bagi pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP BAGI KERJA MENAIKTARAF BANGUNAN PATI UNTUK DIJADIKAN BILIK BICARA DAN KAMAR HAKIM TAMBAHAN TERMASUK SISTEM PENGHAWA DINGIN BARU DI MAHKAMAH SEPANG, SELANGOR

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2023 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI

Majlis penyerahan projek siap bagi kerja menaik taraf bangunan pendatang asing tanpa izin (PATI) untuk dijadikan bilik bicara dan kamar hakim tambahan termasuk sistem penghawa dingin baru di Mahkamah Sepang, Selangor.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh YBhg Dato' Khamsiah @ Anita Binti Hj Harun**,** Pengarah Mahkamah Negeri Selangor, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor dan JKR Daerah Sepang, Selangor.



Encik Shaiful Azli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) bergambar bersama Pengurusan Tertinggi Mahkamah Negeri Selangor dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor



Encik Shaiful AZli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), BHEUU menyerahkan Replika Kunci Bilik Bicara dan Kamar Hakim tambahan kepada YBhg Dato' Khamsiah @ Anita Binti Hj Harun, Pengarah Mahkamah Negeri Selangor



Sesi menandatangani Dokumen Penyerahan bagi kerja menaik taraf bangunan PATI untuk dijadikan bilik bicara dan kamar hakim tambahan termasuk sistem penghawa dingin baru

SESI MENGHADAP DULI YANG MAHA MULIA (DYMM) SULTAN JOHOR UNTUK MEMPERSEMBAHKAN REKA BENTUK KOMPLEKS MAHKAMAH BAHARU JOHOR BAHRU, JOHOR

TARIKH : 18 OKTOBER 2023 (RABU)
MASA : 11.00 PAGI

Sesi menghadap DYMM Sultan Johor untuk mempersembahkan reka bentuk Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor telah diadakan di Rumah Danga, Johor Bahru.

Sesi Menghadap DYMM Sultan Johor ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang; YBhg. Dato' Ar. Idr. Azman bin Md Hashim, Pengarah Kanan, Cawangan Kerja Bangunan Am 1, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Ar. Muhammad Ali Jamaluddin, Arkitek Jururancang.



DYMM Sultan Johor berkenan melihat reka bentuk bangunan Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor



DYMM Sultan Johor berkenan melihat reka bentuk bangunan Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor



DYMM Sultan Johor berkenan melihat reka bentuk bangunan Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PENYAMAN UDARA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS MAHKAMAH SUNGAI PETANI, KEDAH

TARIKH : 22 NOVEMBER 2023 (RABU)
MASA : 9.30 PAGI

Majlis Penyerahan Projek Kerja-Kerja Menaik taraf Sistem Penyaman Udara dan lain-lain kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Sungai Petani, Kedah.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh wakil Mahkamah Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah.



Sesi menandatangani Dokumen Penyerahan bagi kerja-kerja menaik taraf sistem penyaman udara dan lain-lain kerja berkaitan di Kompleks Mahkamah Sungai Petani, Kedah



Encik Shaiful AZli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), BHEUU menerima cenderamata yang diserahkan oleh wakil pihak Jabatan Kerja Raya



Encik Shaiful Azli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) bergambar bersama Pengurusan Tertinggi Mahkamah Negeri Kedah dan

SESI KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH (PEMBANGUNAN), BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU) KE ATAS PEGAWAI DAERAH, PEJABAT DAERAH DAN TANAH PERAK TENGAH, PERAK

TARIKH : 15 DISEMBER 2023 (JUMAAT)
MASA : 9.30 PAGI

Sesi Kunjungan Hormat Encik Shaiful Azli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) ke atas YBrs. Tuan Mohd Zaki bin Abdul Rahman, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Perak untuk membincangkan hala tuju bagi tapak sedia ada Mahkamah Majistret Parit, Perak serta perancangan pembangunan Mahkamah Baharu Seri Iskandar, Perak. Sesi ini turut disertai oleh wakil Mahkamah Negeri Perak.



Penyampaian cendemata kepada YBrs. Tuan Mohd Zaki bin Abdul Rahman, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Perak



Encik Shaiful Azli bin Mahamad Nor, Pengarah (Pembangunan), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) menandatangani buku pelawat di Pejabat Daerah dan Tanah, Perak Tengah



Sesi perbincangan di Bilik Mesyuarat, Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah, Seri Iskandar, Perak





SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

UNIT SUMBER MANUSIA

HARI BERTEMU PELANGGAN 2023

Unit Sumber Manusia BHEUU telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan 2023 yang diadakan pada 6 dan 7 Disember 2023 di Bilik Transformasi BHEUU. Dalam sesi ini warga BHEUU diberi peluang untuk menyemak maklumat dalam buku perkhidmatan masing-masing dan mengemas kini rekod berkaitan. Sesi ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 104 orang warga BHEUU dari pelbagai peringkat jawatan dan gred.



Poster Hari Bertemu Pelanggan 2023



Semakan buku perkhidmatan dibantu oleh pentadbir buku perkhidmatan dari Unit Sumber Manusia



Penyertaan yang menggalakkan dari warga BHEUU

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BHEUU JPM

MBJ merupakan saluran komunikasi dua hala antara Pihak Pegawai (Pihak Pengurusan) dengan Pihak Pekerja di peringkat jabatan masing-masing. MBJ bertujuan untuk memperoleh kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernas untuk kepentingan dan kebaikan organisasi.

Ahli MBJ BHEUU terdiri daripada wakil dari BHEUU, JBG dan MdI. Maklumat berkenaan MBJ BHEUU JPM boleh didapati di laman web rasmi MBJ BHEUU yang telah dilancarkan pada 1 Disember 2022 melalui pautan berikut http://aplikasi.bheuu.gov.my/mbjbheuu/index.php.



Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2023 diadakan di Hotel Ancasa Royale, Pekan, Pahang.



Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2023

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022 DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2023 (KLUSTER UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 Dan Jasamu Dikenang Tahun 2023 (Kluster Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) telah diadakan pada 21 Jun 2023 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor. Majlis ini disempurnakan oleh YB Tuan Ramkarpal Singh, Timbalan Menteri di JPM (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi). Majlis pada tahun ini turut meraikan pesara dan bakal pesara pada tahun 2023/2024. Seramai 14 orang pegawai BHEUU telah menerima APC bagi tahun 2022 dan 3 orang pesara pada tahun 2023 seperti berikut:

Penerima APC BHEUU Tahun 2022

BIL.	NAMA PENERIMA	JAWATAN/GRED	SEKYEN/ UNIT/BAHAGIAN
1	Siti Fazlina binti Mohd Sani	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48	Seksyen Pembangunan
2	Ts. Zakaria bin Ismail	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	Unit Aplikasi Seksyen Pengurusan Maklumat
3	Asmawati binti Aris	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44	Unit Aplikasi Seksyen Pengurusan Maklumat
4	Nur Asfarina binti Hassan Rahmat	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
5	Yasit bin Abd Razak	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	Seksyen Dasar dan Penyelidikan
6	Yuhanim binti Halim	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29	Unit Aplikasi Seksyen Pengurusan Maklumat
7	Siti Ainur Asyiqin binti Zolkanain	Penolong Pegawai Penerangan Gred S29	Unit Komunikasi Korporat
8	Nuruldayana binti Mohamad	Setiausaha Pejabat Gred N29	Seksyen Dasar dan Penyelidikan

BIL.	NAMA PENERIMA	JAWATAN/GRED	SEKYEN/ UNIT/BAHAGIAN
9	Salbiyah binti Badri	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26	Unit Khidmat Pengurusan
10	Faizah binti Md Isa	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 (TBK2)	Seksyen Pembangunan
11	Nazatul Syariha binti Osman	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 (TBK1)	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
12	Mohammad Jamil bin Yahaya	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 (TBK1)	Seksyen Kewangan
13	Zuraihan binti Md Zain	Juruteknik Komputer Gred FT22 (TBK1)	Unit Aplikasi Seksyen Pengurusan Maklumat
14	Nori Azman bin Kamarudin	Pemandu Gred H11	Unit Khidmat Pengurusan

Pesara 2023/2024

BIL.	NAMA PESARA	JAWATAN/GRED	SEKYEN/ UNIT/BAHAGIAN	TARIKH PERSARAAN
1	Nasibah binti Ariffin	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 (TBK1)	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	18.08.2023
2	Salbiyah binti Badri	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N26	Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	26.09.2023
3	Mohd Asri bin Musa	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA38 (TBK2)	Seksyen Pengurusan Maklumat	02.01.2024



Penerima APC BHEUU Tahun 2022 dan Pesara 2023/2024



YB Tuan Ramkarpal Singh, Timbalan Menteri di JPM (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) bersama tetamu jemputan, Jawatankuasa Kerja Majlis, Penerima APC 2022 dan Pesara 2023/2024

UNIT LATIHAN

CERAMAH PENIPUAN MELALUI INTERNET DAN PANGGILAN TELEFON DARIPADA SCAMMER, 'CELIK JENAYAH SIBER!'

Ceramah Penipuan Melalui Internet dan Panggilan Telefon Daripada Scammer, 'Celik Jenayah Siber!' telah diadakan di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU pada 10 Januari 2023. Ceramah ini diadakan seiring dengan isu semasa berkaitan ancaman jenayah siber pada masa ini yang membimbangkan. Jenayah siber yang kini merentas sempadan dan semakin kompleks menjadikan ia lebih sukar dikesan, sekali gus menuntut langkah kesedaran penipuan yang lebih kukuh. Oleh yang demikian, jenayah siber yang semakin kompleks dan dinamik di era digital dan teknologi memerlukan keupayaan lebih canggih, terutama dalam kapasiti agensi pegawai dan penggemblengan usaha dari agensi penguatkuasa serta peralatan, kaedah, mahupun instrument yang ada. Ceramah ini bertujuan memberi hebahan berkaitan maklumat dan tip mengenal pasti aktiviti jenayah siber serta langkah yang boleh diambil untuk membanteras. Menyediakan ruang dan peluang kepada para pegawai BHEUU untuk menjadi duta hebahan kepada orang awam akan kesedaran jenayah siber.




Penceramah bergambar bersama para peserta seusai tamat program



Ceramah disampaikan oleh Tuan Md Zainizam bin Mat Jenu kepada peserta

BENGKEL KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN BAGI PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG

Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Fungsian Penolong Pegawai Undang-Undang di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah diadakan pada 16 Februari 2023 di Ruang Legar Aras 10, BHEUU. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk menyelaras penyediaan kamus kompetensi fungsian bagi setiap Penolong Pegawai Undang-Undang yang berada di bawah Ketua Pengarah BHEUU selaku Ketua Perkhidmatan dan memastikan keseragaman kamus kompetensi fungsian di bawah Ketua Perkhidmatan berdasarkan prinsip, tatacara dan skala yang ditetapkan dalam panduan Perkhidmatan Awam. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Salina binti Mohd Siha dan Encik Mohd Tarmizi bin Ahmad dari Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau merupakan seorang yang berpengalaman dalam mengkaji, mengubal dan menyediakan khidmat nasihat berkaitan dasar-dasar perkhidmatan bagi penjawat awam.



Para peserta ketika kursus atas talian dijalankan

BENGKEL PENYEDIAAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) BHEUU 2023

Bengkel Penyediaan Sasaran Kerja Utama (SKU) telah diadakan pada 24 hingga 26 Februari 2023 bertempat di Corus Paradise Resort, Port Dickson. Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai BHEUU mengenai tatacara penyediaan SKU yang betul seperti yang digariskan di dalam Panduan Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan dan Profesional Serta Kumpulan Pelaksana Secara *Dual System* Bagi Tahun Penilaian 2022 dan 2023, menyemak dan merancang SKU 2023 berdasarkan pencapaian 2022 serta memastikan SKU yang disediakan selari dengan fungsi jabatan.



Puan Amy Lisa binti Pajuri @ Bajuri, JPA sedang menyampaikan taklimat kepada para peserta



Para peserta Bengkel Penyediaan Sasaran Kerja Utama (SKU)

CERAMAH PENGUKUHAN ROHANI

Sempena kedatangan bulan Ramadan yang mulia, Ihya' Ramadan merupakan salah satu program yang dijalankan melibatkan semua warga BHEUU bagi mengimarahkan bulan yang penuh dengan keberkatan. Program ini dirancang sebagai satu usaha membentuk modal insan yang seimbang dan cemerlang di dunia dan akhirat. Antara objektif penganjuran ceramah ini adalah untuk menerapkan nilai baik yang dituntut oleh setiap individu meliputi aspek sahsiah dan tingkah laku selaras tuntutan agama serta memupuk semangat cintakan ajaran Rasulullah S.A.W serta melahirkan insan yang cemerlang dunia dan akhirat melalui penghayatan amalan murni di bulan Ramadan. Ceramah ini diadakan pada 4 April 2023 bertempat di Dewan Saksama, BHEUU. Penceramah jemputan ialah YBrs. Ustaz Syed Abdul Kadir bin Syed Hussin Aljoofre yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan Sarjana Syariah (Feqh Perbandingan Mazhab). Beliau berpengalaman luas berdakwah, membentangkan kertas kerja, mengendalikan bengkel, latihan dan kursus motivasi, serta mengajar secara formal dan tidak formal selama 20 tahun di televisyen dan radio.



YBrs. Ustaz Syed Abdul Kadir bin Syed Hussin Aljoofre sedang menyampaikan ceramah di Dewan Saksama, BHEUU



Suasana dewan ketika ceramah berlangsung



Penyampaian cenderamata oleh Puan Azlin binti Azizan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU kepada penceramah jemputan YBrs. Ustaz Syed Abdul Kadir bin Syed Hussin Aljoofre

BENGKEL LATIHAN KESELAMATAN DAN PENGURUSAN DOKUMEN RAHSIA RASMI

Bengkel Latihan Keselamatan Dan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi telah diadakan pada 29 - 31 Mei 2023 bertempat di Dewan Cengkih, Tingkat Bahang Bay Hotel, Pulau Pinang telah disampaikan oleh En. Mohd Mairzar bin Md Zakir, Penolong Pegawai Keselamatan Kanan Pejabat KPKK Negeri Pulau Pinang. Antara pengisian taklimat yang disampaikan adalah mengenai Taklimat Ancaman Keselamatan di Jabatan Kerajaan & Keselamatan Fizikal, Keselematan Dokumen Rahsia Rasmi & Keselamatan Peribadi, Pengenalan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Proses Pengelasan dan Pengelasan Semula dari Perspektif Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Latih Amal dan Pengendalian Buku Daftar Suratan Rahsia.



En. Mohd Mairzar bin Md Zakir, Penolong Pegawai Keselamatan Kanan Pejabat KPKK Negeri Pulau Pinang menyampaikan taklimat pada para peserta bengkel



Penceramah bergambar bersama para peserta selepas sesi taklimat selesai



Para peserta Bengkel Latihan Keselamatan Dan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi

KLINIK PENGURUSAN KEWANGAN AKPK "PINJAM JANGAN SAMPAI PITAM"

Klinik pengurusan kewangan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai tentang asas kepada pinjaman, tanggungjawab sebagai peminjam serta perbezaan pinjaman produktif dan pinjaman tidak produktif. Ia juga bertujuan menerapkan nilai tadbir urus insan (*human governance*) terutama dalam pengurusan kewangan peribadi sebagai tindakan pencegahan salah laku akibat keterhutangan serius serta memberi panduan kepada pegawai untuk mengelakkan diri dari terlibat dengan keterhutangan serius. Klinik Pengurusan Kewangan AKPK "Pinjam Jangan Sampai Pitam" telah diadakan pada 10 Ogos 2023 di Aras 10, BHEUU.



Taklimat Asas Pinjaman & Pinjaman Produktif vs Tidak Produktif telah disampaikan oleh Puan Farhanna binti Umar @ Omar, Kaunselor AKPK



Para peserta sedang mendengar Taklimat Nisbah Hutang Kepada Pendapatan

KURSUS PENGURUSAN STRES

Kursus Pengurusan Stres bertajuk “Urus Emosi dengan Terapi Seni” diadakan di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU pada 5 September 2023 dan telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Rafidah binti Kastawi, kaunselor berdaftar dan pengasas modul terapi R-E-S-T. R-E-S-T atau Terapi Seni Ekspresif. Beliau mengetengahkan teknik kaunseling yang menggunakan modul refleksi (*reveal* dan *reflect*), emosi dan perasaan, kepekaan dan ketara. Antara objektif kursus ini adalah untuk memahami konsep dan senario stres di dalam organisasi serta meningkatkan kebolehan mengurus dan mengawal emosi dan tekanan di tempat kerja. Seterusnya memberikan penekanan terhadap segala kaedah pengurusan emosi, konflik dan penyelesaiannya.



YBrs. Dr Rafidah binti Kastawi sedang berinteraksi bersama peserta kursus



Para peserta sedang melakukan aktiviti latihan dalam kumpulan

UNIT PUSAT SUMBER

Sepanjang tahun 2023, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan beberapa program/aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca serta mewujudkan budaya cintakan ilmu di kalangan warga BHEUU, JBG dan MdI. Beberapa aktiviti untuk membudayakan amalan membaca telah dilaksanakan. Program dan aktiviti adalah seperti berikut:

1) *Library 2U* (Jaja Buku)

Program *Library 2U* ini berkonsepkan Pusat Sumber bergerak di mana bahan bacaan pelbagai subjek akan dibawa oleh staf pusat sumber ke meja warga BHEUU. Bahan bacaan adalah daripada Pinjaman Berkelompok dari Perpustakaan Negara Malaysia. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini dilaksanakan. Ia telah dilaksanakan pada 28 Februari 2023.

2) *World Quran Hour*

Program *World Quran Hour* merupakan program tahunan yang dijalankan serentak di seluruh dunia. Bagi peringkat BHEUU, program ini telah diadakan pada 24 Ramadan 1443H, iaitu pada 13 April 2023 dari jam 12.00 tengahari hingga 1.00 petang dengan membaca, memahami dan menghayati ayat Al-Quran. Pada tahun ini, surah Al-Insan telah dipilih untuk dibacakan bersama. Bacaan diketuai oleh Ustaz Anas bin Jamaluddin. Program *World Quran Hour* BHEUU adalah hasil kerjasama antara Pusat Sumber BHEUU, Perpustakaan JBG dan Biro Agama, Puspanita Cawangan Kecil BHEUU.

3) Program Sempena Bulan Kemerdekaan 2023

Sempena sambutan bulan kemerdekaan 2023, Pusat Sumber dengan kerjasama Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU telah melaksanakan beberapa aktiviti untuk memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan bagi tahun 2023. Program ini telah

dilaksanakan sepanjang bulan kemerdekaan iaitu dari 16 Ogos hingga 16 September 2023.



Poster Program Sambutan Bulan Kemerdekaan 2023

Aktiviti yang telah dianjurkan ialah:

3.1) Majlis Kibar Jalur Gemilang Dan *Brisk Walk* Merdeka

Majlis Kibar Jalur Gemilang dan *Brisk Walk* Merdeka telah diadakan pada 23 Ogos 2022. Majlis diadakan di Lobi Bangunan BHEUU. Aturcara dimulai dengan ketibaan warga BHEUU, MBG dan Mdi. Disusuli dengan ketibaan Ketua-ketua jabatan dan seterusnya ketibaan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh. Acara dimulai dengan perasmian kibar jalur gemilang oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) diiringi dengan lagu Negaraku dan lagu Jalur Gemilang. Acara diteruskan dengan pelepasan dan *brisk walk* mengikut laluan yang telah ditetapkan.



Perasmian Program Sambutan Bulan Kemerdekaan 2023



Aktiviti Brisk Walk Merdeka

3.2) Ceramah Kemerdekaan

Ceramah kemerdekaan dengan tajuk “Merdeka Jiwa Raga” telah diadakan pada 29 Ogos 2023 jam 9.00 hingga 1.00 tenga hari bertempat di Dewan Saksama, Bangunan BHEUU. Penceramah jemputan ialan Tuan Jowel bin Nooh, Penolong Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia.





Ceramah Kemerdekaan

3.3) Lawatan Ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan

Program Lawatan ke Memorial Pengistiharan Kemerdekaan telah diadakan pada 7 September 2023. Tujuan lawatan adalah untuk mengimbau detik-detik kemerdekaan Negara.



Pertukaran cenderahati oleh wakil agensi

3.4) Zumba Merdeka

Acara Zumba Merdeka telah diadakan pada 12 September 2023 di Dewan Saksama, Bangunan BHEUU pada 12 September 2023 jam 4.30 petang. Acara ini dilaksanakan adalah untuk membudayakan cara hudup sihat dikalangan warga kerja.





Poster Zumba Merdeka

3.5) Pertandingan Persembahan Kebangsaan Dan Majlis Penutup Bulan Kebangsaan 2023

Pertandingan Persembahan Kebangsaan dan Majlis Penutup Bulan Kebangsaan 2023 telah diadakan pada 14 september 2023 bertempat di Dewan Saksama, Bangunan BHEUU. Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan 2023 dimeriahi dengan ketibaan dan perasmian penutup oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datin Sri Mariam Binti Ismail, Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil BHEUU.

Pemenang Pertandingan ialah seperti berikut:

PERTAMA : Kumpulan Steppers (BHEUU)
KEDUA : Kumpulan Primadona (MdI)
KETIGA : Kumpulan K.A.M.I (BHEUU)



Salah satu persembahan dalam Pertandingan Persembahan Kebangsaan BHEUU





Majlis Penutup Sambutan Kebangsaan BHEUU dan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan






SEKSYEN KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN (MENGURUS)

Peruntukan mengurus tahun 2023 yang diluluskan untuk BHEUU di bawah Dasar Sedia Ada dan Program Khusus adalah berjumlah RM33,438,000.00. Pada tahun ini, peruntukan yang dipinda berjumlah RM38,685,498.00 dengan pertambahan peruntukan sebanyak RM5,247,498.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2023 ialah RM38,481,107.99 (99.47%)



PENGURUSAN BIL TAHUN 2023

Pada tahun 2023, BHEUU juga telah berjaya memproses **2,473 bil** berjumlah **RM33,359,903.18** di mana **100% bil** diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di BHEUU berada di tahap yang baik serta mengikut peraturan yang berkuat kuasa**.**

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN (PEMBANGUNAN)

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2023 adalah berjumlah RM177,811,800.00. Pada tahun ini, peruntukan yang dipinda berjumlah RM118,964,693.31 Jumlah perbelanjaan sebenar RM118,964,491.35 (100.00%). Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:

PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	BAKI (RM)	PERATUS BAKI (%)
PPPP	19,933,149.60	19,933,149.60	100.00%	0.00	0.00%
PEROLEHAN KOMPUTER	858,939.10	858,939.10	100.00%	0.00	0.00%
BANGUNAN-BANGUNAN MAHKAMAH	79,374,588.32	79,374,586.36	100.00%	1.96	0.00%
PENGKOMPUTERAN MAHKAMAH	18,798,016.29	18,797,816.29	100.00%	200.00	0.00%
JUMLAH	**118,964,693.31**	**118,964,491.35**	**100.00%**	**0.00**	**0.00%**

AKTIVITI SEKSYEN KEWANGAN 2023

Sepanjang tahun 2023 Seksyen Kewangan telah menganjurkan 2 kursus berkaitan kewangan iaitu Kursus Tatacara Perolehan dan Kursus Pengurusan Kewangan (iGFMAS).

KURSUS TATACARA PEROLEHAN 2023

Kursus Tatacara Perolehan 2023 telah diadakan pada 7 hingga 9 Mac 2023 bertempat di The Everly Putrajaya. Kursus selama 3 hari ini dihadiri oleh 50 orang peserta dalam kalangan pegawai-pegawai BHEUU bergred 19 hingga 54. Penceramah jemputan serta bertauliah dari Bahagian Perolehan dan Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dijemput bagi menyampai kan sesi ceramahan dan bimbingan kepada para peserta.















KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN (iGFMAS) 2023

Kursus Pengurusan Kewangan iGFMAS Tahun 2023 telah diadakan pada 23 hingga 25 Jun 2023 bertempat di Furama Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Kursus selama 2 hari ini dihadiri oleh 20 orang peserta dalam kalangan pegawai-pegawai Seksyen Kewangan BHEUU bergred 19 hingga 54. sesi ceramah dan bimbingan telah disampaikan oleh Penceramah jemputan serta bertauliah dari Institut Perakaunan Negara (IPN), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).














PEMERIKSAAN MENGEJUT AP309 KALI PERTAMA BAGI TAHUN 2023)

Pemeriksaan ini telah berjaya disempurnakan oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah BHEUU pada 16 Februari 2023







PEMERIKSAAN MENGEJUT AP309 KALI KEDUA BAGI TAHUN 2023)

Pemeriksaan ini telah berjaya disempurnakan oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah BHEUU pada 15 Ogos 2023




PEMERIKSAAN DALAMAN AP308 TAHUN 2023

Pemeriksaan ini telah berjaya disempurnakan oleh YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU pada 26 September 2023











SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

1. PORTAL RASMI BHEUU

Portal Rasmi BHEUU merupakan gerbang maklumat atas talian dalam menyampaikan informasi terkini dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BHEUU kepada orang awam. Terdapat maklumat korporat merangkumi visi, misi, objektif, fungsi dan piagam pelanggan BHEUU. Portal ini juga turut menyediakan perkhidmatan seperti Pendaftaran Yayasan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258], maklumat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711], pembangunan mahkamah, iklan perolehan tender dan sebut harga serta direktori pegawai BHEUU.

Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang turut ditawarkan adalah pautan perkhidmatan atas talian bagi Jabatan Insolvensi dan Jabatan Bantuan Guaman seperti pautan carian kebankrapan dan penggulungan syarikat, semakan status pemerbadanan pemegang amanah dan semakan status pemegang amanah melalui carian nama, aduan dan maklumbalas pelanggan.



Gambar 1: Laman Utama Portal Rasmi BHEUU

Pengemaskinian kandungan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 bagi memastikan Portal Rasmi BHEUU sentiasa memaparkan maklumat dan berita yang terkini. Di antara aktiviti-aktiviti penambahbaikan dan pengemaskinian kandungan yang telah dijalankan adalah:

a) Pengemaskinian 42 banner;
b) Pengemaskinian 66 kenyataan media;
c) Pengemaskinian 201 aktiviti/galeri gambar;
d) Pengemaskinian 301 keratan akhbar;
e) Penambahan dua (2) menu baharu dibawah menu Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]; dan
f) Pengemaskinian kandungan yang merangkumi Piagam Pelanggan, Infografik, Berita/Aktiviti Terkini dan Carta Organisasi Pengurusan Atasan.

2. PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM BANTUAN GUAMAN BERSEPADU (iGuaman) BAGI JABATAN BANTUAN GUAMAN

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang dengan kerjasama Jabatan Bantuan Guaman sedang membangunkan Sistem Bantuan Guaman Bersepadu (iGuaman) bagi menggantikan Sistem Pengurusan Kes Jabatan Bantuan Guaman (SPK-JBG) yang telah dibangunkan pada tahun 2007. Kontrak bagi projek ini telah bermula pada 15 Februari 2021 dan dijangka tamat pada 14 Ogos 2023.

Sistem iGuaman merangkumi perubahan proses kerja JBG *end-to-end* selari dengan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 dan menyediakan perkhidmatan *online* berikut:

a) Permohonan Khidmat Nasihat Guaman;
b) Permohonan Khidmat Bantuan Guaman;
c) Pembayaran secara *online* melalui FPX;
d) Permohonan Pelantikan sebagai Peguam Panel JBG;
e) Permohonan Tuntutan Pengendalian Kes oleh Peguam Panel;
f) Permohonan Tuntutan Perjalanan semasa Menjalankan Tugas Rasmi (TNT) bagi Pegawai JBG; dan
g) Permohonan Tuntutan Elaun Saksi/ Penterjemah.

Sepanjang pertengahan tahun 2023, antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bagi Projek Sistem iGuaman adalah seperti berikut:

a) Mesyuarat Jawatankuasa dan Pasukan Projek

i) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah BHEUU:

- Bilangan 1/2023 pada 9 Februari 2023; dan
- Bilangan 2/2023 pada 16 Jun 2023.

ii) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek iGuaman yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JBG telah diadakan seperti berikut:

- Bilangan 1/2023 pada 30 Januari 2023;
- Bilangan 2/2023 pada 29 Mei 2023; dan



Gambar 2: Jawatankuasa Teknikal Projek iGuaman pada 29 Mei 2023

iii) Mesyuarat Pasukan Projek iGuaman yang dipengerusikan oleh Pengarah Projek/ Pengarah Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU telah diadakan seperti berikut:

- Bilangan 1/2023 pada 11 April 2023; dan
- Bilangan 2/2023 pada 23 Jun 2023.

b) Penyediaan Dokumen Spesifikasi Reka Bentuk Sistem (*System Design Specification* / SDS)

Dokumen SDS merupakan dokumen yang disediakan sebagai panduan utama yang mengandungi senibina dan reka bentuk Sistem iGuaman. Satu Bengkel SDS telah diadakan pada 9 hingga 10 Februari 2023 di Hotel Zenith Putrajaya dan dihadiri oleh Pasukan Pembangunan Sistem Projek iGuaman yang terdiri daripada wakil Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU, Unit Teknologi Maklumat JBG dan pasukan projek dari Mutiara I-Tech Sdn. Bhd.



Gambar 4: Peserta dari Pasukan Projek iGuaman menghadiri Bengkel *System Design Specification* (SDS) Projek iGuaman di Hotel Zenith, Putrajaya

c) Latihan dan *Transfer-of-Technology* (TOT) merupakan salah satu skop dalam Projek iGuaman. Latihan yang telah dijalankan di sepanjang pertengahan tahun 2023:

i) MySQL *Database Administration Certification* yang telah diadakan pada 16 hingga 20 Januari 2023 di Guidance View Sdn Bhd, Mid Valley City, Kuala Lumpur dan dihadiri oleh 10 orang peserta dari BHEUU, JBG dan MdI.

d) Ujian Penerimaan Pengguna (*User Acceptance Testing*/ UAT)

i) Ujian Penerimaan Pengguna dilaksanakan selepas sesi *sprints* bagi menguji sistem mengikut Pelan Induk Pengujian dan Pelan UAT berdasarkan tempoh yang ditetapkan.

ii) Tujuan UAT dijalankan untuk menunjukkan bahawa Sistem iGuaman beroperasi dengan baik selaras dengan spesifikasi dan fungsinya serta konfigurasi bagi Sistem iGuaman berjalan dengan memuaskan.



Gambar 5: Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Sistem iGuaman bersama pengguna dari JBG Putrajaya

e) Ujian Penerimaan Provisional (*Provisional Acceptance Test*/ PAT)

Ujian Penerimaan Provisional (PAT) merangkumi ujian fungsian dan bukan fungsian ke atas Sistem iGuaman. Ia adalah ujian akhir sebelum sistem aplikasi dilancarkan (*go live*). Objektif PAT adalah untuk menilai keupayaan sistem beroperasi dalam persekitaran yang sebenar.



Gambar 6: Ujian Penerimaan Provisional (PAT) Sistem iGuaman bersama pengguna JBG

f) Pengurusan perubahan

Pelaksanaan pengurusan perubahan atau *change management* yang efektif adalah amat penting bagi memastikan objektif pengurusan perubahan dalam Projek Sistem iGuaman dapat dicapai dan memberi impak yang maksima kepada pihak yang terlibat. Aktiviti pengurusan perubahan atau *change management* yang dilaksanakan sehingga bulan Jun 2023 adalah penyediaan bahan promosi seperti brosur, *banner* dan video montaj untuk mempromosikan Sistem iGuaman yang sedang dibangunkan.





Gambar 7: Perbincangan Pasukan Pengurusan Perubahan Projek iGuaman yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) JBG bagi membincangkan reka bentuk brosur, banner dan montaj Sistem iGuaman

3. PENYELENGGARAAN, PEMANTAUAN DAN NAIK TARAF SISTEM INSOLVENSI BERSEPADU (INSIST) DAN PORTAL E-INSOLVENSI

INSIST merupakan sistem bersepadu di Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) bagi menguruskan kes kebankrapan, likuidasi (penggulungan syarikat, pembatalan pertubuhan dan kesatuan sekerja) dan perakaunan yang melibatkan terimaan dan bayaran bagi MdI. Manakala portal e-insolvensi merupakan medium bagi perkhidmatan atas talian untuk orang awam.

Sepanjang tahun 2023, aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan bagi penyelenggaraan dan naik taraf INSIST dan Portal e-Insolvensi adalah seperti berikut:

a) Lawatan Kerja ke Cawangan MdI bagi Kajian Proses Kerja Modul Perakaunan INSIST

Bahagian Perakaunan, Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) bersama Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa cawangan terpilih bagi pelaksanaan kajian ke atas proses kerja Modul Perakaunan di Sistem INSIST.

Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti keperluan pengguna bagi pembangunan Sistem Perakaunan baharu serta penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi kelancaran Sistem INSIST semasa. Jadual 1 menerangkan maklumat lawatan kerja yang telah dilaksanakan pada tahun 2023.

Jadual 1: Jadual Lawatan Kerja Tahun 2023

BIL.	PERINCIAN LAWATAN
1.	Lokasi : MdI Negeri Sembilan Tarikh : 17 - 19 Januari 2023 Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
2.	Lokasi : MdI Cawangan Kuantan

Tarikh : 13 - 16 Mac 2023
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

Susulan daripada lawatan kerja ini, sebanyak lapan (8) *Change Request* (CR) telah dikeluarkan bagi tujuan tambah baik sistem INSIST semasa.



Gambar 8: Lawatan kerja ke MdI Cawangan Negeri Sembilan



Gambar 9: Lawatan kerja ke MdI Cawangan Kuantan

b) Latihan *Refresher* Modul Perakaunan INSIST

Sesi Latihan *Refresher* bagi Modul Perakaunan INSIST telah diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan meningkatkan kemahiran pengguna bagi penggunaan semua sub modul di bawah Modul Perakaunan INSIST. Sesi ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan disertai oleh Pegawai Insolvensi dari 21 cawangan MdI. Maklumat latihan *refresher* Modul Perakaunan INSIST yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Jadual Latihan *Refresher* Modul Perakaunan INSIST Tahun 2023

BIL.	PERINCIAN LATIHAN *REFRESHER*
1.	Nama : Latihan *Refresher* Modul Perakaunan INSIST Siri 1 Lokasi : Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Tarikh : 15 - 18 Mei 2023 Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
2.	Nama : Latihan *Refresher* Modul Perakaunan INSIST Siri 2 Lokasi : Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka Tarikh : 23 - 26 Oktober 2023 Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang





Gambar 10: Latihan *Refresher* Modul Perakaunan INSIST




Gambar 11: Latihan *Refresher* Modul Perakaunan INSIST Siri 2

c) Pembangunan *Change Request* (CR)


Sepanjang 2023, dua puluh satu (21) CR telah berjaya diselesaikan merangkumi modul Perakauanan, Perkhidmatan, Kebankrapan dan Likuidasi.



Gambar 12: Status Pembangunan CR Tahun 2023

d) Penyelenggaraan Aduan INSIST

Jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan sepanjang tahun 2023 adalah berjumlah 7,422 aduan dengan purata aduan bulanan sebanyak 619 aduan.



Gambar 13: Status Penyelenggaraan Aduan Tahun 2023

4. PROJEK PERKHIDMATAN SEWA BELI SISTEM REKOD KEDATANGAN KAKITANGAN DI BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang telah melaksanakan projek Perkhidmatan Sewa Beli Sistem Rekod Kedatangan Kakitangan di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang. Kontrak bermula pada 1 September 2023 sehingga 31 Disember 2026 selama 40 bulan. Sepanjang September hingga Disember 2023, antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

a) Mesyuarat Kick-Off yang dipengerusikan oleh Pengarah SPM pada 23 Ogos 2023; dan

b) Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Projek yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah (Aplikasi)

   i) Bil. 1/2023 pada 18 September 2023; dan

   ii) Bil. 2/2023 pada 12 Disember 2023



Gambar 14: Mesyuarat Pasukan Projek Sistem Kedatangan BHEUU

c) Bengkel Keperluan Pengguna (User Requirement Specification/ URS) pada 27 September 2023

Dokumen URS merupakan dokumen yang disediakan sebagai panduan bagi proses pembangunan dan modifikasi Sistem iHadir. Satu bengkel URS telah diadakan pada 27 September 2023 di Bilik Mesyuarat Siber, Aras 5 BHEUU yang dihadiri oleh wakil Pasukan Projek Sistem Rekod Kedatangan, wakil Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU, wakil Unit Sumber Manusia JBG dan wakil Unit Sumber Manusia MdI.

d) Ujian Penerimaan Pengguna (User Acceptance Test/ UAT) pada 14 Disember 2023

Ujian Penerimaan Pengguna dilaksanakan selepas pembangunan dan modifikasi Sistem iHadir disiapkan selaras dengan dokumen URS berdasarkan tempoh yang ditetapkan.



Gambar 15: Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) Sistem iHadir bersama pengguna BHEUU, MdI dan JBG


e) Pendaftaran Cap Jari pada 6-8 Disember 2023

Aktiviti pendaftaran cap jari bagi semua pegawai BHEUU, MdI dan JBG telah dilaksanakan pada 6 hingga 8 Disember 2023. Ini adalah bertujuan untuk membuat persediaan awal sebelum penggunaan Sistem iHadir sepenuhnya pada Januari 2024.



Gambar 16: Proses Pendaftaran Cap Jari bagi BHEUU, MdI dan JBG

f) Pemasangan 16 unit Peranti Biometrik 29 Disember 2023



Gambar 17: Pemasangan Peranti Biometrik

g) Ujian Penerimaan Perkakasan (Equipment Acceptance Test/ EAT) pada 29 Disember 2023

Ujian Penerimaan Perkakasan (EAT) merangkumi ujian fungsian bagi peranti biometrik yang telah dibekalkan. Objektif EAT adalah untuk menilai keupayaan peranti biometrik bersama Sistem iHadir.




Gambar 18: Pengujian EAT di Semua Lokasi Peranti Biometrik

h) Ujian Penerimaan Akhir (FAT) pada 3 Jan 2024

Ujian Penerimaan Akhir (FAT) merangkumi ujian fungsian Sistem iHadir dan peranti biometrik bagi memastikan sistem dan peralatan berfungsi dengan baik. Objektif FAT adalah untuk mengesahkan bahawa sistem yang dibangunkan memenuhi keperluan yang telah digariskan oleh pengguna.

i) Latihan Pentadbir Bahagian/ Pentadbir PSM pada 11 Jan 2024

\Latihan Pentadbir Bahagian/ Pentadbir PSM diadakan bagi memberikan maklumat dan panduan penggunaan Sistem iHadir dan Sistem BioTime kepada pentadbir BHEUU, MdI dan JBG.




Gambar 19: Latihan Pentadbir Bahagian/ Pentadbir PSM kepada Pentadbir BHEUU, MdI dan JBG.

Sistem iHadir menggunakan kaedah imbasan jari atau imbasan kad pada peranti biometrik bagi merekodkan kedatangan pegawai. Sistem iHadir telah digunakan secara rasmi bermula pada 2 Januari 2024 (Selasa).



Gambar 20: Skrin Login Sistem iHadir



Gambar 21: Dasboard Sistem iHadir

5. PEMBANGUNAN, PELAKSANAAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM APLIKASI GENERIK


a) Pembangunan baharu dan pelaksanaan sistem aplikasi generik


Pelaksanaan Sistem aplikasi generik bertujuan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan menyokong operasi harian di BHEUU, JBG dan

MdI. Pendigitalan beberapa proses kerja menjadi sebahagian daripada perancangan Seksyen Pengurusan Maklumat sama ada melalui pembangunan baharu ataupun melalui perkongsian pintar aplikasi yang bersesuaian dari agensi pelaksana yang lain. Sepanjang bulan Januari hingga Jun tahun 2023, satu (1) sistem aplikasi telah dibangunkan secara dalaman dan dua (2) aplikasi generik yang diperoleh dari JBG dan juga daripada sumber terbuka. Sistem generik baharu dalam peringkat pembangunan adalah:

i) Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat BHEUU

Sistem ini merupakan sistem yang merekodkan penggunaan bilik Mesyuarat dan Bilik Latihan yang terdapat di BHEUU. Selain modul permohonan menggunakan bilik mesyuarat, sistem ini juga menyediakan modul semakan penggunaan bilik mesyuarat, katalog bilik-bilik mesyuarat dan bilik latihan di BHEUU, dan modul pengesahan permohonan bilik mesyuarat.






Gambar 22 & 23: Gambar Antara Muka Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat

ii) Sistem Helpdesk ICT BHEUU

Sistem ini bertujuan yang merekodkan senarai aset dan juga pengurusan meja bantuan bagi aset-aset yang direkodkan. Sistem ini diperoleh daripada sumber terbuka, dan dikonfigurasi mengikut kesesuaian proses kerja di Unit Aset ICT. Sistem ini dalam peringkat konfigurasi dan dijangka akan diperluaskan penggunaannya bagi menguruskan *Change Request* (CR) untuk sistem aplikasi. Di antara modul-modul yang terdapat didalam Sistem Helpdesk ICT BHEUU adalah:

- Modul Pengurusan Aset;
- Modul Pengguna Aset;
- Modul Pengurusan Meja Bantuan;
- Modul Pengurusan Aduan ICT;
- Modul Pemantauan;
- Modul Laporan;
- Modul *Knowledge Base*; dan
- Modul Penyenggaraan.



Gambar 24: Antara muka Sistem Permohonan Latihan Industri BHEUU


iii) Sistem Pemantauan Kontrak

Sistem ini merupakan sistem yang merekodkan maklumat kontrak di antara BHEUU dengan kontraktor yang ditawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di BHEUU. Memandangkan setiap kontrak mempunyai tempoh pelaksanaan dan perlu dipantau dari semasa ke semasa, pelaksanaan sistem ini membantu pegawai dalam menyelia status perkhidmatan dan pembayaran mengikut terma di dalam kontrak semasa.

Sistem ini diperolehi melalui perkongsian pintar bersama Jabatan Bantuan Guaman. Kod sumber yang diperoleh sedang dinaik taraf, dikemaskini dan ditambah baik mengikut keperluan BHEUU. Sasaran pengguna untuk sistem ini ialah Seksyen Pengurusan Maklumat,Seksyen

Pembangunan dan Seksyen Kewangan. Di antara modul-modul yang terdapat di dalam Sistem Pemantauan Kontrak adalah:

- Modul Pendaftaran Kontrak;
- Modul Semakan Status Kontrak;
- Modul Notifikasi peringatan melalui Emel; dan
- Modul Pengurusan Sistem.




Gambar 25: Antara Muka Sistem Pengurusan Kontrak

iv) Sistem Permohonan Latihan Industri BHEUU

Sistem ini merupakan sistem yang menyokong permohonan daripada pelajar universiti di pelbagai bidang untuk menjalankan latihan industri semasa dalam pengajian di BHEUU. Asas bagi sistem ini diambil dari Sistem Permohonan Latihan Industri JBG dan ditambah baik mengikut keperluan Seksyen Pengurusan, BHEUU. Di antara modul-modul yang

dibangunkan dan dikemas kini di sepanjang pertengahan tahun 2023 bagi SPLI BHEUU adalah:

- Modul Pendaftaran Pemohon;
- Modul Sokongan Unit Sumber Manusia;
- Modul Sokongan Unit Kewangan;
- Modul Sokongan Ketua Bahagian;
- Modul Sokongan TKP dan Kelulusan KP BHEUU;
- Modul Surat Tawaran;
- Modul Notifikasi melalui Emel; dan
- Modul Pengurusan Sistem.



Gambar 26: Antara Muka Sistem Permohonan Latihan Industri BHEUU

v) Sistem Pengurusan Perpustakaan BHEUU (KOHA)

Mesyuarat pelaksanaan sistem ini telah diadakan pada 12 April 2023. Skop kerja projek pembangunan ini melibatkan instalasi, konfigurasi dan migrasi data perpustakaan sedia ada di bawah sistem ILMU ke sistem baharu KOHA yang menggunakan sumber terbuka. Semua skop kerja perlu diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh surat setuju terima. Pengguna sasaran sistem ini ialah pegawai perpustakaan BHEUU.




Gambar 27: Antara muka Sistem Pengurusan Perpustakaan BHEUU

vi) Sistem MyKerja

Sistem ini merupakan sistem yang merekodkan maklumat program-program yang dianjurkan oleh BHEUU. Pelaksanaan sistem ini dapat membantu penyelaras program dalam merekod senarai program, kehadiran peserta dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

Sistem ini diperolehi melalui perkongsian pintar bersama Pusat Bank Data Negara dan Inovasi (NADI), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Kod sumber yang diperoleh sedang dinaik taraf, dikemaskini dan ditambah baik mengikut keperluan BHEUU. Sasaran pengguna untuk sistem ini ialah semua kakitangan BHEUU dan agensi. Di antara modul-modul yang terdapat di dalam Sistem MyKerja adalah:

- Modul Kehadiran;
- Modul Senarai Program;
- Modul Laporan; dan
- Modul Pengguna.



Gambar 28: Antara Muka Sistem MyKerja

Keseluruhan sistem aplikasi generik ini dibangunkan secara dalaman dengan memanfaatkan penggunaan aplikasi daripada sumber terbuka. Sistem ini juga diselenggara, ditambah baik dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan *business continuity* dan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus agensi.


b) Penambahbaikan/ Peningkatan Sistem Aplikasi Generik

Selain pembangunan aplikasi baharu, seksyen pembangunan juga terlibat dalam menyelenggarakan dan menambah baik sistem-sistem generik sedia ada yang sedang digunakan oleh BHEUU, MdI dan JBG. Di antara sistem-sistem generik yang ditambahbaik sehingga bulan Disember 2023 adalah seperti berikut:

i) Sistem Latihan Industri JBG

Sistem Latihan Industri JBG mempunyai modul seperti berikut:


- Maklumat pengisian dan kekosongan sepanjang tahun,
- Modul peruntukan dan penetapan elaun latihan industri,
- Modul dashboard yang memaparkan tindakan dan status permohonan semasa




Gambar 29: Antara Muka dan Dashboard Sistem Latihan Industri JBG

ii) Sistem Direktori BHEUU

Penambahbaikan Sistem Direkori BHEUU iaitu pertambahan Modul Unit di Sistem Pengurusan Kandungan (CMS) Direktori BHEUU dan paparan baharu Direktori, carian pegawai mengikut unit telah dibangunkan secara dalaman. Sistem ini juga diselenggara, ditambah baik dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus agensi.



Gambar 30: Antara Muka CMS Sistem Direktori BHEUU



Gambar 31: Antara Muka Paparan Baharu Direktori BHEUU

c) Penyelenggaraan Sistem Aplikasi Generik

Selain pembangunan aplikasi baharu, seksyen pembangunan juga terlibat dalam menyelenggara sistem-sistem generik sedia ada yang sedang digunakan oleh BHEUU, MdI dan JBG. Di antara sistem-sistem generik yang diselenggarakan sehingga bulan Disember 2023 adalah seperti berikut:

i) Sistem Pertukaran Penolong Pegawai Undang-Undang (SPPUU);
ii) Sistem Urusan Parlimen;
iii) Sistem Log Latihan;
iv) Sistem Direktori Pegawai;

v) Sistem Tempahan Kenderaan;
vi) Sistem Semakan Tender dan Sebut Harga (SiTeS);
vii) Sistem JanjiTemu Khidmat Nasihat Guaman JBG; dan
viii) Sistem Pengurusan Perpustakaan (KOHA) JBG.

Penyelenggaraan aplikasi generik sedia ada sepanjang tahun 2023 adalah melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

i) Penambahbaikan dan pengemaskinian maklumat;
ii) Pelaksanaan *housekeeping* dan arkib bagi data-data lama
iii) Semakan prestasi dan kapasiti server secara berkala;
iv) Semakan log-log yang berkaitan; dan
v) Semakan pengemaskinian *patch* dan *update* bagi sistem operasi server.

Selain itu, sistem guna sama iaitu *Digital Document Management System* (DDMS), Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) juga diguna pakai di BHEUU dan sistem ini merupakan kolaborasi antara MAMPU, Jabatan Arkib Negara, Biro Pengaduan Awam dan BHEUU sebagai agensi pelaksana.

6. AKTIVITI PENYEDIAAN BAHAN MULTIMEDIA DAN GRAFIK

Selain daripada menyediakan paparan grafik dan multimedia bagi keperluan Portal Rasmi BHEUU dan juga aplikasi generik, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan untuk keperluan penyediaan grafik, penerbitan video korporat dan montaj. Bagi penyediaan imej grafik merangkumi aktiviti perancangan, reka bentuk dan cetakan hasil grafik. Bagi penerbitan multimedia video dan montaj pula merangkumi perancangan, reka bentuk, rakaman, penyuntingan, penerbitan dan simpanan video.

Sepanjang tahun 2023, Seksyen Pengurusan Maklumat telah menerbitkan lapan (8) montaj bagi kegunaan majlis rasmi seperti berikut:

a) Montaj Pelancaran Laman Web Sulu;
b) Montaj Sorotan Program YB Menteri;
c) Montaj *Clock-Out* Mantan Ketua Pengarah BHEUU, YBhg. Dato' Shukor;

d) Montaj Imbasan Pencapaian Cemerlang BHEUU & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC);

e) Montaj Majlis Walkabout YB Menteri sempena Program Setahun Bersama Kerajaan Madani;

f) Montaj Sorotan Aktiviti Sambutan Bulan Kebangsaan BHEUU 2023;

g) Montaj Program Celik Kewangan, Klinik Insolvensi dan Klinik Bantuan Guaman; dan

h) Montaj Pencapaian Hak Asasi Manusia.

7. LATIHAN/KURSUS OLEH UNIT SISTEM APLIKASI

Jadual berikut merupakan latihan yang telah dijalankan dan dianjurkan oleh pasukan INSIST di sehingga bulan Disember 2023. Latihan ini adalah berdasarkan perancangan latihan yang dirancang untuk tahun 2023:

Jadual 3: Latihan Yang Telah Dijalankan dan Dianjurkan Oleh Pasukan INSIST

Bil.	Perkara	Tarikh	Tempat	Bilangan Hari	Bilangan Peserta
1.	Kursus *Enterprise Architecture* (EA) Sektor Awam (MyGovEA)	29 - 30 Mei 2023	Bilik Latihan ICT Aras 4, BHEUU	2 hari	20 peserta dari BHEUU dan MdI
2.	Kursus Kesedaran DevOps Dalam Pembangunan Sistem Aplikasi Sektor Awam	18 – 19 Oktober 2023	Bilik Latihan ICT Aras 4, BHEUU	2 hari	20 peserta dari BHEUU dan Jbg

Gambar 32: Peserta Kursus *Enterprise Architecture* (EA) Sektor Awam (MyGovEA)









Gambar 33: Pesera Kursus Kesedaran DevOps

8. PROGRAM CSR BHEUU MAJLIS SERAHAN KOMPUTER 2023

BHEUU telah melaksanakan Majlis Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) Serahan Komputer Tahun 2023 pada 26 Januari 2023 (Khamis). Majlis yang berlangsung di Lobi Aras G, BHEUU ini telah dirasmikan oleh YBrs. Haji Aziz bin Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU. Sebanyak lapan (8) organisasi telah terlibat sebagai penerima bagi 54 unit komputer terpakai yang telah dibaik pulih semula untuk kegunaan organisasi. Berikut adalah senarai organisasi yang terlibat:

Jadual 4: Senarai Organisasi bagi Program CSR BHEUU

BIL.	ORGANISASI	BILANGAN UNIT PC
1	Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Wilayah Persekutuan	1
2	PIBG Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(3)	13
3	Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 5(1)	13
4	Sekolah Menengah Sains Alam Shah	7
5	Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 16(1)	13
6	Sekolah Sultan Alam Shah	4
7	KRT Suria, Presint 9	2
8	Taska Nur Zahrah	1



Gambar 34:Program CSR BHEUU Majlis Serahan Komputer 2023

9. PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KESELAMATAN ICT (SECURITY POSTURE ASSESSMENT (SPA))

Pelaksanaan Perkhimatan Penilaian Tahap Keselamatan ICT (Security Posture Assessment (SPA)) di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) adalah selaras dengan pematuhan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2009 - Garis Panduan Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) BHEUU Bil. 3/2022. Tempoh kontrak bagi projek ini adalah selama 24 bulan mulai 15 Ogos 2023 sehingga 14 Ogos 2025. Sebanyak tiga (3) perkhidmatan SPA yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh kontrak ini.

Perkhidmatan SPA yang pertama telah dilaksanakan selama empat (4) bulan bermula dari 16 Ogos hingga 1 Disember 2023. Skop yang telah selesai dilaksanakan pada perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

a) *Mobile Application Security Assessment*

Aktiviti penilaian ini melibatkan aplikasi mudah alih e-Insolvensi. Terdapat empat (4) penemuan hasil daripada penilaian tersebut dan tindakan pengukuhan (hardening) telah selesai dilaksanakan. Status pelaksanaan *Mobile Application Security Assessment* adalah seperti berikut:

Jadual 5: Status pelaksanaan *Mobile Application Security Assessment*

No	IP Address	Risk	Description	Status Retest/ Post Assessment
1	mobile.mdi.gov.my (e-Insolvensi)	Critical	SQL Injection	Closed
2		Critical	HTPayment Tampering	Closed
3		Medium	Unencrypted 'FlutterSharedPreferences.xml'	Closed
4		Medium	Web Server Information Disclosure	Closed

b) *Application Assessment*

Aktiviti penilaian ini turut dikenali sebagai *Web Application Security Assessment* (WASA) dan telah dilaksanakan ke atas Sistem Pertukaran Penolong Pegawai Undang-Undang (SPPUU). Terdapat enam (6) penemuan hasil daripada penilaian tersebut dan tindakan pengukuhan (hardening) selesai dilaksanakan ke atas lima (5) penemuan manakala satu (1) penemuan memerlukan masa untuk menjalankan kajian bagi menaik taraf versi Apache. Status pelaksanaan *Application Assessment* adalah seperti berikut:

Jadual 6: Status pelaksanaan *Application Assessment*

No	IP Address	Risk	Description	Status Retest/ Post Assessment	Justifications
1	http://10.19.204.66/sppuuspa	Critical	Apache 2.4.x < 2.4.55 Multiple Vulnerabilities	Accepted	Pihak BHEUU memerlukan masa untuk kajian menaik taraf versi Apache tersebut.
2		Medium	IC Enumeration Leads to Account Takeover	Closed	
3		Medium	CWE-319: Cleartext Transmission of Sensitive Information	Closed	
4		Medium	Lack Security Implementation on Login Form Susceptible to Brute Force Attack	Closed	
5		Low	Password field with 'AutoComplete' Enabled	Open	Telah diselesaikan pada 1 Disember 2023 (selepas mesyuarat)
6		Low	Missing Multiple HTTP Responses Header	Closed	

c) *Performance Test*

i) Terdapat dua (2) aktiviti terlibat di dalam pengujian ini iaitu *load test* dan *stress test*. Aktiviti ini telah dijalankan ke atas Sistem eKlinik 6G dan status pelaksanaan *Performance Test* adalah seperti berikut:

Jadual 7: Status pelaksanaan *Performance Test*

No	Test	Platform	Iteration Users	Resources Utilization	Error Code	Remarks
1	Baseline	Sistem eKlinik 6G	100	• CPU usage 60% – 80% for application server • CPU usage >70 for database server	Maximum retry count exceeded	Users still can access the system.
2	Load	Sistem eKlinik 6G	250 500	• CPU usage 60% - 75% for application server • CPU usage 70% - 75% for database server	Maximum retry count exceeded	Users still can access the system, although some users are slow to access
3	Stress	Sistem eKlinik 6G	750 1,000	• CPU usage 60% - 75% for application server • CPU usage 75% – 100% for database server	Maximum retry count exceeded	Users still can access the system, although some users are slow to access

ii) Hasil pengujian ini mendapati bahawa akses ke sistem menjadi perlahan pada sesetengah pengguna apabila terdapat 250 pengguna membuat capaian secara serentak dan kadar penggunaan CPU juga adalah melebihi 70%. Beberapa langkah tindakan pengukuhan telah dicadangkan seperti mengurangkan permintaan HTTP yang tidak berkaitan, memastikan masa tindak balas sistem bagi setiap transaksi dipatuhi, menyemak dan memantau kestabilan server.

Satu (1) sesi latihan SPA bertajuk *Pentest with Kali Linux* telah diadakan pada 9 hingga 10 November 2023 di Bilik Latihan ICT, Aras 4 BHEUU dan dihadiri oleh 10 orang peserta dari Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU dan Bahagian Teknologi Maklumat, MdI.



Gambar 35: Pelaksanaan Perkhidmatan SPA




Gambar 36: Latihan *Pentest with Kali Linux*

10. PENINGKATAN SISTEM KESELAMATAN ICT (ANTIVIRUS)

a) Aktiviti *Proof Of Concept* (POC) Perisian Antivirus

Pada 17 Mei hingga 30 Jun 2023, aktiviti *Proof Of Concept* (POC) telah dilaksanakan untuk menguji keberkesanan perisian antivirus seperti Kaspersky, Eset, Bitdefender, Panda, Heimdal dan Sangfor. Pihak prinsipal telah dijemput untuk memberikan keterangan mengenai fungsi terkini bagi setiap produk antivirus masing-masing.

Seterusnya, sesi pengujian POC dilaksanakan menggunakan sampel virus seperti ***malware***, ***spyware***, ***adware*** dan ***ransomware***. Aktiviti ini turut dihadiri Unit Pengurusan dan Projek Khas ICT dan Unit Aset dan Bantuan Teknikal untuk memberikan pandangan dan nasihat.



Gambar 37: Aktiviti POC Perisian Antivirus

b) Aktiviti Pelaksanaan Perolehan Perisian Antivirus

Perolehan perisian antivirus telah dilaksanakan bagi melindungi peralatan komputer dan *server* di BHEUU daripada ancaman virus. Tempoh kontrak bagi projek ini adalah selama 36 bulan mulai 15 Oktober 2023 sehingga 14 Oktober 2026.

Pada 19 Oktober 2023, aktiviti pemasangan perisian antivirus *Kaspersky Endpoint Detection and Response Optimum* (KEDRO) telah mula dilaksanakan di BHEUU dengan kaedah pemasangan melalui konsol *Kaspersky Security Center* (KSC) menggunakan fungsi *Active Directory* (AD).

Seterusnya, aktiviti pengujian atau *User Acceptance Test* (UAT) dilaksanakan bermula pada 30 Oktober hingga 29 November 2023 untuk mengesahkan perisian antivirus telah berjaya dipasang di tempat pengguna.



Gambar 38: Aktiviti Pemasangan Perisian Antivirus


Satu (1) sesi latihan pentadbir antivirus telah diadakan pada 8 November 2023 di Bilik Latihan ICT, Aras 4 BHEUU dan dihadiri oleh 10 orang peserta dari Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU.



Gambar 39: Sesi Latihan Pentadbir Antivirus

11. PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ICT

Sepanjang tahun 2023, Seksyen Pengurusan Maklumat telah membuat hebahan tentang kesedaran keselamatan ICT kepada warga BHEUU, MdI dan JBG melalui e-mel dan siar raya. Antara poster kesedaran keselamatan ICT yang telah diedarkan adalah seperti berikut:



Gambar 40: Poster Kesedaran Keselamatan ICT

12. CERAMAH KESELAMATAN ICT

Pada 17 Oktober 2023, Seksyen Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Puspanita Cawangan Kecil BHEUU telah menganjurkan Ceramah Keselamatan ICT bertajuk *Protecting Yourself In The Modern Age* bertempat di Dewan Saksama, Aras 2 BHEUU. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Mohamad Arzuan bin Ahamad Termidy, Manager Network Security Unit dari Syarikat OrenG Academy Sdn. Bhd. Seramai 107 orang peserta dari BHEUU, MdI dan JBG telah menghadiri ceramah ini.



Gambar 41: Sesi Ceramah Keselamatan ICT

13. AKTIVITI *ONLOAD TEST GENSET* BIL 1/2023 DAN PELAKSANAAN AUDIT OLEH PIHAK JKR DI PUSAT DATA BHEUU

Aktiviti *onload test genset* Bil.1/2023 dan pelaksanaan audit oleh pihak JKR telah dilaksanakan pada 10 Februari 2023 bersama pihak penyelenggara bangunan BHEUU iaitu Barisan Semarak Sdn. Bhd. (BSSB). Aktiviti ini dilaksanakan bagi memastikan peralatan elektrik bangunan BHEUU termasuk *Uninterruptible Power Supply* (UPS) di Pusat Data BHEUU berada dalam keadaan yang baik dan boleh berfungsi apabila berlaku sebarang gangguan elektrik. Pengujian ini penting dilaksanakan secara berkala untuk mengurangkan risiko gangguan bekalan elektrik di Pusat Data. Sepanjang aktiviti ini, pasukan Pusat Data bertanggungjawab memastikan semua peralatan Pusat Data beroperasi dengan baik dan semua perkhidmatan sistem aplikasi boleh diakses semula setelah aktiviti selesai dilaksanakan.



Gambar 42: Aktiviti *Onload Test Genset* Bil.1/2023

14. KERJA - KERJA PENGGANTIAN *AIR CONDITIONING SPLIT UNIT* (ACSU) 6.0HP BAHARU DI BILIK STAGING, PUSAT DATA BHEUU


Kerja-kerja penggantian *air conditioning split unit* (ACSU) 6.0HP baharu di Bilik Staging Pusat Data BHEUU telah dilaksanakan pada 12 hingga 19 April 2023 bagi menggantikan ACSU sedia ada yang telah rosak. Penggantian ini dilaksanakan untuk memastikan suhu Bilik Staging Pusat Data yang menempatkan dua (2) unit UPS dan bateri UPS berada pada tahap yang optimum. Suhu yang optimum merupakan salah satu keperluan utama untuk memastikan peralatan UPS berada dalam keadaan yang baik dan berfungsi semasa diperlukan.



Gambar 43: Kerja-Kerja Penggantian ACSU 6.0HP di Bilik Staging Pusat Data BHEUU

15. AKTIVITI PENYELENGGARAAN *SERVER* DAN MENAIK TARAF STORAN NETAPP PUSAT DATA BHEUU

Pada 23 Jun 2023, aktiviti penyelenggaraan *server* dan menaik taraf storan NetApp telah dilaksanakan. Aktiviti ini dilaksanakan bersama pihak penyelenggara Pusat Data BHEUU iaitu Alteraxis Sdn. Bhd. dan pihak prinsipal NetApp. Aktiviti mengemaskini *firmware server*, *firewall* dan menaik taraf storan NetApp dari ONTAP versi 9.7 kepada versi 9.11 mula dilaksanakan selepas waktu bekerja supaya tiada gangguan terhadap perkhidmatan sistem aplikasi dan pihak pengguna. Aktiviti ini dilaksanakan bagi memastikan perisian versi terkini digunakan untuk mengurangkan risiko ancaman keselamatan.



Gambar 44: Aktiviti Penyelenggaraan *Server* dan Menaik Taraf Storan NetApp Pusat Data BHEUU

16. KERJA-KERJA PENGGANTIAN *PRECISION AIR CONDITIONER* (PAC) BAHARU DI PUSAT DATA BHEUU

Pihak penyelenggara bangunan BHEUU iaitu Barisan Semarak Sdn. Bhd. (BSSB) bersama pihak kontraktornya telah melaksanakan kerja-kerja penggantian dua (2) unit *Precision Air Conditioner* (PAC) di Pusat Data BHEUU bermula pada 24 Julai hingga 4 September 2023. Penggantian ini dilaksanakan bagi menggantikan PAC sedia ada yang telah mengalami masalah dan memastikan suhu serta *humidity* pusat data berada pada tahap yang optimum. Persekitaran suhu dan *humidity* yang sesuai penting demi memelihara peralatan di pusat data daripada mengalami kerosakan.



Gambar 45: Kerja-Kerja Penggantian *Precision Air Conditioner* (PAC) Baharu di Pusat Data BHEUU

17. HARI PENAMAAN CALON BAGI PILIHAN RAYA NEGERI 2023


Hari penamaan calon bagi Pilihan Raya Negeri 2023 telah dilaksanakan pada 29 Julai 2023. Pihak Jabatan Insolvensi Malaysia dan Seksyen Pengurusan Maklumat BHEUU diarahkan untuk bertugas semasa proses penamaan calon ini dilaksanakan bagi memastikan proses tersebut berjalan dengan lancar. Proses penamaan calon ini bermula pada jam 8.00 pagi hingga jam 1.00 tengah hari dan secara keseluruhannya capaian sistem yang terlibat dalam proses ini berjalan dengan baik tanpa sebarang masalah.



Gambar 46: Hari Penamaan Calon bagi Pilihan Raya Negeri 2023

18. AKTIVITI MENAIK TARAF PANGKALAN DATA SISTEM INSIST

Aktiviti menaik taraf pangkalan data bagi Sistem INSIST ini dilaksanakan kerana perisian Microsoft SQL Server 2008 R2 Enterprise yang digunakan telah tamat tempoh sokongan. Oleh itu, pelaksanaan naik taraf ini perlu dilaksanakan bagi mengurangkan risiko ancaman keselamatan, kehilangan data dan memastikan prestasi aplikasi berada pada tahap optimum. Aktiviti ini telah dilaksanakan bermula pada 21 Ogos hingga 26 September 2023 oleh pasukan INSIST dan pasukan Pusat Data serta jurutera Microsoft SQL Server iaitu Encik Tanwa Navakiatpiboon. Secara keseluruhannya, aktiviti menaik taraf berjaya dilaksanakan dan Sistem Aplikasi INSIST dapat berfungsi dengan baik.



Gambar 47: Aktiviti Menaik Taraf Pangkalan Data Sistem INSIST

19. *TECHNOLOGY UPDATE* BERSAMA MICROSOFT

Satu sesi *Technology Update* bersama Microsoft telah diadakan pada 5 Oktober 2023 bertempat di Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. Tajuk 'The New Era of AI with Microsoft Cloud' telah dibentangkan dalam sesi tersebut. Seramai 30 orang peserta daripada BHEUU menyertai program ini.



Gambar 48: Peserta Sesi *Technology Update* bersama Microsoft

20. PERKAKASAN ICT PENGURUSAN TERTINGGI

a) Majlis Serahan Tablet Kepada Pengurusan Atasan BHEUU

Pada 29 November 2023, telah berlangsung Majlis Penyerahan Tablet Kepada Pengurusan Atasan BHEUU bertempat di Bilik Konsultansi, Aras G. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud. Majlis yang berlangsung secara santai ini turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Dasar Dr. Punitha Silivarajoo, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Puan Azlin Azizan, Pengarah-Pengarah Seksyen, Timbalan Pengarah Seksyen, Ketua-Ketua Unit serta Pegawai Khas Ketua Pengarah.

b) Penuhi Keperluan Mobiliti

Model tablet Apple iPad telah menjadi pilihan BHEUU untuk perolehan kali ini. Peranti dengan spesifikasi tinggi dilengkapi wifi dan celluar serta ditambah dengan aksesori serba canggih seperti *magic keyboard, apple pencil 2nd generation* dinilai mampu memenuhi keperluan mobiliti dan secara langsung akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta imej korporat BHEUU.



Gambar 49: Penerimaan dan Konfigurasi Tablet



Gambar 50: Majlis Penyerahan Tablet



Gambar 51: Para Penerima Tablet

21. PENYEWAAN PERKAKASAN ICT

Seksyen Pengurusan Maklumat telah melaksanakan beberapa projek sewaan yang meliputi pembekalan peralatan ICT seperti komputer, komputer riba, pencetak, projektor dan sebagainya. Penyewaan peralatan ICT di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang melibatkan kontrak dengan tiga (3) syarikat iaitu Mecacom Technologies Sdn. Bhd, Global Elite Ventures Sdn. Bhd dan Algominda Sdn Bhd. Tempoh perkhidmatan sewaan peralatan ICT secara sewa guna ini adalah selama tiga puluh enam (36) bulan.

Kaedah sewaan peralatan ICT secara sewa guna *(lease to use)* menjadi pilihan dalam penyediaan peralatan ICT di BHEUU. Kaedah ini tidak terikat dengan pekeliling Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Kaedah ini juga membenarkan BHEUU untuk menggunakan peralatan ICT sepanjang tempoh sewaan. Peralatan ICT akan diambil semula oleh pihak kontraktor setelah tamat tempoh kontrak. Melalui kaedah ini, segala akvtiviti penyelenggaraan pembaikan dan penyelenggaraan pencegahan dibawah tanggungjawab pihak kontraktor.

Pemilihan kaedah sewa guna ini dibuat setelah mempertimbangkan risiko peralatan menjadi usang atau tidak ekonomik untuk diperbaiki atau perlu diselenggara pada akhir tamat kontrak. Ia menjimatkan masa, kos penyelenggaraan dan kos tenaga kerja.

a) Perlaksanaan Aktiviti Penyelenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance)* Di Bawah Kontrak Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT Bagi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri

i) Global Elite Ventures Sdn Bhd

Perlaksanaan aktiviti penyelenggaraan pencegahan (*Preventive Maintenance*) oleh pihak syarikat pada 17,18 dan 20 Julai 2023 mengikut jadual.



Gambar 52: Penyelenggaraan di tempat pengguna

ii) Mecacom Technologies Sdn Bhd

Pelaksanaan aktiviti penyelenggaraan pencegahan (*Preventive Maintenance*) bagi peralatan ICT di pejabat YB Menteri dan YB Menteri pada 20 dan 21 julai 2023. Aktiviti ini dijalankan bagi memastikan peralatan berada pada tahap ketersediaan yang optimum.

iii) Algominda Sdn Bhd

Perlaksaaan aktiviti penyelenggaraan pencegahan oleh syarikat Algominda pada 28 November 2023. Untuk makluman, 27 unit daripada 60 unit komputer sewaan di bawah syarikat Algominda di tempatkan di bilik latihan ICT, Aras 4. Keseluruhan komputer yang berada di bilik latihan ICT adalah berspesifikasi tinggi dengan memori RAM 16GB. Aktiviti ini dijalankan bagi memastikan peralatan berada pada tahap ketersediaan yang optimum.



Gambar 54: Penyelenggaraan di Bilik Latihan ICT

b) Latihan dan *Transfer Of Technology*

Pada **10 Ogos 2023**, satu sesi Transfer Of Technology (ToT) telah dilaksanakan di **Ibu Pejabat Acer, No.6, Jalan TP 6 Sime UEP Industrial Park, 47600 Subang Jaya, Selangor.** Sesi ini dikendalikan oleh pihak syarikat **Algominda Sdn. Bhd.** dengan kerjasama **Acer Malaysia** bagi memenuhi sebahagian daripada skop perkhidmatan dibawah **Klausa 8.9 Kontrak BHEUU Bil. 8/2022**.

i) Objektif Latihan

Latihan ini bertujuan untuk memperkenalkan teknologi baharu yang diaplikasikan dalam produk keluaran Acer sekaligus memberi pendedahan awal tentang spesifikasi produk ICT terkini yang berada di pasaran. Selain itu, latihan ini turut mendedahkan kaedah dan pelaksanaan pengurusan aduan/ meja bantuan Acer.


ii) Dapatan Daripada Latihan

Di akhir sesi latihan, para peserta telah dapat mempelajari teknologi baharu yang diaplikasikan dalam model-model tahun 2023 antaranya *Dust Defender, Type-C fast charging, Reinforced I/O Ports*. Teknologi terbaru seumpama ini salah satu bentuk transfomasi yang boleh memberi nilai tambah kepada Acer. Ia menjadi penyumbang penting kepada BHEUU dalam membuat penilaian awal tentang spesifikasi produk-produk ICT terikini yang berada di pasaran.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan produk terbaru Acer antaranya *Acer Travelmate Military-Grade, Acer Veriton, Veriton Vero All In One, Acer Chromebook* dan sebagainya. Semua peserta berpeluang melawat stesen operator meja aduan, meja bantuan (*helpdesk*) dan baik pulih. Lawatan seumpama ini sekaligus dapat membantu dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Meja Bantuan di BHEUU.



Gambar 55: Para peserta dari BHEUU bergambar di lobi Pejabat Acer Malaysia



Gambar 56: Sesi Soal Jawab dengan pihak Acer Malaysia



Gambar 57: Meninjau perlaksanaan *Acer After Sales Service*

22. LATIHAN APLIKASI ZOOM

Pada 3 Ogos 2023, satu sesi latihan aplikasi Zoom telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Siber, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri. Sesi latihan ini dikendalikan oleh pihak syarikat Awantec Systems Sdn Bhd bagi memenuhi sebahagian daripada spesifikasi yang termasuk dalam Perolehan Lesen Zoom Bagi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Tahun 2023. Latihan ini telah dihadiri oleh seramai sepuluh (10) orang kakitangan yang meliputi pelbagai seksyen di BHEUU. Tempoh latihan selama satu(1) hari ini bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang.

a) Objektif latihan

Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengendalian aplikasi Zoom terutamanya kepada pengguna yang menjadi urusetia atau *host* bagi mesyuarat dalam talian. Manakala bagi peserta yang mempunyai skop kerja teknikal khususnya, latihan aplikasi zoom secara formal ini akan membantu memantapkan kefahaman tentang ciri–ciri yang terdapat pada aplikasi zoom dan secara langsung akan meningkatkan keupayaan dalam menyelesaikan masalah teknikal bagi aplikasi tersebut.

b) Dapatan daripada latihan

Di akhir latihan ini, para peserta telah berjaya menguasai ciri – ciri yang terdapat pada aplikasi Zoom dengan lebih mendalam terutamanya *scheduling and joining meeting, zoom meeting controls, collaboration features* serta *recording and playback*.



Gambar 58: Aktiviti Latihan Zoom

23. BENGKEL PENGURUSAN PROJEK, PENGISIAN ePEROLEHAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK ICT

Pada 14 sehingga 16 Mac 2023, Seksyen Pengurusan Maklumat telah mengadakan Bengkel Pengurusan Projek, Pengisian ePerolehan dan Pentadbiran Kontrak ICT bertempat di The Everly Hotel Putrajaya. Objektif bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk:

a) Memastikan pengurusan sesuatu projek mengikut dasar dan peraturan yang telah ditetapkan dan berkuat kuasa;

b) Menyediakan dokumen permohonan pelaksanaan projek yang padat dan komprehensif untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sektor Awam (JTISA);

c) Menyediakan dokumen spesifikasi tender dan sebut harga secara betul dan terperinci serta mengaplikasikan kaedah penggunaan sistem ePerolehan secara sistematik dalam menguruskan perolehan kerajaan;

d) Mengenal pasti isu-isu berbangkit berkaitan pengurusan projek dan kontrak serta mendapatkan syor-syor cadangan penyelesaian yang bersesuaian.

Antara penceramah-penceramah jemputan bagi pengisian slot bengkel adalah daripada Kementerian Kewangan (MOF), Bahagian Perolehan (JPM), Bahagian Perundingan ICT (MAMPU), CDC, Pejabat Penasihat Undang-Undang (BHEUU) dan Unit Audit Dalam (JPM).



Gambar 59: Peserta Bengkel Pengurusan Projek, Pengisian ePerolehan dan Pentadbiran Kontrak ICT

24. KURSUS MICROSOFT EXCEL (INTERMEDIATE TO ADVANCED)

Pada 11 sehingga 14 Julai 2023, Seksyen Pengurusan Maklumat telah menganjurkan kursus Microsoft Excel (Intermediate to Advanced) bertempat di Bilik Latihan ICT, Aras 4 BHEUU. Puan Nurul Atiqah binti Zainal Abidin, Pegawai Perangkawan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DSOM) telah dijemput untuk menjadi tenaga pengajar bagi kursus ini. Seramai 24 orang warga BHEUU melibatkan pelbagai skim perkhidmatan telah menghadiri kursus ini.



Gambar 60: Peserta Kursus Microsoft Excel (Intermediate to Advanced)

25. MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SISTEM MAHKAMAH BERSEPADU BAGI NEGERI SABAH DAN SARAWAK (EKSS)

Pada 12 Oktober 2023, satu Majlis Penyerahan Projek Sistem Mahkamah Bersepadu bagi Negeri Sabah dan Sarawak (EKSS) telah diadakan di Hotel Meridien, Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang. Projek ini dilaksanakan bagi tempoh 36 bulan bermula 15 Ogos 2020 sehingga 14 Ogos 2023 dan telah digunakan oleh semua Mahkamah di Negeri Sabah dan Sarawak.



Gambar 61: Sesi Penyerahan Projek di antara BHEUU, PKPMP dan Syarikat SAINS





UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KURSUS PENGURUSAN PELANGGAN DAN PENGENDALIAN MENJAWAB PANGGILAN TELEFON 2023

Unit Komunikasi Korporat telah mengadakan Kursus Pengurusan Pelanggan dan Pengendalian Menjawab Panggilan Telefon 2023 pada 20 September 2023 (Rabu) dan telah diadakan di Bilik Latihan ICT, Aras 4, BHEUU. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai BHEUU dalam memberi layanan yang terbaik kepada pelanggan dengan tatacara yang betul dan mesra telah dibimbing oleh penceramah jemputan iaitu Puan Normaizatulakmal binti Tujad, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Selangor.





HEBAHAN DAN PUBLISITI BHEUU

1. PENYELARASAN SIDANG MEDIA

Sepanjang tahun 2023, sebanyak **29 sidang media** telah diatur oleh Unit Komunikasi Korporat, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (UKK, BHEUU) bagi mempromosi program dan aktiviti melibatkan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi).

BIL	TARIKH	TAJUK SIDANG MEDIA
1	17 Jan 2023	Bengkel Reformasi Institusi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Kementerian/ Jabatan dan CSO/ NGO Tahun 2023
2	22 Feb 2023	Program Libat Urus Inisiatif ke Arah Kebebasan Maklumat Bersama Agensi Penguatkuasaan, Keselamatan, dan Pertahanan Bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
3	28 Feb 2023	Sesi Taklimat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Mengenai Isu Tuntutan Pihak Mendakwa Waris Kesultanan Sulu Bersama Ahli Dewan Rakyat
4	1 Mac 2023	Sesi Taklimat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Komuniti Sabah Mengenai Tuntutan Pihak Mendakwa Waris Kesultanan Sulu
5	4 Mac 2023	Program Celik Kewangan, Klinik Insolvensi dan Klinik Bantuan Guaman Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
6	16 Mac 2023	Sidang Media Bersama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dan Dr. Farah Nini Dusuki, Pesuruhjaya Kanak-kanak di Bawah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)
7	21 Mac 2023	Sesi Penerangan RUU Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori, Anti-Menghendap dan Menyahjenayahkan Cubaan Bunuh Diri oleh YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Ketua Pengarang dan Pengarang Kanan Media
8	23 Mac 2023	*Legal Affairs Division Media Engagement: Legal Amendments in Relation to Child Witness and Sexual Offences Against Children*
9	27 Mac 2023	Sesi Libat Urus Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Ahli Dewan Rakyat Berhubung RUU Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 dan RUU Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2023

10	11 April 2023	*Media Engagement on The Sulu Claimants Case with the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform)*
11	12 April 2023	Majlis Pelancaran Laman Web Rasmi Malaysia-sulucase.gov.my oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Menteri Luar Negeri dan Menteri Komunikasi dan Digital
12	5 Mei 2023	Sesi Libat Urus Mengenai Status Semasa Isu Tuntutan Pihak Mendakwa Waris Kesultanan Sulu Bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah
13	8 Mei 2023	Sidang Media Mesyuarat Sesi Libat Urus Penubuhan Ombudsman Malaysia Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Ketua Pengarah BHEUU Dan Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam
14	9 Mei 2023	*International Arbitration Colloquium 2023: State Sovereignty and Immunity in Commercial Arbitration*
15	2 Jun 2023	Taklimat Pelaksanaan Projek dan Lawatan Tapak Mahkamah Pengerang, Bandar Penawar Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
16	14 Jun 2023	Sesi Libat Urus Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Ahli Parlimen Berkenaan Cadangan Penubuhan Ombudsman Malaysia
17	30 Jun 2023	Sidang Media 'Malaysia-Sulu Case" Oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
18	4 Julai 2023	*International Colloquium 2023: State Sovereignty and Immunity in Commercial Arbitration*
19	31 Julai 2023	Lawatan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke Kompleks Mahkamah Seremban, Negeri Sembilan
20	7 Ogos 2023	Lawatan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) ke Jabatan Insolvensi Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri Kedah
21	23 Ogos 2023	Majlis Sambutan Kibar Jalur Gemilang Bersama Agensi-agensi Portfolio Undang-undang dan Reformasi Institusi) & *Briskwalk* Merdeka Bersama YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
22	12 Sept 2023	Sesi Penerangan Berhubung Proses Pelaksanaan Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat di bawah Akta Semakan Hukuman Mati dan


		Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan 2023 (Akta 847) Bersama Ketua Pengarang dan Pengarang Kanan Media
23	12 Sept 2023	Lawatan Ke Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC), Bukit Aman Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
24	25 Sept 2023	*London International Arbitration Colloquium 2023: State Sovereignty and Immunity in Commercial Arbitration*
25	23 Oktober 2023	Majlis Pelancaran e-Klinik Guaman 6G Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)
26	25 Oktober 2023	*Unveiling Insights and Actions: Malaysia Baseline Assessment on Business and Human Rights with the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform)*
27	20 Nov 2023	*Walkabout* Bersama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Sempena Hari Kanak-Kanak Sedunia 2023
28	27 Nov 2023	Sesi Libat Urus Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Bersama Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara Mengenai RUU Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023
29	11 Dis 2023	Sidang Media Prosiding Jenayah Dr Gonzalo Stampa Bersama YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) dari Madrid

2. PENYELARASAN SLOT TEMU BUAL BERSAMA MEDIA

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 2 slot temu bual yang melibatkan YB Menteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi).

BIL	TARIKH	WAWANCARA
1	3 Ogos 2023	Selamat Pagi Malaysia (Nadi Seri Pagi) – Tatakelola Baik Sebagai Asas Ekonomi MADANI
2	16 Mac 2023	Sinar Harian – Azalina Tekad Ubah Undang-undang Lapuk

PENYELARASAN SIDANG MEDIA/SLOT TEMU BUAL



PENERBITAN BUKU LAPORAN TAHUNAN 2022

Unit Komunikasi Korporat (UKK) bertanggungjawab menyediakan dan menerbitkan Laporan Tahunan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) pada setiap tahun. Pada tahun ini, Buku Laporan Tahunan 2023 BHEUU diterbitkan pada bulan Julai 2023 yang turut menggabungkan laporan tahunan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG).



PENERBITAN E-BULETIN BHEUU

E-Buletin BHEUU disediakan dan diterbitkan sebanyak 6 kali setahun iaitu setiap dua bulan sekali. Antara kandungan buletin ialah aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), aktiviti BHEUU, pertukaran pegawai, infografik dan lain-lain. E-Buletin BHEUU ini boleh diakses melalui portal BHEUU.

eBuletin BHEUU





Gambar 5 : Koleksi e-Buletin yang diterbitkan oleh Unit Komunikasi Korporat BHEUU setiap dua bulan


PENERBITAN E-BULETIN BHEUU

E-Buletin BHEUU disediakan dan diterbitkan sebanyak 4 kali setahun iaitu setiap tiga bulan sekali. Antara kandungan buletin ialah aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), aktiviti BHEUU, pertukaran pegawai, infografik dan lain-lain. E-Buletin BHEUU ini boleh diakses melalui portal BHEUU.









PENGURUSAN ADUAN/ PERTANYAAN/ CADANGAN


Sepanjang tahun 2023, sebanyak **5 aduan** dan **12 pertanyaan** telah diterima berkaitan bidang kuasa BHEUU.



PENGEMASKINIAN LAMAN WEB DAN MEDIA SOSIAL RASMI BHEUU



Laman web dan media sosial rasmi BHEUU adalah platform bagi mempromosikan aktiviti dan program BHEUU sepanjang tahun. Sehingga Disember 2023, jumlah pengikut (*followers*) bagi ***Facebook*** **BHEUU ialah 13,438**, ***Instagram*** **sebanyak 986**, ***X*** **sebanyak 925**, dan ***TikTok*** **sebanyak 296**.



SENARAI AKTIVITI LAIN

BIL.	AKTIVITI	BULAN
1	Mengemaskini kandungan i-board	Sepanjang tahun
2	Keratan akhbar harian	Sepanjang tahun
3	Rakaman video aktiviti BHEUU	Sepanjang tahun
4	Dokumentasi gambar	Sepanjang tahun

PROGRAM ANJURAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

1. MAJLIS WALKABOUT YANG BERHORMAT MENTERI UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI, BERSAMA WARGA BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, SEMPENA PROGRAM SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI.

Tahun 2023 menyaksikan Unit ini telah mengadakan Majlis Walkabout YB Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi bersama warga Bangunan Hal Ehwal Undang-undang sempena program setahun bersama Kerajaan MADANI untuk meraikan dan menguar-uarkan pencapaian Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi sempena setahun Kerajaan MADANI.

Disamping mempromosikan dasar-dasar Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) melalui paparan poster yang dipamerkan di Lobi Bangunan Hal Ehwal Undang-undang, majlis ini turut diadakan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama antara agensi di bawah Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi yang terlibat.



2. MAJLIS *CLOCK-OUT* YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH MANTAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

Unit ini juga dengan kerjasama Seksyen lain telah mengadakan Majlis Clock-Out Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh, Mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai menghargai jasa dan sumbangan Yang Berhormat sepanjang menerajui kepimpinan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi).







UNIT INTEGRITI

MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) merupakan platform untuk mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat terma rujukan yang telah ditetapkan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 – Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kerajaan.

Objektif JAR dalam sistem pengurusan Kerajaan adalah untuk:

(i) **Meningkatkan komitmen kerajaan** merangkumi semua sektor dalam **pembanterasan rasuah** sekaligus meningkatkan imej negara;
(ii) **Menjana sinergi** dalam memastikan sistem **pentadbiran kerajaan dapat digerakkan dalam persekitaran sifar tolenransi terhadap rasuah**; dan
(iii) **Memperkukuhkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan** kerajaan **berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti serta berdaya saing**.

Bagi tahun 2023, tiga (3) siri Mesyuarat JAR telah diadakan seperti berikut:

- Bilangan 1 Tahun 2023 pada 27 Februari 2023
- Bilangan 2 Tahun 2023 pada 15 Mei 2023
- Bilangan 3 Tahun 2023 pada 15 September 2023

PENGURUSAN TATATERTIB

Kawalan tatatertib bertujuan mengawal selia perlakuan / aktiviti pegawai supaya sentiasa patuh dan taat kepada peraturan dan prosedur semasa yang berkuatkuasa. Ini adalah bagi melahirkan pegawai yang berdisiplin, jujur, cekap dan amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam seterusnya ke arah mencapai matlamat sesebuah Jabatan.
Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] menyatakan seperti berikut:-

"3C. (1) Maka menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil

tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini; dan


3C. (2) Seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib."

Pada tahun 2023, pelaksanaan Mesyuarat Lembaga Tatatertib adalah tertakluk kepada jumlah kes tatatertib yang dilaporkan.

MESEJ INTEGRITI

Pada tahun 2023, Unit Integriti BHEUU telah membuat perkongsian ilmu melalui edaran poster dan Siaraya BHEUU mengenai mesej pengukuhan integriti bertujuan memberi peringatan serta memastikan warga jabatan mengamalkan budaya kerja yang berintegriti dan beretika seperti berikut:

BIL.	TAJUK	POSTER INTEGRITI
1.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 1 Tahun 2023: Tajuk : "Penjawat Awam Yang Berintegriti"	

BIL.	TAJUK	POSTER INTEGRITI
2.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 2 Tahun 2023: Tajuk : “Kepentingan Pengurusan Kewangan”	
3.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 3 Tahun 2023: Tajuk : “Pematuhan Waktu Bekerja”	
4.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 4 Tahun 2023: Tajuk : “Etika Penggunaan Media Sosial”	
5.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 5 Tahun 2023: Tajuk : “Mengemukakan Dokumen / Tuntutan Palsu”	

6.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 6 Tahun 2023: Tajuk : “Etika Berpakaian Penjawat Awam”	
7.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 7 Tahun 2023: Tajuk : “Elakkan Memberi dan Menerima Hadiah”	
8.	Mesej Integriti BHEUU Bilangan 8 Tahun 2023: Tajuk : “Kawalan Dokumen Terperingkat dan Rahsia Kerajaan”	

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DAN CERAMAH PENGUKUHAN INTEGRITI TAHUN 2023

Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Ceramah Pengukuhan Integriti Tahun 2023 telah diadakan pada 4 Disember 2023 (Isnin) bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang yang disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri

KPj Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Majlis ini merupakan anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan turut disertai oleh Lembaga Penasihat (LP), Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK), Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan Bahagian Perlindungan (BP) dengan penyertaan seramai 210 orang.

Objektif Penganjuran Majlis ini adalah:

(i) Sebagai salah satu amaran dan peringatan kepada warga BHEUU dan warga agensi di bawahnya agar sentiasa menjauhi rasuah dan seterusnya menyokong kepada pelaksanaan inisiatif OACP BHEUU tahun 2021-2025;

(ii) Memastikan ketegasan dan komitmen Jabatan/ agensi bagi mencegah dan mengawal risiko rasuah dalam melaksanakan peranan dan fungsi Jabatan;

(iii) Menyakinkan pelanggan dan pemegang taruh mengenai jaminan kepimpinan organisasi untuk menjauhi gejala rasuah dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan; dan

(iv) Sebagai bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.



Ucapan Aluan daripada YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR).



Sesi bacaan Ikrar Bebas Rasuah oleh Ketua-Ketua Jabatan.



Majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah oleh semua Ketua-Ketua Jabatan yang disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri KPj Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



YBhg. Tan Sri Dato' Sri KPj Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menandatangani Ikrar Bebas Rasuah sebagai saksi kepada semua Ketua-Ketua Jabatan.



Sesi simbolik penyerahan Ikrar Bebas Rasuah oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang kepada YBhg. Tan Sri Dato' Sri KPj Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



Sesi bergambar bersama Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai yang hadir ke Majlis IBR.



Sesi Ceramah Pengukuhan Integriti oleh Tuan Mohamad Izam bin Abd Nasir daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bertajuk "Rasuah Dalam Tadbir Urus Perkhidmatan Awam".





JABATAN BANTUAN GUAMAN

JABATAN BANTUAN GUAMAN

PENGURUSAN TERTINGGI
JABATAN BANTUAN GUAMAN



Puan Arleen binti Ramly
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)



Dato' Norazmi bin Mohd Narawi
Ketua Pengarah



Tuan Za'im bin Md. Yudin
Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)



Dato' Wan Jeffry bin Kassim
Ketua Pengarah
1 Mei 2021 - 2 Julai 2023



Puan Rusita binti Md. Lazim
Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)
15 April 2022 - 1 Mei 2023

1. PENGENALAN

Sejarah telah menyaksikan perkembangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) daripada sebuah organisasi kecil pada tahun 1970 kepada sebuah jabatan besar yang kini mempunyai 22 cawangan di seluruh negara.

Pewujudan perkhidmatan bantuan guaman di Malaysia adalah selaras dengan prinsip asas sejagat berkaitan dengan perkhidmatan bantuan guaman iaitu '*to provide equality of access and the right to representation before the law*' dan ia adalah seperti mana hak asasi yang berkaitan dengan kebebasan diri dan kesamarataan yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) atau dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman (BBG) melaksanakan fungsinya melalui peruntukan undang-undang di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]. Jabatan Bantuan Guaman (JBG) merupakan satu-satunya Jabatan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman kepada warganegara Malaysia yang layak dibantu khususnya golongan masyarakat yang kurang berkemampuan bagi mendapat akses yang sama rata di sisi undang-undang selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

Perkhidmatan bantuan guaman JBG merangkumi perkhidmatan seperti yang berikut:

(a) khidmat nasihat guaman;
(b) khidmat perwakilan/representasi di Mahkamah Sivil dan Syariah;
(c) khidmat pengantaraan; dan
(d) khidmat pendamping guaman.

2. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

2.1 Perjawatan dan Personel

Sehingga 31 Disember 2023, peratus pengisian bagi semua kumpulan di JBG adalah sebanyak 93.02% (440 jawatan berbanding keseluruhan bilangan perjawatan iaitu 473 jawatan). Jadual di bawah menunjukkan perkawatan, pengisisan dan kekosongan mengikut kumpulan perkhidmatan.

BIL.	KUMPULAN PERKHIDMATAN	*P	*I	*K
1.	Pengurusan Tertinggi	3	3	0
2.	Pengurusan dan Profesional	82	72	10
3.	Kumpulan Pelaksana (19-40)	326	305	21
4.	Kumpulan Pelaksana (1-14)	62	60	2
	JUMLAH	473	440	33

Nota: *P = Perjawatan, *I = Isi, *K = Kosong

2.2 Pencapaian HRMIS Sepanjang 2023

JBG berjaya memastikan pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga 31 Disember 2023 telah mencapai KPI yang telah ditetapkan seperti berikut:

MAKLUMAT HRMIS	PENGEMASKINIAN DATA HRMIS (%)
Data perjawatan	93.02%
Data Integriti	100%
Data Sasaran Kerja Tahunan & Laporan Nilaian Prestasi Tahunan	100%
Penamatan Perkhidmatan	100%
Pengisytiharan harta	100%
Tuntutan Pelbagai	100%

Tuntutan Perjalanan	**100%**
Pembangunan Kompetensi	**100%**
Pengurusan Penyata Kew.8, Gaji dan Penanggungan Kerja	**100%**

2.3. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2023, seramai 35 orang pegawai/kakitangan JBG telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	CAWANGAN
1.	Amutha a/p Socklingam	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	Ibu Pejabat
2.	Zulfazliah binti Mahmud	Pegawai Undang-Undang	Terengganu
3.	Haffiza binti Jemali	Pegawai Undang-Undang	Sarawak
4.	Mohamad Al Hafid bin Ismail	Pegawai Syariah	Pulau Pinang
5.	Norhamiza binti Ghazali	Pegawai Undang-Undang	Kelantan
6.	Sapphirra binti Selamat	Pegawai Undang-Undang	Selangor
7.	Mohamad Norshahnizam bin Norizan	Pegawai Syariah	Johor
8.	Istazz Hardyan bin Eiddros	Penolong Pegawai Undang-Undang	Sabah
9.	Farahah binti Faisol	Penolong Akauntan	Ibu Pejabat
10.	Amseveani a/p Subramaniam	Penolong Pegawai Undang-Undang	Perlis
11.	Rosmawati binti Bakhori	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Ibu Pejabat
12.	Fifi Liana binti Nasrun	Penolong Akauntan	Ibu Pejabat

13.	Norshafinaz binti Daroji	Penolong Pegawai Tadbir	
14.	Nora hafshah binti Idris	Penolong Pegawai Tadbir	Johor
15.	Ruzaida binti Harun	Penolong Pegawai Syariah	Raub
16.	Nur Baiti binti Alias	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Ibu Pejabat
17.	Siti Khadijah binti Othman	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Melaka
18.	Mohamad Rizal bin Mohamad Sharif	Pembantu Perpustakaan	Ibu Pejabat
19.	Roselini binti Zahari	Pembantu Tadbir	Gua Musang
20.	Ummu Marsyitha binti Yaacob	Pembantu Tadbir (Undang-Undang)	Langkawi
21.	Nurulhannah binti Mat Akhir	Pembantu Syariah	Kedah
22.	Wan Sarina binti Wan Omar	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Ibu Pejabat
23.	Al-Humaidi bin Mohammad	Pembantu Syariah	Pahang
24.	Nurul Ain binti Ambak	Pembantu Syariah	Terengganu
25.	Nurul Suraya binti Mohd Khazali	Pembantu Tadbir (Undang-Undang)	Taiping
26.	Zuraidah binti Marzuki	Pembantu Tadbir (perkeranian/Operasi)	Miri
27.	Khairul bin Jol	Pembantu Syariah	Sibu
28.	Wan Norhisham bin Wan Deraman	Pembantu Tadbir (Prekeranian/Operasi)	Kelantan
29.	Mufidah binti Mohd Yusoff	Pembantu Tadbir (Undang-Undang)	Perlis
30.	Efarini binti Ajimat	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Sarawak
31.	Mohd Tajuddin bin Abd Samad	Pemandu	Ibu Pejabat

32.	Ananthan a/l Balakuru	Penghantar Notis	Kedah
33.	Azrin bin Awang Ismail	Pembantu Operasi	Sabah
34.	Saiful Nuur Azni bin Mohamad	Penghantar Notis	Kuala Lumpur
35.	Shawal bin Dahalan	Pembantu Operasi	Negeri Sembilan
36.	Derek Thaddeus	Penolong Pegawai Undang-Undang	Muar

2.4 Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat

Sehingga bulan Disember 2023, seorang pegawai JBG telah dikurniakan Pingat Bakti Masyarakat Peringkat Negeri Melaka.


NAMA	JAWATAN/GRED	PERSEKUTUAN/ NEGERI	KATEGORI PINGAT
Mohd Nazri bin Mohamad @ Yusop	Pembantu Syariah LS22(TBK1)	Negeri Melaka	Pingat Bakti Masyarakat (PBM)

3. PENGURUSAN KEWANGAN

3.1 Perbelanjaan Mengurus 2023

Peruntukan perbelanjaan mengurus Jabatan Bantuan Guaman yang telah diluluskan adalah sebanyak **RM35,366,700.00.** Prestasi perbelanjaan mengikut agihan adalah seperti berikut:

KOD & PENJENISAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN ASAL 2023 (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA TERMASUK TAMBAHAN 2023 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2023 (RM)
Emolumen	25,017,600.00	25,017,600.00	24,293,497.33
Perkhidmatan Dan Bekalan	9,284,800.00	8,784,800.00	8,617,625.21
Aset & Bangunan	1,060,000.00	1,060,000.00	1,051,458.50
Pemberian Dan Bayaran Tetap	4,300.00	4,300.00	3,724.46
JUMLAH	35,366,700.00	34,866,700.00	35,496,808.98



3.2 Pengurusan Bil Tahun 2023

Ringkasan prestasi proses pembayaran bil sempurna bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2023

HARI	BILANGAN	%	AMAUN (RM)	%
0 - 7	5,343	99.60	11,587,466.03	99.80
8-14	13	0.40	18,584.56	0.20
LEBIH 14	0	0	0.00	0
JUMLAH	**5,356**	**100**	**11,606,050.59**	**100**

3.3 Aktiviti Unit Kewangan 2023

Sepanjang tahun 2023 Unit Kewangan telah menganjurkan 2 kursus berkaitan kewangan iaitu Kursus Tatacara Perolehan Melalui Sistem ePerolehan dan Kursus Penetapan Gaji dan Kenaikan Pangkat.

3.3.1 Kursus Penetapan Gaji dan Kenaikan Pangkat pada 26-27 Januari 2023 di Bilik Latihan ICT







3.3.2 Kursus ePerolehan (Pembelian Terus dan Pengurusan Kontrak) pada 23-25 Mei 2023 di Dewan Seminar Hotel Corus, Kuala Lumpur





4. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

4.1 Portal Rasmi Jabatan Bantuan Guaman

Portal rasmi JBG merupakan media perantaraan kepada orang awam dalam memahami maklumat korporat yang merangkumi informasi, objektif, fungsi, piagam pelanggan, perkhidmatan JBG dan maklumat 22 cawangan JBG. Portal ini memaparkan aktiviti terkini yang berlaku di JBG dan turut menyediakan pautan aplikasi yang boleh digunakan oleh orang awam seperti Sistem Pengurusan Aduan Awam, Sistem Permohonan Latihan Industri, Ujian Kemampuan Kelayakan Bantuan Guaman, Sistem Permohonan Peguam Panel dan Sistem eKlinik 6G. Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang turut ditawarkan adalah pautan perkhidmatan atas talian bagi, galeri & media, risalah dan juga iklan/keputusan perolehan JBG.



Muka depan Portal Rasmi JBG

Sepanjang tahun 2023, penambahbaikan/pengemaskinian kandungan telah dilaksanakan bagi memastikan Portal Rasmi JBG sentiasa memaparkan maklumat dan akitiviti terkini untuk rujukan pengunjung.

4.2 Projek Menaik Taraf Sistem Rangkaian Jabatan Bantuan Guaman

JBG telah melaksanakan Projek Menaik Taraf Sistem Rangkaian yang melibatkan semua cawangan JBG (kecuali JBG Selangor) di mana skop projek ini adalah seperti berikut –

a) Membekal, menghantar, memasang, menguji, mengkonfigurasi, mentauliah dan menyelenggara *Network Switch, Switch Rack, Uninterruptable Power Supply* (UPS) dan *Wireless Access Point* (AP);
b) Membekal, menghantar, memasang, menguji, mengkonfigurasi, mentauliah dan menyelenggara *Cat6A network cabling* baharu, *Patch Panel* baharu, *Patch Cord UTP Cat6A* dan *cascading cable* yang perlu bagi sambungan antara *network switch*;
c) *Dismantle and disposal of switch rack*, *network switch* dan kabel sedia ada; dan
d) Membuat *tagging and numbering at network port and switch rack.*

Pembekalan peralatan rangkaian dan kerja-kerja menaik taraf sistem rangkaian ini telah bermula pada 11 September 2023 dan selesai pada 6 November 2023. Melalui projek ini, semua peralatan rangkaian di cawangan telah digantikan dengan peralatan terkini dan kemudahan sambungan rangkaian secara *wireless* (wi-fi) dapat disediakan untuk kegunaan warga JBG di cawangan.

Kerja-kerja menaik taraf sistem rangkaian ini dilakukan selepas waktu pejabat, cuti hujung minggu dan cuti umum bagi memastikan tiada gangguan ke atas perkhidmatan JBG kepada orang awam. Pegawai bertugas dari Unit Teknologi Maklumat dan cawangan telah memantau serta menyemak kerja-kerja menaik taraf sistem rangkaian yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik bagi memastikan setiap kerja-kerja tersebut disiapkan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.



Kerja-kerja menaik taraf sistem rangkaian

4.3 Pembangunan dan pelancaran Sistem eKlinik 6G Jabatan Bantuan Guaman



Muka depan Sistem eKlinik 6G

Sistem eKlinik 6G membolehkan mana-mana organisasi untuk memohon penganjuran Klinik Guaman dan Program Literasi Undang-Undang JBG di lokasi pilihan pemohon.

Projek pembangunan sistem ini telah dimulakan pada bulan Mac 2023 dan telah berjaya disiapkan pada bulan Oktober 2023 serta dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) pada 23 Oktober 2023. Sistem ini dibangunkan secara dalaman *(in-house)* sepenuhnya oleh Unit Teknologi Maklumat JBG.

Sistem ini merupakan cetusan idea oleh mantan Ketua Pengarah JBG, YBhg. Dato' Wan Jeffry bin Kassim pada Februari 2023 selaras dengan Pelan Strategik JBG 2019 – 2023, dalam usaha JBG untuk memperkukuhkan sistem aplikasi dan perkongsian penyampaian maklumat untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Usaha ini kemudiannya telah diteruskan oleh YBhg. Dato' Norazmi bin Mohd Narawi, Ketua Pengarah JBG yang baharu. YBhg. Dato' Norazmi bin Mohd Narawi juga telah menamakan sistem ini sebagai Sistem eKlinik 6G yang merujuk kepada (6) enam perkhidmatan yang ditawarkan oleh JBG iaitu seperti yang berikut:

a) Litigasi Guaman Jenayah;
b) Litigasi Guaman Sivil;
c) Litigasi Guaman Syariah;
d) Khidmat Guaman Pengantaraan;
e) Khidmat Nasihat Guaman; dan
f) Khidmat Pendamping Guaman

Dengan pelancaran sistem ini, ianya bukan sahaja memudahkan pengguna sistem dalam kalangan warga JBG untuk merancang pelaksanaan program Klinik Guaman dan Literasi Undang-Undang serta promosi Jabatan berdasarkan permintaan dari semasa ke semasa tetapi juga memudahkan pemohon untuk mengemukakan permohonan dan mengetahui status permohonan melalui fungsi semakan pada sistem.


Sistem ini telah sedia diakses oleh orang ramai secara dalam talian mulai 25 Oktober 2023 melalui portal rasmi JBG di pautan www.jbg.gov.my.





Majlis Pelancaran Sistem eKlinik 6G

4.4 Pembangunan Sistem Pengurusan Kontrak Jabatan Bantuan Guaman



Muka depan Sistem Pengurusan Kontrak

Pembangunan sistem ini menggunakan rujukan Sistem Pengurusan Kontrak Jabatan Perdana Menteri dan diubah suai mengikut keperluan JBG. Pengubahsuaian sistem dilaksanakan secara dalaman *(in-house)* oleh Unit Teknologi Maklumat JBG.


Sistem Pengurusan Kontrak ini dibangunkan dengan tujuan untuk :

a) Memastikan rekod kontrak JBG dapat diuruskan dengan lebih teratur dan sistematik; dan
b) Memudahkan pemantauan kontrak.

Projek pembangunan sistem telah dimulakan pada bulan April 2023 dan sistem telah *go live* pada bulan Jun 2023. Sistem ini diakses dan digunakan secara dalaman oleh Unit Perolehan JBG bagi menguruskan dan memantau kontrak JBG.

Perkongsian kod sumber telah diberikan kepada Unit Aplikasi, Seksyen Pengurusan Maklumat Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) untuk rujukan selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) BHEUU 2021 – 2025 di bawah program perkongsian pintar aplikasi sokongan di antara agensi.

4.5 Pengemaskinian Sistem Koha Jabatan Bantuan Guaman



Muka depan Sistem Koha

Sistem Koha adalah sistem berasaskan perisian sumber terbuka dan dipasang serta disesuaikan dengan persekitaran JBG. Sistem ini digunakan oleh Unit Perpustakaan

JBG sejak tahun 2022 bagi pengurusan rekod buku dan bahan bacaan di perpustakaan JBG Ibu Pejabat.

Pada bulan Mei 2023, Unit Teknologi Maklumat telah melaksanakan penambahbaikan pada Sistem Koha iaitu :

a) *Front page and menu customization*; dan
b) Menaik taraf versi 21.05 kepada versi 22.11

Penambahbaikan yang dilaksanakan menggunakan kepakaran dalaman ini telah menjimatkan peruntukan Jabatan sebanyak RM12,000.00 berdasarkan kajian pasaran yang dibuat oleh Unit Perpustakaan.

4.6 Perolehan Lesen Antivirus Jabatan Bantuan Guaman

Unit Teknologi Maklumat telah melaksanakan perolehan lesen perisian antivirus dan perisian antivirus ini telah dipasang pada semua komputer peribadi dan komputer riba Jabatan. Antivirus ini berfungsi untuk :

a) Melindungi peralatan dan data dari serangan siber seperti *malware* dan *ransomware*;

b) Melindungi peralatan dari serangan virus yang boleh merosakkan peralatan secara keseluruhan;

c) Melindungi pengguna daripada kecurian identiti dan maklumat peribadi dengan memusnahkan *spyware*; dan

d) Menjamin keselamatan data semasa melayari Internet.

Aktiviti pemasangan antivirus dilaksanakan bermula 3 Julai 2023 sehingga 3 Ogos 2023 melalui dua kaedah iaitu secare *remote installation* dan *on-site installation.*



Aktiviti pemasangan perisian antivirus

4.7 Perkhidmatan Penyewaan Peralatan ICT

Unit Teknologi Maklumat JBG telah melaksanakan perolehan Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mengkonfigurasi, Mentauliah Dan Menyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Komputer Peribadi dan Pencetak di Jabatan Bantuan Guaman. Tempoh penyewaan adalah selama 36 bulan bermula pada 1 November 2023 sehingga 31 Oktober 2026 dengan nilai kontrak RM1,283,400.00.

Komputer peribadi yang dibekalkan ini ditempatkan di semua Bilik Khidmat Nasihat dan Bilik Pengantaraan JBG Ibu Pejabat dan 22 cawangan manakala pencetak pula ditempatkan di bilik/ruang kerja pegawai dan kakitangan JBG.



Komputer peribadi dan pencetak sewaan

4.8 Penyediaan Bahan Multimedia Dan Grafik



Antara Poster/Banner yang dihasilkan

Unit Teknologi Maklumat telah menyediakan bahan multimedia dan rekaan grafik bagi kegunaan Jabatan. Penyediaan imej grafik ini merangkumi aktiviti perancangan, reka bentuk dan cetakan hasil grafik. Penyediaan multimedia video dan montaj pula merangkumi perancangan, reka bentuk, rakaman, penyuntingan, penerbitan dan simpanan video.

5. PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

5.1 Koleksi Bahan Bacaan Perpustakaan Ibu Pejabat JBG Tahun 2023


Sebanyak 8276 naskah koleksi bahan bacaan yang terdapat di Perpustakaan Ibu Pejabat JBG yang boleh dipinjam dan dibuat rujukan.

Jumlah Koleksi Perpustakaan 2023

BAHAN	JUMLAH
Buku	**4702**
Majalah / Jurnal	**1830**
Buletin	**964**
Laporan Tahunan	**628**
Cakera Padat – Audio (CD)	**4**
Cakera Padat – Video (VCD/DVD)	**8**
Cekera Padat – (CD ROM)	**133**
JUMLAH KOLEKSI	**8276**


5.2 Jumlah Pengunjung Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat

Seramai 848 pengunjung yang mengunjungi perpustakaan dicatatkan bagi bulan Januari sehingga Disember 2023 seperti rajah di atas, berbanding tahun sebelumnya iaitu 502 pengunjung pada 2022, peratusan peningkatan sebanyak 69% bagi tahun yang direkodkan.



5.3 Pinjaman Bahan Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat

Sebanyak 117 naskah bahan bacaan telah dipinjam untuk bacaan dan rujukan pada tahun 2023, peningkatan sebanyak 29 naskah bersamaan 28% pada tahun sebelumnya.



5.4 Latihan Pangkalan Data Current Law Jurnal

Pada tahun 2023, sebanyak 6 kali latihan telah dilaksanakan secara bersemuka seperti jadual di bawah :-


BIL	CAWANGAN	TARIKH	MASA	TEMPAT
1.	JBG Perlis	9 Feb 2023	2.30 - 4.30 ptg	Jabatan Bantuan Guaman Perlis
2.	JBG Terengganu	23 Feb 2023	2.00 - 4.00 ptg	Jabatan Bantuan Guaman Terengganu
3.	JBG Negeri Sembilan	16 Mac 2023	2.30 - 4.30 ptg	Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan
4.	JBG Sarawak	11 Mei 2023	2.30 - 4.30 ptg	Jabatan Bantuan Guaman Sarawak
5.	JBG Perak	25 Mei 2023	2.30 - 4.30 ptg	Jabatan Bantuan Guaman Perak
6.	JBG Kelantan	8 Jun 2023	2.00 - 4.00 ptg	Jabatan Bantuan Guaman Kelantan

Manakala 6 latihan secara dalam talian juga telah diadakan mengikut zon seperti jadual berikut :-

BIL	CAWANGAN	TARIKH	MASA
1.	**Zon Tengah** - Putrajaya, Kuala Lumpur & Selangor	5 Jan 2023	3.30 - 4.30 ptg
2.	**Zon Utara** - Pulau Pinang & Langkawi	19 Jan 2023	3.30 - 4.30 ptg
3.	**Zon Utara** - Kedah & Taiping	2 Feb 2023	3.00 - 4.00 ptg
4.	**Zon Selatan** - Johor, Melaka & Muar	16 Feb 2023	3.00 - 4.00 ptg
5.	**Zon Timur** - Pahang, Raub & Gua Musang	17 Mac 2023	3.30 - 4.30 ptg
6.	**Zon Sabah dan Sarawak** - Sabah, Sibu, Labuan & Miri	13 April 2023	3.30 - 4.30 ptg

5.5 Laporan Transaksi Penggunaan Pangkalan Data Undang-Undang CLJ Law

Jabatan Bantuan Guaman telah melanggan Pangkalan Data Undang-Undang CLJ Law dan sebanyak 14,336 transaksi penggunaan dicatatkan pada tahun 2023.



* 2016 – 2021 - Pangkalan Data Undang-Undang Lexis Nexis
2022 – 2023 – Pangkalan Data CLJ

5.6 Aktiviti Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat

5.6.1 Program Jom Baca 10 Minit

Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2023 ini telah diadakan pada 29 Mei 2023 di Perpustakaan JBG. Program ini merupakan program utama sektor perpustakaan yang dijalankan sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Ia juga merupakan komitmen sektor perpustakaan di seluruh Malaysia bertujuan meningkatkan amalan dan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia. Program ini telah dilakukan serentak dengan Program Jom Baca 10 minit oleh Perpusakaan Negara Malaysia.

Pertandingan Meneka Berat Buku dan Siapa Bertuah turut diadakan selepas program membaca diadakan. YBhg Dato' Wan Jeffry bin Kassim, KP JBG telah turut serta dalam majlis penyampaian hadiah dan penutupan program tersebut.









5.7 Program World Quran Hour

Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman dengan kerjasama Perpustakaan BHEUU telah mengadakan program ini dengan menjemput Ustaz Anas Jamaluddin daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia untuk memimpin bacaan dan terjemahan Surah Al-Insan pada 13 April 2023 di Surau BHEUU. Program ini bertujuan untuk menyatukan umat Islam di seluruh dunia apabila ummah meluangkan masa selama sejam membaca, memahami dan menghayati ayat suci al-Quran pada ruang waktu yang berbeza.







5.8 Lawatan ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka

Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman dengan kerjasama Perpustakaan BHEUU telah mengadakan program ini bagi menyemarakkan lagi Hari Kebangsaan pada tahun 2023. Seramai 40 peserta telah menyertai lawatan tersebut yang telah diadakan pada 7 September 2023.









5. UNIT PENTADBIRAN IBU PEJABAT

6.1 Pelaksanaan Kursus Pengurusan Fail Dan Rekod Jabatan Di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus

Jabatan Bantuan Guaman mempunyai 23 Cawangan termasuk Ibu Pejabat yang terletak di seluruh Malaysia. Jabatan ini mempunyai keseluruhan kakitangan sebanyak 438 mengikut waran perjawatan sehingga 9 Januari 2024. Unit Pentadbiran merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan yang bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan pentadbiran am, kenderaan, aset, stor dan pengurusan fail dan rekod di JBG. Salah satu fokus Unit Pentadbiran pada 2023 adalah untuk memperkemaskan sistem pemfailan ke arah pendigitalan dokumen menjelang tahun 2024.

Bagi memastikan dan sebagai satu persediaan ke arah pendigitalan dokumen menggunakan sistem DDMS, unit ini berpandangan adalah perlu untuk semua pengurus fail diberikan latihan dan pendedahan pengurusan fail yang betul supaya pengurus-pengurus fail dapat mematuhi tatacara pengurusan yang betul dan tepat seterusnya bersedia ke arah pendigitalan dokumen. Sehubungan dengan itu, Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Arkib Negara telah melaksanakan Kursus Pengurusan Fail dan Rekod bagi tahun 2023 bagi seluruh Cawangan JBG di Malaysia.

Objektif kursus ini adalah seperti berikut:

i. Untuk meningkatkan kefahaman cara yang betul dalam pengurusan fail dan rekod;


ii. Untuk memastikan pengurusan dokumen yang lebih sistematik mengikut
tatacara Jabatan Arkib Negara dan seterusnya bersedia untuk menggunakan *Digital Document Management System* (DDMS); dan

iii. Untuk menyelaras dan penyeragaman sistem fail di seluruh JBG cawangan.

Kursus ini diharap akan memberi pendedahan kepada pengurus fail dan rekod di cawangan-cawangan cara yang betul dalam pengurusan rekod dan fail, memahami serta melaksanakan pengurusan fail dan bersedia untuk menggunakan *Digital Document Management System* (DDMS) dan memastikan sistem pengurusan fail dan rekod yang lebih seragam bagi JBG seluruh cawangan.

Hasil perbincangan bersama wakil Jabatan Arkib Negera Malaysia (JANM), satu taklimat pra penyediaan bengkel yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada 2 Februari 2024 secara dalam talian dan bengkel pemurnian manual klasifikasi fail jabatan yang dijadualkan pada 22 hingga 24 Februari 2024 selama 3 hari telah dibatalkan bagi memberi ruang kepada majlis pelancaran kenderaan jabatan pada bulan Februari. Menerusi pembincangan lanjutan bersama Pegawai Arkib, kursus ini akan dilaksanakan semula pada 29 hingga 31 Julai 2024.

Sehingga pada 30 Januari 2024, peratusan pencapaian pelaksanaan sistem DDMS di peringkat Jabatan adalah





6.2 Perpindahan Rekod Perkhidmatan, Pelupusan Dan Pemusnahan Rekod Awam Jabatan

Untuk makluman Jabatan Bantuan Guaman telah melantik seramai 27 orang Pegawai Rekod dan 29 orang Pembantu Tadbir Rekod Jabatan bagi sejumlah perjawatan staf seramai 438 orang.

Pada tahun 2023, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah melaksanakan perpindahan rekod perkhidmatan pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat di Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Kelulusan perpindahan rekod perkhidmatan ini telah diterima pada 18 April 2023 dan telah diserah kepada Jabatan Arkib Negera Malaysia pada 29 Mei 2023. Sebanyak 163 buah buku Perkhidmatan pegawai dan kakitangan telah dikemukakan kepada Jabatan Arkib Negara untuk disimpan.

Manakala, permohonan pelupusan dan pemusnahan rekod awam Jabatan (Syariah) telah dikemukakan ke Jabatan Arkib Negara Malaysia (JANM) pada 8 November 2023 dan sebanyak 20 fail syariah setelah mendapat kelulusan pada 27 November 2023.





6.3 Perolehan Kenderaan Jabatan Maxus V80 Dan Maxus G10 Untuk Kegunaan Jabatan Bantuan Guaman Di Ibu Pejabat Dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sarawak Dan Negeri Sabah

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah memulakan projek perolehan kenderaan Jabatan pada bulan Mei 2023 selepas mendapat cetusan idea daripada mantan Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman (JBG), YBhg. Dato' Wan Jeffery bin Kassim.

Perolehan kenderaan Jabatan sebanyak 3 buah kenderaan Maxus V80 dan Maxus G10 untuk kegunaan mempromosikan Jabatan serta memberikan khidmat nasihat kepada orang awam yang memerlukan khidmat nasihat *(legal advice)* serta menjadi salah satu cara menyantuni orang awam tidak kira dimana jua di seluruh pelosok negara. Kenderaan Jabatan ini akan menjadi ikon Jabatan di masa hadapan. Perolehan kenderaan Jabatan ini akan ditempatkan di Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah memuktamadkan harga bagi perolehan kenderaan secara rundingan terus melibatkan empat (4) unit kenderaan dan pemasangan aksesori tambahan kenderaan pada tiga (3) unit maxus V80 panel van 6mt selaras dengan PK 7.7 - Perolehan Kenderaan oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah diluluskan di peringkat Lembaga Perolehan Jabatan Perdana Menteri (LP JPM) yang bermesyuarat pada 6 September 2023. Kelulusan tersebut melibatkan nilai perolehan yang dipersetujui dalam sesi rundingan harga bersama pihak syarikat.

JBG telah menerima kelulusan peruntukan di bawah Inisiatif Memperkasa Khidmat Bantuan Guaman sebanyak RM3 juta melibatkan perolehan kenderaan bagi tujuan Klinik Bantuan Guaman sebanyak RM1 juta. Perolehan kenderaan tersebut melibatkan pembelian 4 unit kenderaan, iaitu 3 unit kenderaan jenis Maxus V80 Panel Van (yang memerlukan ubah suai dalaman dan luaran bagi tujuan program khidmat nasihat guaman) dan 1 unit kenderaan MPV jenis Maxus G10 Supreme bagi tujuan membawa pegawai bagi pelaksanaan klinik tersebut. Anggaran nilai perolehan kedua-dua jenis kenderaan ini adalah sebanyak RM790,000.00 (bagi 3 unit jenis Maxus V80

Panel Van) dan RM170,000.00 (bagi jenis Maxus G10 Supreme) menjadikan jumlah perolehan sebanyak RM960,000.00.

Majlis Penyerahan Kenderaan Jabatan telah dilaksanakan pada di 22 Disember 2023 perkarangan lobi Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dengan dihadiri oleh wakil daripada Weststar Maxus Distribution Sdn Bhd dan seluruh warga kerja Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Dalam perkembangan terkini, Jabatan ini telah selesai melaksanakan Majlis Pelancaran Kenderaan Jabatan di Negeri di bawah bayu. Pelancaran telah dilakukan pada 25 Januari 2024 di Dewan Gawir, Penampang oleh YBhg. Dato' Sri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi).










Justice on Wheels
Jabatan Bantuan Guaman
KLINIK BANTUAN GUAMAN


www.jbg.gov.my

6.4 Kadar Pusingan Stok Jabatan Bantuan Guaman Bagi Tahun 2023

TAHUN SEMASA	KEDUDUKAN STOK				
	SEDIA ADA	PENERIMAAN	PENGELUARAN	STOK SEMASA	KADAR
	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	JUMLAH NILAI STOK (RM)	PUSINGAN STOK
	(a)	(b)	(c)	d = (a+b)-(c)	$\frac{c}{[(a + d) 2]}$
Baki Bawa Hadapan	**Baki Stok Akhir Tahun**	**2022:00:00**		**83127.8222**	
Suku Tahun Pertama	83,128.820	110,538.030	109,844.030	83,821.820	1.320
Suku Tahun Kedua	83,821.820	119,51.95	114,354.460	88,978.310	132.000
Suku Tahun Ketiga	88,978.310	139,227.070	131,050.600	97,154.780	1.410
Suku Tahun Keempat	**97,154.780**	**149,266.190**	**147,055.190**	**99,365.780**	**1.500**
NILAI TAHUNAN		**518,542.230**	**502,304.280**		**5.500**

Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pengurusan Stor Kerajaan (JKPAK) Bil. 1 Tahun 2024, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) melaporkan Kadar Pusingan Stok (KPS) Jabatan telah mencapai kadar 5.500 bagi tempoh 12 bulan dengan jumlah penerimaan sebanyak RM518,542.230 dan pengeluaran stok sebanyak RM502,3

6. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR

Bahagian Penyelidikan dan Dasar (BPD) bertanggungjawab membantu Ketua Pengarah dan Pengurusan Tertinggi JBG dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar JBG.

a. AKTIVITI

- Menyediakan/ memberi pandangan undang-undang secara bertulis dan lisan kepada Cawangan JBG berkaitan dengan perkhidmatan teras JBG;
- Menyemak dokumen perundangan seperti kontrak, Memorandum Jemaah Menteri dan Nota Jemaah Menteri;
- Menyemak, mengemaskini dan menyediakan Arahan Ketua Pengarah Bantuan Guaman;
- Menyediakan dan menyemak draf Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman;
- Menjadi urus setia pemantauan pencapaian KPI Jabatan; dan
- Menyelaras jawapan/ input/ maklum balas Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan menjadi urus setia Mesyuarat Perundangan serta Mesyuarat Pengarah Negeri.

Mesyuarat Pengarah Negeri JBG Bil.2/2023 di Mercure Penang

Tarikh : 12 Jun 2023





Mesyuarat Pengarah Negeri JBG Bil.3/2023 di Kuala Terengganu

Tarikh : 9 – 11 Oktober 2023





Pada tahun 2023, Bahagian ini telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Pelan Strategik JBG bagi tempoh 2024-2028. Pelan Strategik ini merupakan kesinambungan kepada pencapaian strategi dan program Pelan Strategik 2019-2023. Bengkel Pembangunan Pelan Strategik ini telah diadakan pada 10 – 12 Julai 2023, di Hotel Holiday Inn Melaka.

Bengkel Pelan Strategik JBG di Putrajaya

Tarikh : 14 Ogos 2023





Bengkel Pelan Strategik JBG di Holiday Inn Melaka

Tarikh : 10 Julai 2023





b. PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN (KRITERIA DAN UJIAN KEMAMPUAN) (PINDAAN) 2023

JBG telah banyak membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapat akses kepada keadilan melalui pengendalian kes di mahkamah dan khidmat nasihat undang-undang yang diberikan. Perkhidmatan yang diberikan ini adalah pada kos yang amat minimum berbanding kos yang perlu ditanggung jika menggunakan perkhidmatan peguam swasta. BPD telah bertanggungjawab dalam menggubal pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman berhubung dengan had kelayakan mendapatkan bantuan guaman.

Sebagai manifestasi keprihatinan dan keseriusan Kerajaan terhadap perkhidmatan bantuan guaman yang kita berikan kepada rakyat, had kelayakan bantuan guaman penuh telah dinaikkan daripada RM30,000 kepada RM50,000 yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2023. Pemohon yang mempunyai sumber kewangan tahunan antara RM50,001 hingga RM70,000 boleh mendapatkan bantuan guaman tertakluk kepada bayaran sumbangan. Manakala pemohon yang mempunyai sumber kewangan tahunan melebihi RM70,000 perlu mendapatkan kelulusan YB Menteri dan membayar sumbangan sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi dan Sumbangan)(Pindaan) 2023 [P.U (A) 129/2023].

c. PENUBUHAN JAWATANKUASA PENGGUBALAN PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN


Bagi mengemas kini dan memantapkan tatacara penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa, JBG telah mengkaji semula Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman untuk penambahbaikan. Oleh itu, beberapa siri mesyuarat dalaman telah diadakan untuk mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang perlu ditambah baik dan dipinda. Perundangan yang baharu ini dijangka akan dapat diwartakan pada tahun 2024.

7. BAHAGIAN PENGANTARAAN, LITIGASI DAN NASIHAT (SIVIL)

LAPORAN PERKHIDMATAN TERAS


8.1 PENDAFTARAN KES SIVIL

Sejumlah 7137 kes sivil telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2023 yang terdiri daripada 4182 (58.6%) kes sivil dan 2955 (41.4%) bagi kes jenayah. (Lihat Rajah 1).




Rajah 1 : Pendaftaran Kes Sivil dan Jenayah

JBG Selangor mencatatkan pendaftaran kes sivil paling tinggi (527), diikuti JBG Sabah (376) dan JBG Sarawak (375), manakala Ibu Pejabat JBG dan Langkawi masing-masing mencatatkan (1) pendaftaran kes sivil. (Lihat Jadual 2).




Rajah 2 : Pendaftaran Kes Sivil Mengikut Negeri



Rajah 3 : Pecahan Jenis Kes Sivil

8.2 PENDAFTARAN KES JENAYAH

Sejumlah 2955 kes jenayah telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, JBG Kelantan mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling tinggi (469) kes diikuti JBG Terengganu (443) kes dan JBG Kedah (469) kes, manakala JBG Labuan tidak mencatatkan pendaftaran kes jenayah pada tahun 2023. (Lihat Rajah 4)



Rajah 4 : Pendaftaran kes Jenayah Mengikut Negeri


Daripada jumlah yang didaftarkan juga, 2909 daripadanya adalah kes mitigasi pengakuan salah, jenayah kanak-kanak 41 kes dan kesalahan-kesalahan kecil 5 kes. (Lihat Rajah 5).



Rajah 5 : Pecahan Jenis Kes Jenayah

8.3 PENDAFTARAN KES SIVIL DAN JENAYAH MENGIKUT JANTINA


Daripada jumlah 4182 kes sivil, 2645 (63.2%) anak guam adalah perempuan dan baki 1537 (36.8%) lelaki. Daripada keseluruhan 2955 kes jenayah yang didaftarkan, 2794 (94.6%) anak guam lelaki dan baki 161 (5.4%) perempuan. (Lihat Rajah 6)



Rajah 6 : Pendaftaran kes Sivil dan Jenayah mengikut jantina

8.4 PENDAFTARAN KES SIVIL DAN JENAYAH MENGIKUT KAUM


Daripada jumlah 4182 kes sivil, 1582 (37.8%) anak guam adalah kaum Cina,1254 (30%) kaum India, lain-lain kaum 1134 (27.1%) dan baki 212 (5.1%) adalah kaum Melayu. Daripada keseluruhan 2955 kes jenayah yang didaftarkan, 2644 (89.4%) kaum Melayu, 159 (5.4%) kaum India, 88 (3%) kaum Cina dan baki 64 (2.2%) perempuan. (Lihat Rajah 7).



	SIV	JEN
Melayu	212	2644
Cina	1582	88
India	1254	159
Lain-lain	1134	64


Rajah 7 : Pendaftaran Sivil dan Jenayah Mengikut Kaum.

8.5 KHIDMAT NASIHAT SIVIL DAN JENAYAH BAGI TAHUN 2023




Rajah 1 : Khidmat Nasihat bagi kes Sivil dan Jenayah

Sebanyak 19904 khidmat nasihat yang telah diberikan sepanjang tahun 2023. Khidmat nasihat ini merangkumi kes-kes sivil dan jenayah sama ada di dalam bidang kuasa dan juga di luar bidang kuasa JBG. Daripada keseluruhan 19904 khidmat nasihat yang diberi, 15742 (79.09%) merupakan kes Sivil dan baki 4162 (20.91%) adalah kes jenayah.




Rajah 2 : Khidmat Nasihat Kes Sivil

Berdasarkan Rajah 2 di atas, JBG Selangor mencatatkan jumlah khidmat nasihat sivil paling tinggi (2906) diikuti JBG Johor (1972) dan JBG Kuala Lumpur (1302). JBG Gua Musang (20) mencatatkan jumlah khidmat nasihat sivil yang terendah diikuti oleh JBG Labuan (43).



Rajah 3 : Khidmat Nasihat Kes Jenayah

Berdasarkan Rajah 2 di atas, bagi khidmat nasihat kes jenayah pula, JBG Kelantan mencatatkan jumlah khidmat nasihat paling tinggi (588) diikuti JBG Kedah (416) dan JBG Johor (318). JBG Labuan (3) mencatatkan jumlah khidmat nasihat jenayah terendah diikuti oleh JBG Miri (16).



Rajah 4 : Khidmat Nasihat Mengikut Kaum

Daripada keseluruhan 19904 khidmat nasihat yang diberi, 6991 (35.12%) merupakan pelanggan dari kaum melayu, 4602 (23.12%) dari kaum cina, 3836 (19.27%) dari kaum india, dan baki 4475 (22.48%) dari kaum-kaum lain. (Lihat Rajah 4)

8.6 AKTIVITI



Objektif Kursus

- Mengukuhkan pengetahuan peserta terutama pegawai yang terlibat dengan pengendalian kes pembuangan kerja dan pemfokusan berkenaan prosedur permohonan di mahkamah, penyediaan pliding serta perundangan yang perlu dirujuk.
- Membincangkan isu-isu perundangan yang dihadapi oleh cawangan dalam pengendalian kes pembuangan kerja.
- Memberi peluang kepada peserta untuk berbincang dan berkongsi pengalaman / pendapat berkaitan pengendalian ke pembuangan kerja di cawangan masing-masing bagi tujuan penyelarasan tindakan, sekiranya perlu.
- Memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai JBG berkenaan kes pembuangan kerja yang di kendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Perhubungan Perusahaan

i. Kursus Tanah Siri I





Objektif Kursus

- Meningkatkan pengetahuan pegawai mengenai isu-isu perihal hartanah.
- Mengukuh pengetahuan peserta terutama pegawai yang terlibat dengan pengendalian kes hal tanah berkenaan perkara prosedur permohonan di mahkamah, penyediaan pliding serta perundangan yang perlu dirujuk.

ii. Kursus Pengangkatan Anak Secara Dalam Talian

Kursus Pengangkatan Anak (Secara Dalam Talian) JBG telah diadakan pada 22 dan 23 November 2023.





Objektif Kursus

- Meningkatkan pengetahuan pegawai mengenai Pengurusan anak pelihara di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611
- Proses dan prosedur pengangkatan di bawah Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257]
- Prosedur dan pliding berkenaan pengangkatan anak di Mahkamah
- Pendaftaran pengangkatan dan Pembatalan Pendaftaran Pengangkatan.

iii. Sesi Perkongsian Ilmu (Sivil) JBG



iv. Mesyuarat Pegawai JBG Bersama YBhg. Datuk Peguam Cara Negara Malaysia

Mesyuarat telah diadakan pada 17 Ogos 2023 di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU antara Pegawai Undang-Undang JBG dengan YBhg. Datuk Peguam Cara Negara bagi membincangkan isu-isu perkhidmatan dan kebajikan pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara yang berkhidmat di JBG seluruh Malaysia.





9. BAHAGIAN SYARIAH

9.1 Fungsi Bahagian

Bahagian Syariah bertanggungjawab menguruskan dan mengawal selia bahagian di bawahnya iaitu:

i. Bahagian Litigasi dan Nasihat (Syariah); dan
ii. Bahagian Pengantaraan (Syariah).

Antara tugas-tugas yang dikawalselia termasuklah:

(a) Memberi khidmat nasihat dalam penyelesaian masalah undang-undang sama ada yang dikemukakan oleh pelanggan yang hadir terus ke Ibu Pejabat atau Cawangan-Cawangan;
(b) Bertanggungjawab dalam mengawal selia pengendalian kes-kes Syariah di Ibu Pejabat dan Cawangan JBG seluruh Malaysia;
(c) Bertanggungjawab untuk mengendalikan kes-kes di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah seluruh Malaysia;
(d) Memastikan keseragaman tindakan serta prosedur yang diamalkan di Cawangan-Cawangan;
(e) Membuat penyelidikan mengenai Undang-Undang Syariah yang dirujuk oleh cawangan;
(f) Merancang dan menyelaras Program Naziran Jabatan ke seluruh Cawangan JBG;
(g) Merancang dan menyelaras Program Promosi dan Kesedaran Masyarakat JBG; dan
(h) Merancang dan menyelaras Program Latihan Pegawai Syariah di JBG.

Statistik Pendaftaran Kes, Khidmat Nasihat dan Penyelesaian Kes SyariahBagi Tahun 2023

a) <u>Pendaftaran Kes Syariah</u>

Sejumlah 6,623 kes syariah telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia bagi tahun 2023. Pecahan kes syariah mengikut jenis kes yang didaftarkan dalam tahun 2023 adalah seperti berikut:

JENIS KES	JUMLAH KES
MENGINGKARI PERINTAH MAHKAMAH	1
PENGUATKUASAAN HARTA SEPENCARIAN	20
PENGUATKUASAAN JAGAAN/HAK LAWATAN	19
PENGUATKUASAAN PERINTAH MUTAAH	9
PERMOHONAN MEMBATALKAN PERINTAH NAFKAH ANAK/ISTERI	3
PERMOHONAN PENGESAHAN HIBAH	43
PERMOHONAN PENGESAHAN WASIAT	10
PERMOHONAN PENGESAHAN/PERINTAH NIKAH	4
PERMOHONAN PENGUATKUASAAN PERINTAH NAFKAH	36
PERMOHONAN PENJAGA DIRI/HARTA/ANAK YATIM	2
PERMOHONAN SIJIL FARAID/AKUAN PUSAKA	5
PERMOHONAN WALI HAKIM/AM	5
RAYUAN SYARIAH KELUARGA/MAL	8
TUNTUTAN FASAKH	1314
TUNTUTAN GANTIRUGI PERKAHWINAN/HUTANG PERKAHWINAN	33
TUNTUTAN GANTIRUGI PERTUNANGAN	2
TUNTUTAN HADHANAH	1186
TUNTUTAN HAK PENJAGAAN ANAK TAK SAH TARAF	22
TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN	394
TUNTUTAN KHULUK/TEBUS TALAQ	3
TUNTUTAN MENGUBAH PERINTAH HAK JAGAAN	82

TUNTUTAN MENGUBAH PERINTAH NAFKAH ANAK/ISTERI/LAIN-LAIN	170
TUNTUTAN MUTA'AH	557
TUNTUTAN NAFKAH ANAK	980
TUNTUTAN NAFKAH ANAK TAK SAH TARAF	3
TUNTUTAN NAFKAH EDDAH	350
TUNTUTAN NAFKAH ISTERI	25
TUNTUTAN PENGESAHAN CERAI TAKLIK	829
TUNTUTAN PENGESAHAN LAFAZ CERAI	103
TUNTUTAN PENGESAHAN SABITAN NASAB / AHLI WARIS	3
TUNTUTAN PERCERAIAN	342
TUNTUTAN SABITAN NUSYUZ	4
TUNTUTAN TUNGGAKAN NAFKAH ANAK/ISTERI/LAIN-LAIN	56
JUMLAH KESELURUHAN	**6,623**

JADUAL 1

b) <u>Khidmat Nasihat Syariah</u>

Sejumlah 19,498 nasihat guaman syariah telah diberikan di seluruh Malaysia oleh Jabatan Bantuan Guaman pada tahun 2023. Berikut adalah jumlah khidmat nasihat syariah di seluruh cawangan JBG bagi tahun 2023:

CAWANGAN	KHIDMAT NASIHAT SYARIAH
PERLIS	405
KEDAH	1315
LANGKAWI	276
P. PINANG	920
PERAK	1271
TAIPING	198
SELANGOR	2478
K. LUMPUR	1401
IBU PEJABAT	95
N. SEMBILAN	570

MELAKA	510
JOHOR	2690
MUAR	538
PAHANG	1198
RAUB	342
TERENGGANU	1125
KELANTAN	1770
GUA MUSANG	273
SABAH	702
LABUAN	186
SARAWAK	788
MIRI	217
SIBU	230
JUMLAH	**19498**

JADUAL 2

c) <u>Penyelesaian Kes Syariah</u>

Sebanyak 4,375 kes syariah telah 273 berjaya diselesaikan oleh Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia dalam tahun 2023. Berikut adalah jumlah berjaya penyelesaian kes syariah dalam tahun 2023:


Bil	Perkara	Jumlah
1	**Orang Yang Dibantu (OYD) Tarik Diri / Tamatkan Khidmat JBG**	**626**
2	**OYD Meninggal Dunia**	**12**
3	**Kes Dibatalkan OlehMahkamah**	**463**
4	**JBG Tarik Diri**	**87**
5	**Kes Selesai Dengan Perintah Mahkamah**	**2911**
6	**Pertuduhan Ditarik Balik Oleh Pendakwa**	**2**
7	**Tiada Kerjasama OYD**	**165**

8	**Lain-Lain**	**109**
	JUMLAH KESELURUHAN	**4375**

JADUAL 3

a) Pengendalian Kes Di Bawah Skim Bantuan Guaman Syarie Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Zakat Negeri (LZN)Sehingga Bulan Disember 2023

i. Kolaborasi JBG dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)



JADUAL 4

a) Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 409 kes asnaf MAIWP telah dikendalikan sama ada oleh peguam JBG atau panel peguam JBG. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 377 kes telah berjaya diselesaikan dengan menggunakan dana sumbangan MAIWP bagi menanggung kos-kos

guaman, kos pentadbiran dan sebagainya adalah sebanyak **RM441,895.02**.

b) Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 247 kes asnaf MAINJ telah dikendalikan sama ada oleh peguam JBG atau panel peguam JBG. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 233 kes telah berjaya diselesaikan dengan menggunakan dana sumbangan MAINJ bagi menanggung kos-kos guaman, kos pentadbiran dan sebagainya adalah sebanyak **RM292,362.10**.

c) Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 43 kes asnaf LZNK telah dikendalikan sama ada oleh peguam JBG atau panel peguam JBG. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 kes telah berjaya diselesaikan dengan menggunakan dana sumbangan LZNK bagi menanggung kos-kos guaman, kos pentadbiran dan sebagainya adalah sebanyak **RM32,794.72**.

9.2 Sesi Perkongsian Ilmu Bahagian Syariah











i. **Kursus Pemahaman Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Tahun 2023 pada 20 – 22 Jun 2023 di Hotel Flamingo Ampang, Selangor**







ii. **Bengkel Penyediaan Tatacara Pengendalian Piawai (Standard Operating Procedure (SOP) Permohonan Tuntutan Kos Bagi Kes Syariah Tahun 2023 pada 3 – 5 Julai 2023 di Hotel Best Western i-City, Shah Alam Selangor**







10. BAHAGIAN PEGUAM PANEL DAN PENDAMPING GUAMAN

10.1 Latar Belakang

Fungsi utama Bahagian Peguam Panel dan Pendamping Guaman adalah untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman menyenggara daftar peguam panel JBG, memproses permohonan penugasan peguam panel dari cawangan-cawangan JBG di seluruh Malaysia, memantau kes-kes kendalian peguam panel dan memproses tuntutan kos pengendalian kes mahkamah oleh peguam panel.

Berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971, Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menugaskan kes kepada peguam panel yang dilantik untuk memberi nasihat atau bertindak bagi pihak orang yang diperakukan untuk dibantu. Lazimnya, penugasan akan dibuat kepada peguam panel dalam keadaan kedua-dua pihak dalam prosiding yang sama layak mendapat bantuan guaman, kes yang mempunyai konflik kepentingan, melibatkan isu undang-undang yang kompleks dan kes-kes mahkamah yang jauh dari cawangan JBG.

Selain itu, Bahagian ini juga turut dipertanggungjawabkan bagi memantau pengendalian kes-kes pendamping guaman di cawangan-cawangan JBG seluruh Malaysia agar ianya mematuhi peruntukan perundangan dan tatacara kendalian piawaian yang telah ditetapkan.

10.2 Pengurusan Kes Peguam Panel

Pelaksanaan inisiatif kerajaan dalam memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman iaitu secara khususnya menaikkan had kelayakan bantuan guaman dari RM30,000 ke RM50,000 telah memberikan kesan positif langsung kepada jabatan ini dari segi pertambahan permohonan dan perakuan bantuan guaman kepada individu yang layak. Inisiatif tersebut menyumbang kepada peningkatan pendaftaran kes-kes mahkamah yang perlu dikendalikan oleh pegawai-pegawai di jabatan ini.


Sehubungan itu, salah satu komponen perkhidmatan di JBG iaitu khidmat peguam panel turut dipertingkatkan selaras dengan peruntukan kewangan khas yang telah diluluskan Kementerian Kewangan bagi tahun 2023. Berbanding tahun 2022, secara keseluruhannya terdapat peningkatan sebanyak 142.00% kelulusan penugasan kes kepada peguam panel dengan impak liabiliti kewangan mencecah

RM1,000,000.00 sahaja. Penugasan kes kepada peguam panel adalah sebahagian usaha pihak Pengurusan Tertinggi JBG untuk meringankan sedikit sebanyak beban tugas pegawai JBG di cawangan-cawangan seluruh Malaysia dan merupakan satu langkah kesinambungan '*smart partnership*' di antara agensi kerajaan dan peguam swasta.


Bagi tahun 2023, sejumlah 324 kes yang terdiri dari jenis kekeluargaan sivil, kekeluargaan syariah, perihal tanah dan lain-lain telah ditugaskan kepada peguam panel JBG. Selaras dengan hasrat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), kes-kes di luar bidang kuasa yang kompleks atau sukar turut dikendalikan oleh pegawai JBG dan sebahagian darinya turut ditugaskan kepada peguam panel JBG.

Selain dari itu, JBG turut sama berusaha membudayakan perkhidmatan bantuan guaman secara *pro bono* di kalangan peguam panel. Bahagian Peguam Panel dan Pendamping Guaman telah mengenalpasti kes yang bersesuaian dan menugaskan sebanyak 10 kes secara *pro bono* kepada peguam panel JBG bagi tahun 2023.

Secara keseluruhannya, penugasan kes kepada peguam panel bagi tahun 2023 meningkat secara drastik hasil inisiatif ‘Memperkasakan Perkhidmatan Bantuan Guaman’. Berikut adalah carta perbandingan penugasan peguam panel dari tahun 2018 sehingga tahun 2023.



Berikut adalah carta kategori peratusan jumlah dan jenis kes yang telah ditugaskan kepada peguam panel sepanjang tahun 2023.




10.3 Pengurusan Kes Pendamping Guaman

Khidmat Pendamping Guaman bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual merupakan salah satu khidmat bantuan guaman yang ditawarkan oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*]. Khidmat ini diberikan kepada semua kanak-kanak warganegara Malaysia yang layak tanpa mengira bangsa dan agama. Pencapaian bagi pendaftaran khidmat nasihat Pendamping Guaman dan pendaftaran kes Pendamping Guaman oleh JBG bagi tempoh Januari 2023 hingga Disember 2023 adalah seperti dalam jadual berikut:

BIL	JENIS PERKHIDMATAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	KHIDMAT NASIHAT PENDAMPING GUAMAN	98	4	1	3	106
2	KES PENDAMPING GUAMAN	66	1	0	1	68

Sebagai perbandingan, khidmat pendamping guaman yang diberikan oleh JBG semakin meningkat saban tahun sejak ia mula diperkenalkan hasil usaha pegawai-pegawai JBG dalam menjalankan literasi undang-undang kepada orang ramai. Berikut adalah carta yang menunjukkan perkhidmatan yang telah diberikan.



10.4 *Smart Partnership* Bersama Peguam Swasta

Bagi memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman, JBG percaya pihak-pihak yang terlibat di dalam bidang perundangan perlu sama-sama berganding bahu demi mencapai matlamat yang sama. Amalan '*no wrong door policy*' wajar dipanjangkan dalam aspek bantuan guaman di Malaysia. Sehubungan itu, JBG mengambil inisiatif awal dengan mengadakan perbincangan dan bertukar pandangan berhubung rujukan kes ke agensi-agensi penyedia khidmat bantuan guaman.

Mesyuarat Kerjasama antara Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) telah diadakan pada 9 Mac 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1, Jabatan Bantuan Guaman, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Jeffry bin Kassim, Ketua Pengarah JBG dan antara agenda yang dibincangkan adalah ruang kerjasama di antara JBG dan PGSM, skala bayaran peguam, isu-isu berkaitan peguam panel dan isu melibatkan kerjasama dengan cawangan PGSM yang lain.









10.5 Mesyuarat Kerjasama antara Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) pada 9 Mac 2023.

Selanjutnya, YBhg. Dato' Wan Jeffry bin Kassim, Ketua Pengarah JBG bersama YBrs Puan Rusita binti Md Lazim, Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) telah menjalankan lawatan kerja di JBG Wilayah Persekutuan Labuan pada 5 April 2023. Di dalam sesi ini, turut diadakan perbincangan berhubung penugasan kes JBG kepada peguam panel bersama peguam-peguam swasta yang menjalankan amalan guaman di Labuan. Kerjasama yang dijalinkan akan dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan dan memberi keadilan yang sewajarnya kepada golongan yang memerlukan.









10.6 Lawatan kerja dan mesyuarat bersama peguam di JBG Wilayah Persekutuan Labuan pada 5 April 2023

Pada 14 April 2023, satu pertemuan antara JBG dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur telah diadakan di Ibu Pejabat JBG. Pertemuan ini membincangkan bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan dalam memperkasakan perkhidmatan bantuan guaman bagi memastikan warga Malaysia yang berkelayakan dapat memanfaatkan perkhidmatan guaman yang diberikan oleh JBG dan Pusat Bantuan Guaman kendalian ahli-ahli Majlis Peguam Malaysia.









10.7 Pertemuan antara JBG dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur telah diadakan di Ibu Pejabat JBG pada 14 April 2023

Selanjutnya, pada 24 Mei 2023, YBhg. Dato' Ketua Pengarah telah mempengerusikan perjumpaan bersama peguam panel dalam sesi lawatan kerja di JBG Sabah. Pertemuan ini telah membincangkan bentuk kerjasama di antara kedua-dua pihak dalam memastikan tiada golongan kurang berkemampuan tercicir dalam mendapatkan akses kepada keadilan.





YBhg. Dato Ketua Pengarah mempengerusikan perjumpaan bersama peguam panel dan swasta di JBG Sabah pada 24 Mei 2023

10.8 Kursus Pendamping Guaman

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai prosedur pengendalian kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan fungsi Pendamping Guaman selaras dengan pindaan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 dan tatacara kendalian piawaian yang telah ditetapkan. Selain itu, ianya turut memperkenalkan khidmat Pendamping Guaman kepada semua pegawai yang baru ditempatkan di JBG dari tempoh suku keempat tahun 2022 hingga suku kedua tahun 2023.

Kursus ini memberikan pendedahan mengenai psikologi kanak-kanak yang berada dalam situasi konflik undang-undang, pengendalian mangsa jenayah seksual, pengenalan dan penggunaan Kit Pendamping Guaman serta memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai JBG yang bertindak sebagai Pendamping

Guaman. Peserta kursus turut didedahkan dengan latih amal melibatkan model kanak-kanak.

Selain penceramah daripada JBG, kursus ini turut melibatkan penceramah daripada agensi luar seperti Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman dan Bahagian Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat.




RSUS PENDAMPING GUAMAN 2023
20 - 22 JUN 2023
HOTEL SANTA GRAND SIGNATURE
KUALA LUMPUR


PERANAN PDRM
1 Pegawai penyiasat
Pegawai Pelindung 2
3 Pencegahan




KURSUS PENDAMPING GUAMAN 2023


AKTA KETERANGAN 1950
s.118
s.133A



11. Kunjungan Hormat

11.1 Lawatan Kunjung Hormat Ke Ibu Pejabat PDRM

Pada 25 Oktober 2023, Bahagian Peguam Panel dan Pendamping Guaman, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bersama-sama dengan YBhg. Dato' Ketua Pengarah JBG dan YBrs. Puan Timbalan Ketua Pengarah (Sivil) JBG telah mengadakan satu lawatan kunjung hormat ke Bahagian D11, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman (PDRM).

Objektif utama lawatan kunjung hormat ini adalah untuk membina serta memupuk hubungan kerjasama di antara agensi Kerajaan. Di samping itu, sesi ini dihasratkan sebagai platform untuk bertukar buah fikiran berkenaan dengan pengukuhan khidmat sokongan kepada kanak-kanak mangsa jenayah seksual dan seterusnya cadangan pewujudan kerjasama antara JBG dan PDRM.

Lawatan kunjung hormat ini telah disambut baik oleh Ketua Penolong Pengarah, ACP Siti Kamsiah binti Hassan dan sebahagian besar pegawai kanan Bahagian D11 (Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak). Perbincangan dimulakan dengan penerangan Khidmat Pendamping Guaman oleh Pengarah Bahagian Peguam Panel dan Pendamping Guaman JBG. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan cadangan jalinan kerjasama bagi pengukuhan sokongan kepada kanak-kanak mangsa jenayah seksual yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Siasatan/Perundangan) PDRM, DCP Dato' Rusdi bin Mohd Isa.

PDRM telah diserahkan sesalinan draf cadangan Nota Kerjasama Pengukuhan Sokongan Kepada Kanak-Kanak Mangsa Jenayah Seksual Di Dalam Sistem Keadilan Jenayah yang dicadangkan untuk ditandatangani oleh JBG dan PDRM. Kedua-dua pihak berhasrat dengan adanya jalinan kerjasama ini, ia akan dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti bagi perkhidmatan ini serta mengukuhkan sokongan kepada kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual.


JABATAN SIASATAN JENAYAH
BUKIT AMAN


JABATAN SIASATAN JENAYAH


KETUA PENOLONG PENGARAH / KETUA UNIT D11

11.2 Perbincangan Skim Bantuan Guaman Syarie Kerjasama Antara Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada 31 Januari 2023 di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)





11.3 Mesyuarat Program Literasi Undang-Undang Antara Jabatan Bantuan Guaman JBG) Dan Yayasan Bantuan Guaman (YBGK) pada 24 Februari 2023 di Pusat Keluaga LPPKN Pulau Pinang





11.4 Mesyuarat Pengurusan Skim Bantuan Guaman Syarie Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Dan Lembaga Zakat Negeri (LZN) Siri 1 Tahun 2023 pada 28 Februari hingga 2 Mac 2023 Di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik, Pahang





11.5 Mesyuarat Kerjasama Antara Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) pada 9 Mac 2023 di Aras 1, Bilik Mesyuarat Utama (BMU) JBG





11.6 Mesyuarat Penyelarasan Dana MAIWP Antara Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bil.1/2023 pada 7 April 2023 di Aras 1, Bilik Mesyuarat Utama (BMU) JBG



11.7 Mesyuarat Peyelarasan Penyaluran Dana Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) Dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) pada 20 November 2023 di Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar, Johor





11.8 Mesyuarat Penyelarasan Penyaluran Dana Bagi Skim Bantuan Syarie Antara Jabatan Bantuan Guaman dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) pada 13 Disember 2023 di Lembaga Zakat Negeri Kedah






11.9 Sesi Libaturus Jabatan Bantuan Guaman Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri Terengganu Bersama Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) Bagi Memperkasakan Bantuan Guaman Kepada Golongan Asnaf Di Negeri Terengganu pada 27 Februari 2023





11.10 Mesyuarat mengenai Pakej Iklan Hebahan Perkhidmatan JBG dengan RTM pada 9 Mac 2023 dan 27 Julai 2023 di Aras 1, Bilik Mesyuarat Utama (BMU) JBG





11.11 Mesyuarat Bahagian Pengantaraan, Litigasi Dan Nasihat (Sivil), Pengantaraan (Syariah) Ibu Pejabat, Putrajaya dengan Pegawai Pengantaraan JBG Negeri/Cawangan pada 30 Ogos 2023 Secara Dalam Talian dan 14 November 2023 di Dewan Saksama, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya





12. AKTIVITI PROMOSI JBG SEPANJANG TAHUN 2023

12.1 Pempamer Majlis Pelancaran Program Matahari (Meningkatkan Daya Tahan Dan Psikologi Wanita) Dan Program IRIS (Literasi Perundangan Dan Hak Wanita) pada 2 Februari 2023





12.2 Pempamer Hari Terbuka Putrajaya 2023 Anjuran Perbadanan Putrajaya pada 2 – 5 Mac 2023 di Kompleks Perbadanan Putrajaya





12.3 Pameran JBG Sempena Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 pada 8 Mac 2023 di Dewan Felda, Kuala Lumpur





12.4 Program Outreach Sulh Program (OR Sulh 2023) dan Muhakat Sulh pada 11 Julai 2023 di Dewan Tanjung, Wisma Transit, Jalan Buku Lima, Kementah, Kuala Lumpur





12.5 Pameran Persidangan Antarabangsa Kaunselor (International Conference Education Counsellor (ICEC) Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2023 pada18 – 19 Oktober 2023 The Everly Hotel, Putrajaya





12.6 Pameran Sempena Program Hari Integriti Dewan Bahasa Pustaka 2023 pada 7 November 2023 Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP, Kuala Lumpur



12.7 Pameran Sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat LKIM 2023 dengan Tema " Integriti Citra Malaysia Madani" pada 30 November 2023 bertempat di Dewan Besar LKIM, Puchong, Selangor.





12.8 Bicara Fail Syariah siaran TV ALHIJRAH Bersama Tuan Saharuddin Bin Selamat (Pengarah Pengantaraan (Syariah) JBG Putrajaya, Tajuk "Wasiat Wajibah: Hak Anak Yatim?" pada 23 Januari 2023



12.9 Slot Tajaan Bersama Jabatan Bantuan Guaman Di Radio Nasional fm (RTM), Penceramah Puan Siti Salwa binti Mohd Noor @ Ghazali, Pengarah Bahagian Pengantaraan (Syariah) JBG Putrajaya, Tajuk: " Khidmat Pengantaraan" pada 6 Oktober 2023



12.10 Slot Tajaan Bersama Jabatan Bantuan Guaman Di Radio Nasional fm (RTM), Penceramah : Puan Rosedalliyaty binti Daud, Pengarah Litigasi & Nasihat (Syariah) JBG Putrajaya, Tajuk : " Bidangkuasa JBG Dalam Kes Rayuan Syariah Dan Semakan Syariah" pada 13 Oktober 2023.



12.11 Program Apa Khabar Malaysia di BERNAMA TV pada 9 November 2023



12.12 Slot Tajaan Bersama Jabatan Bantuan Guaman Di Radio Nasional fm (RTM), Penceramah Tuan Za'im bin Md Yudin, Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) JBG Malaysia, Tajuk: "Bidang Kuasa Syariah Di Jabatan Bantuan Guaman" pada 27 Oktober 2023



12.13 Slot Selamat Pagi Malaysia (Nadi Seri Pagi) Di RTM TV1, Penceramah Tuan Za'im bin Md Yudin, Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) JBG Malaysia, Tajuk: "Pengantaraan Kes Syariah Di Jabatan Bantuan Guaman" pada 11 November 2023



13. PROGRAM *SMART PARTNERSHIP*

13.1 Kunjungan Hormat Dan Perbincangan Bagi Program Kerjasama Strategik Antara JBG Dan Fakulti Undang-Undang (FUU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 6 Mac 2023





13.2 Program Kolaborasi UiTM Bersama Jabatan Bantuan Guaman: "Pro Bono Gateway to Fairness For The Eligible" Anjuran Fakulti Undang-Undang UiTM pada 17 Mei 2023 di Auditorium Cempaka, Fakulti Undang-undang UiTM, Shah Alam Selangor





13.3 Kunjungan Hormat Dan Perbincangan Bagi Program Kerjasama Strategik Antara JBG Dengan Jabatan Penyiaran Malaysia pada 23 Jun 2023 di Wisma TV, Angkasapuri Kota Media, Kuala Lumpur





13.4 Lawatan Dan Kunjungan Hormat Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Ke Pusat Pengajian Undang-Undang (PPUM), UUM pada 6 Julai 2023 di Pusat Pengajian Undang-Undang (PPUU), Universiti Utara Malaysia (UUM)





13.5 Majlis Kunjung Hormat/Mesyuarat Kerjasama Strategik Antara Jabatan Bantuan Guaman Dan Fakulti Undang-Undang & Hubungan Antarabangsa (FUHA) UniSZA pada 12 Oktober 2023 di Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu, Terengganu





13.6 Program Meraikan Penyumbang Klinik Literasi Dan Bantuan Guaman (KLBG) - Anjuran UKM Bangi) pada 19 Januari 2023 di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor



13.7 Program Literasi Undang-Undang : Ketahui Hak Anda " Anjuran Bersama JBG Dan YBGK pada 15 Mac 2023 di Pusat Keluarga LPPKN Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.





14. PROGRAM NAZIRAN JBG

Sebanyak dua (4) program naziran telah berjaya dijalankan pada tahun 2023 iaitu Naziran di JBG Langkawi, JBG Perlis, JBG Sabah dan JBG Taiping. Objektif naziran ini dilaksanakan adalah bagi membuat rumusan terhadap pematuhan jabatan dengan menentukan sama ada:

(i) Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan dikemaskini;
(ii) Pengurusan kes mengikut standard dan piagam pelanggan yang telah ditetapkan oleh jabatan; dan
(iii) Pemantauan aktiviti dan tugasan pegawai dan kakitangan.

Senarai tugas Ahli Jawatankuasa Naziran JBG adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan naziran ke cawangan-cawangan JBG yang terpilih;
2. Menyediakan dokumentasi yang berkaitan bagi tujuan pelaksanaan naziran;
3. Mengkompilasikan dapatan naziran;
4. Menyediakan laporan hasil dapatan naziran;
5. Menetapkan skop naziran;
6. Menetapkan senarai semak bagi unit yang berkaitan;
7. Menyediakan pelan tindakan naziran; dan
8. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa

.

13. Naziran Ibu Pejabat JBG di JBG Cawangan Langkawi di 6 – 8 Februari 2023





14.2 Naziran Ibu Pejabat JBG di JBG Negeri Perlis pada 9 Februari 2023.





14.2 14.3 Naziran Ibu Pejabat JBG di Naziran Ibu Pejabat JBG di JBG Negeri Sabah pada 23 - 25 Mei 2023.





14.4 Naziran Ibu Pejabat JBG di Naziran Ibu Pejabat JBG di Cawangan Taiping pada 8 – 10 Ogos 2023.





15. Lain-lain Program

15.1 Program Skuad Prihatin Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor pada 19 Ogos 2023 di Dewan Serbaguna Blok D, Pangsapuri Uda,Tanjung Tokong, Pulau Pinang





15.2 Program Cakna Undang-Undang Dalam Kalangan Pelajar Sekolah pada 2 November 2023 di Sekolah Menengah di SMK Indera Petra 1, Gua Musang, Kelantan





16. Sambutan Hari Integriti







JBG Ibu Pejabat



JBG Johor



JBG Selangor



JBG Pahang



JBG Negeri Sembilan



JBG Kedah



JBG Cawangan Gua Musang



JBG Melaka



JBG WPKL



JBG Sabah



JBG Cawangan Muar



JBG Sarawak



JBG Kelantan



JBG Pulau Pinang



JBG Terengganu





YBhg. Dato' Ketua Pengarah JBG telah dijemput sebagai panel forum bertajuk Khilaf Semalam Kembali ke Pangkal Jalan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Wisma DBP, Kuala Lumpur





JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

PENGURUSAN TERTINGGI DAN PENGARAH BAHAGIAN / UNIT



Duduk hadapan dari kiri: Puan Azniza binti Mohd Ali, YBrs. Puan Azwarnida binti Affandi [Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi], YBrs. Tuan M. Bakri bin Abd Majid [Ketua Pengarah Insolvensi], YBhg. Dato' Che Sukri bin Che Mat [Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan] dan Puan Asma binti Ibrahim.

Berdiri belakang dari kiri: YBhg. Dr. Yusliana binti Yusoff, Encik Fazril Sani bin Mohamed Fadzil, YBhg. Dr. Sallehuddin bin Mohd Noor, Encik Abu Syaiful Kyairi bin Abu Hasan, Encik Lau Kar Woh, Encik Zakariya bin Nayan, Encik Sufian bin Hassan dan Puan Siti Noor Mazlifah binti Mokhtar.

PENGENALAN

Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dalam mendokong dasar dan aspirasi Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani akan terus komited menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah agensi yang mentadbir dan mengurus hal ehwal kebankrapan, penggulungan syarikat, pembatalan pertubuhan dan kesatuan sekerja. Pada tahun 2023 merupakan tahun pindaan ke atas Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] dan Kaedah-kaedah Insolvensi 2017 di mana pindaan ini selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani dalam prinsip rukun Ihsan melalui Dasar Peluang Kedua. Melalui pindaan ini Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [*Akta 1695*] dan Kaedah-kaedah Insolvensi (Pindaan) 2017 telah berkuat kuasa pada 6 Oktober 2023.

Pelaksanaan Dasar Peluang Kedua yang diperkenalkan ini memberi peluang khususnya kepada bankrap untuk kembali menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan menjalani kehidupan yang baharu. Dasar ini menyasarkan pelepasan sehingga 130,000 orang yang diisytiharkan bankrap sehingga tempoh masa satu tahun selepas Akta A1695 berkuat kuasa. Komitmen kerajaan dalam *roll-out* ini adalah bagi memastikan tiada golongan rakyat yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

MdI dan warganya selari dengan misi, visi dan objektif Jabatan berazam untuk menjadi warga kerja beretika, komited dan konsisten dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik serta melaksanakan tugasan berlandaskan prinsip undang-undang yang ditetapkan.

VISI, MISI DAN OBJEKTIF

(i) Visi

Untuk menjadi peneraju pengurusan insolvensi melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisyen dan dinamik.

(ii) Misi

Menguruskan hal ehwal insolvensi dengan integriti, saksama dan profesional untuk menjaga dan mengimbangi kepentingan pelanggan bagi meminimakan impak kegagalan pengurusan kewangan.

(iii) Objektif


(a) Memperkukuhkan pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan pengurusan insolvensi;
(b) Memperkukuhkan pelaksanaan dan pematuhan undang-undang insolvensi;
(c) Memperkukuhkan keupayaan dan kemampuan MdI; dan
(d) Memperkukuhkan kerjasama dan perkongsian strategik.

1. PEMERKASAAN BERTERUSAN PENTADBIRAN HAL EHWAL KEBANKRAPAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN


